

**Jilid II  
Bil. 36**



**Hari Khamis  
18hb Oktober, 1984**

**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 5265]

**MENARIK BALIK USUL OLEH Y.B. AHLI DARI KUALA LUMPUR BANDAR**  
[Ruangan 5312]

**USUL-USUL:**

**Skandal Pinjaman Bumiputra Malaysia Finance [Ruangan 5312]**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat**  
[Ruangan 5378]



MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).

„ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

„ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).

„ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).

„ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

„ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

„ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).

„ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).

„ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).

„ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

„ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).

„ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).

„ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).

„ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).

Yang Berhormat DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S., (Batang Lupar).

- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).

- Yang Berhormat TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N.(Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (TAMPIN).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K., (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).

- Yang Berhormat **TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.**  
(Baling).
- „ **TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P.**  
(Balik Pulau).
- „ **TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).**
- „ **TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,**  
**S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).**
- „ **TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).**
- „ **TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).**
- „ **DR TAN SENG GIAW (Kepong).**
- „ **TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).**
- „ **TUAN TING LING KIEW (Bintulu).**
- „ **WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).**
- „ **WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).**
- „ **WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).**
- „ **WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).**
- „ **TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).**
- „ **TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).**
- „ **DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.**  
(Tanjong Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Khamis, 18hb Oktober, 1984

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

70 JUTA—DASAR  
KEPENDUDUKAN

1. Tuan Ban Hon Keong minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada Y.A.B. Perdana Menteri sedar bahawa negara-negara yang lebih besar dari negara kita seperti Jepun, China dan India sedang mengadakan pembatasan jumlah kelahiran, adakah Y.A.B. Perdana Menteri menimbangkan bahawa penambahan bilangan penduduk negara kita kepada 70 juta orang akan membawa banyak akibat-akibat buruk seperti masalah sosial dan juga masalah ekonomi kepada negara kita; dan
- (b) manakala negara kita hari ini sedang mengalami satu cara kehidupan yang bertambah maju dan progresif, tidakkah Y.A.B. Perdana Menteri menduga masalah pekerjaan yang akan timbul oleh kerana penambahan bilangan penduduk yang bertambah

banyak dan melainkan ini lebih menumpukan perhatian kepada beberapa masalah penduduk-penduduk sekarang dan salah satu yang merupakan serius adalah masalah setinggian yang sedang bertambah pesat.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Shariffah Dorah binti Dato Syed Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan menyedari arah alih demography masalah kependudukan dan polisi-polisi kependudukan yang diikuti oleh negeri Jepun, China dan India termasuk juga polisi pembatasan jumlah kelahiran. Yang Berhormat patutlah memahami bahawa masalah kependudukan yang dihadapi oleh negara-negara tersebut adalah berbeza-beza. Polisi kependudukan sesuatu negara bergantung kepada jumlah penduduk yang sedia ada, arah aliran pertumbuhan kependudukan, sumber-sumber dalam negeri dan tahap pembangunan ekonomi semasa. Dasar kependudukan yang diketahui di negara China dan India menekan pengurangan kadar pertumbuhan penduduk, demikian juga di negara Jepun. Negara-negara tersebut sekarang sudah pun mempunyai jumlah penduduk yang ramai berbanding dengan keluasan kawasan negara dan sumber-sumber kekayaan semula jadi masing-masing. Dasar kependudukan negara kita tidak semestinya membawa akibat buruk kerana kawasan tanah kita boleh menampung jumlah penduduk yang lebih besar dari yang ada dan sumber kekayaan semula jadi juga boleh

menampung jumlah penduduk yang lebih besar. Namun begitu, kita harus mempasti secara strategi perancangan dan pelaksanaan program pendudukan kita berlandaskan konsep keseimbangan pertumbuhan penduduk dengan matlamat pembangunan ekonomi dan sosial.

Merujuk kepada ramalan Ahli Yang Berhormat mengenai implikasi pertumbuhan penduduk ke atas guna tenaga, ini semua sudah diambil kira.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa satu ad hoc committee yang diketuai oleh Tan Sri Arshad Ayub telah pun mengadakan satu kajian mengenai dasar kependudukan ini, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan apakah findings yang telah diperolehi hasil daripada kajian tersebut.

**Puan Shariffah Dorah binti Dato Syed Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, jawatankuasa ini diketuai oleh Tan Sri Abdullah Ayub—bukan Tan Sri Arshad Ayub. Jadi, segala perkara ini akan dibawa kepada Kabinet dan setelah diluluskan akan disebarkan kepada ramai.

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dari segi kemampuan negara kita untuk menampung beban memberi kemudahan asas kepada bilangan penduduk pada masa sekarang, nampaknya kita ada kesulitan yang banyak sekali. Bolehkah kita ambil tahu semua faktor-faktor yang kita hadapi masa sekarang dan macam mana kita boleh memperluaskan kemudahan asas untuk 70 juta orang sekiranya kita ada masalah pada masa sekarang dan keadaan ekonomi kita pada masa sekarang tidak memberi kemampuan kepada kita untuk menampung beban yang begitu berat.

**Puan Shariffah Dorah binti Dato Syed Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan Yang Berhormat tadi tentang kemudahan asas, memang sudah diambil kira, bahkan telah pun ada perancangan untuk pelaksanaan yang dijalankan secara berperingkat-peringkat.

**Tuan Chan Kok Kit:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan menimbangkan masalah kesusahan yang dihadapi oleh negara-negara China, India dan Indonesia yang mempunyai jumlah penduduk yang ramai, bahawa masalah dan kesusahan sama dihadapi oleh kita, dan negara-negara sedunia telah dan sedang mengawal jumlah penduduk, manakala kita berbeza. Adakah pemimpin-pemimpin negara maju telah silap dalam pandangan mereka terhadap masalah itu.

**Puan Shariffah Dorah binti Dato Syed Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, kalau dibandingkan dengan negara Jepun yang mempunyai penduduk berjumlah 118.4 juta orang, China 1.82 billion dan juga India 717 juta berbanding dengan negara Malaysia yang mempunyai penduduk hanya sebanyak 14.5 juta adalah terlalu kecil. Dan keadaan kekayaan bahan mentah yang ada dalam negara kita dan jika kita kuatkan rakyat kita bekerja, berdisiplin dan lain-lain tidak akan menjadi masalah dengan pertumbuhan keluarga ini, rakyat ini kerana yang kita kehendaki sebanyak 70 juta itu akan mengambil masa selama 115 tahun dengan kadar pertumbuhan sebanyak 1.5 juta pada setahun.

#### PENAGIH DADAH— BILANGAN

2. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed minta Perdana Menteri menyatakan bahawa apakah angka-angka penyalahgunaan dadah telah bertambah atau berkurangan dalam

negara kita sekarang ini berbanding dengan angka terlibat dalam tahun 1976 hingga 1978 seperti berikut: orang yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah 28,576 orang, seramai 17,674 orang ditangkap dihadapkan ke Mahkamah, 10,902 orang telah diberi rawatan di hospital dan 5,610 dirawat di penjara, seramai 577 terdiri daripada pelajar dan seramai 171 orang terdiri daripada anggota polis dan tentera.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, bilangan sebenar penagih-penagih dadah yang terkumpul bagi tempoh 1976 hingga 1978 ialah 27,319 orang. Jumlah bagi tempoh 1979 hingga Ogos 1984 ialah 60,944 orang. Bilangan purata kes baru yang dikesan setiap tahun bagi tempoh 1976-1978 ialah 9,106 orang manakala dari tahun 1979 sehingga Ogos tahun ini, jumlah purata kes baru ialah 10,754 setahun. Ini menunjukkan bahawa dalam tempoh 1979 hingga Ogos 1984, peratusan tambahan penagih-penagih yang dikesan telah meningkat 18 peratus berbanding dengan tempoh 1976-1978.

Peningkatan ini adalah disebabkan oleh usaha-usaha berterusan yang dijalankan untuk mengawal dan mencegah masalah penagihan ini.

Penagih-penagih yang dikesan dalam kedua-dua tempoh tersebut termasuk 2,077 orang pelajar. Seramai 360 orang anggota polis telah diambil tindakan kerana terlibat dengan kesalahan dadah dari 1976 hingga Jun 1984. Tindakan yang sama juga telah dikenakan ke atas 1,188 orang anggota tentera sejak tahun 1975 hingga Julai tahun ini.

Selain itu, seramai 5,933 orang banduan telah menjalani rawatan dan pemulihan dadah di penjara dalam tempoh dua tahun mulai 1976. Manakala 26,612 orang banduan lagi

menerima rawatan dan pemulihan yang serupa bagi tempoh 1978 hingga 1983.

Perangkaan yang saya sebut tadi jelas menunjukkan kepada kita semua bahawa masalah dadah di negara ini sudah semakin serius. Malah ia sudah mencapai tahap yang memerlukan Kerajaan menganggapnya sebagai masalah keselamatan dan bukan lagi masalah sosial semata-mata. Atas kesedaran ini maka Kerajaan, melalui agensi-agensinya, telah dan sedang mengambil berbagai langkah serta menguatkuasakan berbagai undang-undang dan ordinan bagi membendung gejala buruk ini dari menular ke dalam masyarakat kita, terutamanya golongan belia.

Langkah-langkah pencegahan yang dijalankan termasuklah penahanan dan tindakan undang-undang ke atas orang-orang yang terlibat dengan kegiatan penyalahgunaan dadah seperti penagih, pengedar, pembekal dan penyeludup bahan tersebut. Penagih-penagih juga diberikan rawatan dan pemulihan di pusat-pusat serenti yang disediakan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tugas membasmi masalah dadah di negara kita ini adalah tanggungjawab bersama semua pihak, termasuk parti-parti politik. Tugas berat ini tidak harus dibebankan kepada Kerajaan ataupun PEMADAM sahaja. Semua usaha kita adalah bertujuan menyelamatkan pewaris-pewaris kita di masa akan datang supaya menjadi anggota masyarakat yang berguna kepada bangsa dan negara. Kita tidak mahu mempunyai rakyat yang bergantung hidup kepada dadah. Malaysia tidak mampu memiliki warganegara yang lemah semangat dan ketahanannya kerana berkhayal dengan dadah. Inilah yang dikehendaki oleh musuh-musuh kita, terutama sekali pihak komunis yang

masih menyimpan cita-cita untuk menguasai negara kita.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Dalam jawapan Timbalan Menteri Dalam Negeri sebentar tadi kita telah mendengar usaha-usaha Kerajaan dalam memulihkan penagih-penagih dadah.

Saya ingin bertanya di atas kejayaan, peratus kejayaan di atas usaha-usaha Kerajaan ini untuk mengurangkan ataupun mengubat penagih-penagih dadah.

Yang kedua, dapatkah Timbalan Menteri menerangkan tentang pecahan-pecahan belia sama ada belia Melayu atau belia bumiputera dan bukan bumiputera yang terlibat dalam dadah ini.

Yang ketiga, berapakah perbelanjaan semua sekali umpama dalam setahun ditanggung oleh Kerajaan untuk membasmi dadah.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya semua soalan Ahli Yang Berhormat ini memerlukan saya memberi jawapan yang terpaksa mengambil kira angka-angka yang telah pun direkodkan. Jadi, saya perlu mendapat notis. Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan di sini bahawa masalah dadah sepertimana yang kita semua maklum adalah satu masalah yang serius dan pemulihan inilah satu perkara yang amat rumit dan tidak ada negara dalam dunia sekali pun yang telah pun mengeluarkan ataupun memperkenalkan ubat untuk diberi kepada penagih-penagih dadah dengan berjayanya.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri. Mengikut apa yang saya faham bahawa penagih-penagih dadah sebahagian besar daripadanya adalah belia-belie Melayu. Apakah sebab maka belia-belie Melayu ini

menjadi penagih dadah yang besar bilangannya dalam Malaysia ini.

Adakah ianya kerana keadaan sosio-ekonomi orang-orang Melayu ataupun kerana adanya usaha-usaha atau sabotaj daripada satu-satu golongan bagi melemahkan kedudukan belia-belie Melayu. Kalau ada, siapakah ataupun golongan manakah yang melakukan kerja demikian.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar kebanyakan penagih-penagih dadah yang terdapat di negara kita ini adalah datangnya daripada golongan belia-belie Melayu tetapi atas apa sebabnya belia-belie Melayu ini kebanyakannya menjadi penagih dadah saya percaya soalan yang diutarakan kepada saya tadi telah pun dijawab oleh Ahli Yang Berhormat sendiri. Malah saya tidak beranilah hendak memberi jawapan yang panjang daripada itu.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Saya mengucapkan tahniah kerana perlantikan Wakil dari Kuala Lumpur Bandar sebagai ahli Jawatankuasa Pilihan Khas yang dilantik oleh Kerajaan . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta yang itu jangan disebut, tidak bersangkutan dengan soalan yang di hadapan kita.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Saya hendak bertanya sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya bertanya dengan perlantikan Jawatankuasa Pilihan Khas ini adakah jumlah yang 18% ini akan dapat dikurangkan.

Kedua, kita tahu bahawa pertambahan 18% ini juga ada kaitan dengan ejen-ejen yang mengimport kerana bahan ini adalah bahan yang sangat laris dan meningkat perniagaannya dan penggunaannya bertambah 18%. Jadi, daripada ejen

negara manakah yang kita dapat kesan selama ini dan apakah kita mendapat kerjasama daripada negara-negara yang mempunyai kaitan dengan ejen-ejen yang mengimport bahan ini ke negara kita.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:**

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tujuan tertubuhnya Jawatankuasa Pilihan ini ialah untuk mengkaji Rang Undang-undang yang telah pun dibentangkan di Dewan yang mulia ini bagi bacaan kali yang pertama kerana termaktub dalam undang-undang ataupun dalam draf undang-undang tersebut kuasa-kuasa yang diberikan kepada Menteri Dalam Negeri untuk menahan mereka yang disyakki terlibat dengan kegiatan dadah selama dua tahun dan seterusnya jika perlu ditambah selama dua tahun.

Jadi, tujuan utama Jawatankuasa ini ialah untuk menemui rakyat, mendapat pendapat daripada rakyat tentang apakah perlu kuasa ini diberi ataupun perlu ditambah kuasa ataupun dikurangkan kuasa. Ini tidak

<i>Lebuhraya</i>	<i>Tempat Tol Dipungut</i>	<i>Tarikh Mula Pungutan</i>
Kuala Lumpur/Seremban	Plaza Tol Sg. Besi dan Plaza Tol Seremban	16-6-1982
Tg. Malim/Slim River	Plaza Tol Slim River	16-3-1966
Kuala Lumpur/Karak	Plaza Tol Gombak dan Plaza Tol Bentong	1-6-1984

Lebuhraya-lebuhraya yang akan dikenakan tol pula adalah seperti pintu masuk Tambak Johor di Johor Bahru di mana kutipan tol akan dimulakan seperti yang telah diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri iaitu pada 1-11-1984 nanti.

Jalan Selat Kelang Utara di mana tol adalah dijadual dipungut oleh pihak swasta yang menjalankan pembinaan Selat Kelang Utara ini di kilometer 1.5 dan di kilometer 12 pada kemungkinan awal tahun hadapan.

ada kena-mengena dengan kemasukan dadah yang kita sedia maklum kian bertambah ke negara kita ini.

**KUTIPAN TOL DI  
LEBUHRAYA**

**3. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilangan dan nama tempat dan lebuhraya di mana tol sedang dan akan dipungut di negara kita dan apakah jumlah wang yang dipungut dari setiap kawasan ini setiap tahun dari 1983 dan bagaimanakah wang yang dipungut itu telah digunakan bagi tahun-tahun tersebut. Apakah kriteria yang digunakan untuk membuat keputusan sama ada tol akan dipungut di sesuatu kawasan jalan raya atau lebuhraya.

**Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Zainal Abidin bin Zin):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan dan nama tempat serta lebuhraya di mana tol sedang dipungut adalah seperti berikut:

Lebuhraya Senai/Johor Bahru di mana kutipan tol akan dipungut di Plaza Tol Senai. Walau bagaimanapun, tarikh pungutan belum ditetapkan lagi.

Lebuhraya Bukit Kayu Hitam, Jitra di mana tol akan dipungut di Kompleks Imigeresen Bukit Kayu Hitam. Tarikh pungutannya juga belum ditetapkan lagi.

Jumlah hasil kutipan tol yang telah dipungut di lebuhraya-lebuhraya yang

sedang dikenakan tol pada masa ini bagi tahun 1983 dan 1984:

<i>Lebuhraya</i>	<i>Jumlah Pungutan</i>
Kuala Lumpur/Seremban	\$20.6 juta
Tg. Malim/Slim River	4.8 juta
Kuala Lumpur/Karak	1.7 juta

(sehingga Ogos, 1984)

Suka saya menyatakan, sebagai satu makluman, bahawa hasil kutipan tol ini digunakan bagi menambah lagi sumber kewangan bagi membiayai perbelanjaan penyelenggaraan dan mengemaskini lebuhraya-lebuhraya yang sedia ada serta membina lebuhraya-lebuhraya baru.

Di antara kriteria-kriteria yang digunakan untuk mengenakan tol di jalan raya-jalan raya dan di lebuhraya lebuhraya, kedua-dua ini sama, ialah dengan adanya kenderaan-kenderaan yang banyak menggunakan jalan raya-jalan raya dan lebuhraya-lebuhraya ini, maka jalan raya ataupun lebuhraya kita yang tersebut itu perlulah diperbesarkan, diperbaiki, dikemaskini daripada masa ke semasa untuk menentukan kesesuaian dan keselamatan pengguna-penggunanya.

Pembesaran, pembaikan dan pengemaskinian ini memerlukan perbelanjaan yang banyak. Untuk tujuan itu maka tol terpaksa diadakan. Dengan hasil yang lebih dari tol ini, maka dapatlah jalan raya-jalan raya dan lebuhraya-lebuhraya yang berkenaan itu diperbesar, dikemaskini dan diselenggarakan dengan hasil yang telah saya sebutkan tadi.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Yang Berhormat bermaksud untuk mengadakan pungutan tol di Jalan Kuching/Jalan Kepong? Jika ada, bolehkah Kementerian mempertimbangkan bahawa dalam satu tolnya hanya boleh dipungut daripada 450 kenderaan sejam dan di Jalan kuching/Jalan

Kepong, sekiranya kita dapati 3 saluran satu arah, ini bermakna bertambahnya dalam satu jam 6,000 kenderaan sejam, dan ini bermakna sekiranya diadakan pungutan tol, kesesakan lalu lintas tidak boleh diatasi.

**Tuan Zainal Abidin bin Zin:** Mengadakan tol dan mengurangkan lalu lintas adalah dua faktor yang berlainan. Untuk menimbangkan perkara ini boleh, tetapi menyetujuinya belum tentu lagi.

**Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud:** Soalan tambahan, apakah perlunya diadakan sampai 2 Plaza Tol di antara Lebuhraya Kuala Lumpur/Karak memandangkan bahawa dengan mempunyai 2 Plaza Tol ini kita boleh mengurangkan perbelanjaan dengan hanya mengadakan satu sahaja, umpamanya selain daripada menyusahkan pengguna-pengguna terpaksa berhenti dua kali, ia juga menyusahkan pengguna dengan membayar dua kali dan dapat menjimatkan hasil Kerajaan oleh kerana ramainya kakitangan-kakitangan digunakan?

Begitu juga di Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban, apakah kriteria-kriteria yang digunakan oleh Kementerian oleh kerana kita dapati di negara-negara yang lebih maju daripada kita, mempunyai begitu banyak lebuhraya tetapi di satu-satu lebuhrayanya kita dapat hanyalah satu sahaja Plaza Tol. Apakah tindakan Kementerian terhadap perkara ini?

**Tuan Zainal Abidin bin Zin:** Saya tidak dapat mengesan negara maju yang mana yang hanya ada satu tol, kerana kalau kita perhatikan lebuhraya di negara Jepun umpamanya, daripada Narita ke Tokyo, saya rasa ada lebih kurang 4 tol, kalau tidak salah. Jadi kalau negara maju ini kita anggap maju dan adakan 4 tol dan kita hanya baru ada 2 tol, kita kira tidak maju lagilah.

Sebenarnya kita mengira dari segi jarak jauh yang sebenarnya dan ada di antara kawasan-kawasan ini yang mana tidak menyulitkan pengguna-pengguna jalan raya telah tidak menimbulkan masalah daripada segi pembayaran pergi dan balik. Kita sebenarnya sebelum menentukan beberapa rumah tol ini, kita telah buat kajian begitu lama, Tuan Yang di-Pertua, dan saya yakin sekiranya dalam proses pengendalian pungutan tol ini boleh mendatangkan kesesakan tetapi tidak mengurangkan pungutan, kita boleh menimbang untuk mengadakan satu tol pada masa yang akan datang seperti yang telah kita buat di Lebuhraya Slim River/Tanjung Malim.

#### INTEGRASI ORANG-ORANG ASLI

**4. Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan ada rancangan-rancangan tertentu untuk mengintegrasikan sepenuhnya Orang-orang Asli dengan masyarakat biasa dalam mana Orang-orang Asli ini akan tinggal sekampung dengan orang-orang Melayu; anak-anak mereka bersekolah bersama-sama kanak-kanak bangsa lain di bandar-bandar dan mereka jua didedahkan kepada semua peluang yang terbuka kepada kaum bumiputera; jika ada, nyatakan sebab-sebabnya.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya berusaha mewujudkan integrasi Orang-orang Asli dengan masyarakat biasa di negara kita, khasnya dengan masyarakat Melayu. Bagi mencapai tujuan tersebut, pihak Kerajaan telah menyediakan beberapa kemudahan dari segi sosio-ekonomi terutama dalam bidang pelajaran, kesihatan dan projek-projek pembangunan kepada orang-orang Asli.

Dalam bidang pelajaran, terdapat banyak sekolah-sekolah di kawasan pendalaman yang telah didirikan oleh Kerajaan bagi tujuan memberi peluang kepada kanak-kanak Orang-orang Asli mendapatkan pendidikan formal dari Darjah 1 hingga Darjah 3. Setelah mendapat pendidikan setakat Darjah 3 peringkat kampung, murid-murid tersebut akan diberi pula pendidikan sekolah kebangsaan Kementerian Pelajaran di kawasan-kawasan bandar, di mana mereka akan ditempatkan di asrama-asrama Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan Kementerian Pelajaran. Penempatan murid-murid Orang-orang Asli ini di kawasan-kawasan bandar adalah bertujuan bagi mempercepatkan proses integrasi di kalangan Orang-orang Asli dengan masyarakat Melayu khususnya.

Hasil daripada usaha ini, terdapat murid-murid Orang Asli yang telah berjaya melanjutkan pelajaran mereka ke sekolah menengah dan ada juga yang berjaya melanjutkan pelajaran mereka ke pusat-pusat pengajian tinggi di negara kita. Jumlah pelajar-pelajar yang berjaya melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian tinggi dari tahun 1971 hingga 1984 adalah seperti berikut:

I.T.M.	69 orang
U.P.M.	16 orang
U.K.M.	2 orang
U.T.M.	1 orang
U.S.M.	2 orang
U.M.	2 orang
Seberang laut	1 orang
<b>JUMLAH</b>	<b>93 orang</b>

Selain daripada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, terdapat berbagai agensi seperti FELCRA, RISDA, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, jabatan Ukur dan lain-lain, yang telah terlibat sama dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan di kalangan

Orang-orang Asli seperti di dalam projek pengumpulan semula. Penglibatan pegawai dan kakitangan dari agensi lain sedikit sebanyak telah mewujudkan hubungan silatur-rahim di kalangan Orang-orang Asli dengan masyarakat orang-orang Melayu.

Dari segi kesihatan pula, Orang-orang Asli di samping mendapat kemudahan rawatan daripada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, juga digalakkan supaya mendapatkan rawatan dan nasihat dari klinik dan hospital Kementerian Kesihatan. Jikalau dahulu semua "post-post" atau perkampungan Orang Asli hanya mendapat rawatan kesihatan daripada kakitangan di Bahagian Kesihatan di Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, tetapi kini beberapa tempat atau kampung Orang-orang Asli telah dilawati oleh kakitangan klinik atau hospital Kementerian Kesihatan.

Dengan adanya perubahan seperti ini, adalah dipercayai bahawa proses integrasi telah berlaku di kalangan masyarakat Orang Asli dan masyarakat luar, sekurang-kurangnya dengan kakitangan Kerajaan. Pihak Kerajaan dari masa ke semasa cuba meyakinkan dan menyedarkan Orang-orang Asli bahawa pentingnya menjalinkan hubungan dengan masyarakat luar, terutama sekali dengan orang-orang Melayu.

Lanjutan dari saranan yang diperkenalkan oleh pihak Kerajaan, maka sekarang terdapat ramai Orang-orang Asli telah mengambil cara hidup orang-orang Melayu seperti makan, minum, cara perkahwinan dan lain-lain lagi.

**Tuan Omar bin Abdullah:** Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berapakah jumlah sebenar Orang Asli di negara kita ini dan berapa peratus yang beragama Islam. Sebagai salah satu usaha integrasi adakah Kerajaan

bercadang untuk meningkatkan lagi usaha pendakwaan Islam di kalangan Orang-orang Asli dan untuk mereka mengenali kebudayaan Melayu dengan lebih luas lagi, adakah Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk menerima Orang-orang Asli ini sebagai peneroka tanah seperti FELDA dan sebagainya.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan sebenarnya yang terdapat di negara kita ini ialah sebanyak lebih kurang 56,927 orang. Orang Asli ini berada di semua negeri di seluruh Malaysia Barat melainkan negeri Perlis sahaja. Dari segi usaha Kerajaan untuk mengislamkan Orang-orang Asli, saya ingin menjelaskan di sini bahawa pihak Jabatan Hal Ehwal Orang-orang Asli tidak membuat suatu rancangan yang begitu terperinci kerana diharapkan Kerajaan-kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama memberi sumbangan dan Jabatan-jabatan Hal Ehwal Orang Asli akan memberi bantuan seperti pengangkutan dan seterusnya, kerana sepertimana yang kita semua sedia maklum hal ehwal agama adalah tertakluk kepada Kerajaan Negeri semata-mata. Saya mengambil kesempatan di sini merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian supaya menggesa Kerajaan-kerajaan Negeri melalui Jabatan-jabatan Agama memberi sumbangan yang positif untuk mengislamkan Orang-orang Asli yang terdapat di negeri-negeri masing-masing.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri bahawa cara usaha untuk mengintegrasikan di kalangan Orang-orang Asli ini sebagaimana yang dinyatakan adalah sangat baik iaitu tentang sekolah, FELDA dan sebagainya. Tetapi ada satu perkara, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri ini sedar bahawa hostel Orang

Asli ini diisi dengan Asli penuh. Mengapa tidak diintegrasikan?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang saya percaya terdapat banyak Orang Asli di kawasannya. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, memang ada hostel-hostel di pendalaman yang diisi hanya dengan Orang-orang Asli, buat permulaan sahaja. Insya Allah dengan pertolongan dan bimbingan daripada Ahli Yang Berhormat kita akan tubuhkan hostel-hostel yang berdekatan dengan bandar-bandar supaya kita boleh menjalankan proses integrasi ini dan menempatkan Orang-orang Asli dengan rakyat biasa.

#### KOD POS—PELAKSANAAN

**5. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sebab-sebab mengapakah penduduk-penduduk Wilayah Persekutuan telah gagal menggunakan Kod Pos yang telah dilancarkan beberapa tahun yang lalu dan bilakah Kod Pos bagi seluruh negara akan dilaksanakan.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar):** Tuan Yang di-Pertua, Kod Pos Kuala Lumpur telah dilancarkan dalam tahun 1972 dengan tujuan yang terhad. Ianya adalah bertujuan untuk membolehkan pengisih-pengisih surat dapat menjalankan pengisihan surat-surat masuk (inward sorting) yang diterima untuk penyerahan dalam Kuala Lumpur tanpa bersusah payah mengingat nama-nama jalan, kampung-kampung dan detail-detail yang lain yang diperlukan untuk pengisih surat-surat bagi penyerahan.

Kod Pos Kuala Lumpur menemui kegagalan oleh kerana ianya tidak

disertakan dengan mesin pengisihan surat-surat secara automatik. Pengisihan surat-surat masuk yang diterima untuk penyerahan dalam Kuala Lumpur adalah terus diisihkan secara manual dan tidak menggunakan mesin automatik. Jika mesin automatik digunakan bagi pengisihan tersebut, maka surat-surat masuk yang diterima untuk penyerahan dalam Kuala Lumpur akan ditolak (reject) oleh mesin pengisih automatik tersebut dan ini sudah tentu akan melambatkan penyerahan kepada penerima dalam kawasan Kuala Lumpur. Oleh kerana pengisihan dibuat secara manual, maka pihak Jabatan Perkhidmatan Pos tidak mengambil kira surat-surat yang tidak menggunakan Kod Pos Kuala Lumpur dan hanya menumpukan perhatian ke atas objektif penyerahan surat-surat yang diterima di dalam kadar yang segera. Dengan itu surat-surat yang diterima untuk penyerahan dalam Kuala Lumpur yang tidak menggunakan Kod Pos Kuala Lumpur turut juga diserahkan sepertimana surat-surat lain yang menggunakan Kod Pos Kuala Lumpur.

Selanjutnya oleh kerana surat-surat masuk yang diterima untuk penyerahan dalam Kuala Lumpur tidak menggunakan Kod Pos Kuala Lumpur juga terus dihantar kepada penerima, maka sikap dan sambutan orang ramai sendiri terutama sekali mereka yang tinggal di luar Kuala Lumpur amat amat dingin dan hanya sebilangan kecil sahaja daripada mereka yang mengambil serta menulis kod pos pada alamat di atas sampul surat yang dihantar di Kuala Lumpur.

Walaupun buku panduan Kod pos telah diedarkan, namun mereka berpendapat bahawa surat-surat yang tidak menggunakan Kod Pos masih juga dapat disampaikan kepada penerima, dan lama kelamaan mereka beransur-ansur melupakan wujudnya faedah Kod Pos ini.

Walau bagaimanapun, di samping sebilangan kecil orang-orang persendirian, banyak jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan serta gedung-gedung perniagaan hingga ke hari ini masih menggunakan Kod Pos Kuala Lumpur dalam alamat di atas sampul surat mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut pengalaman negara-negara lain kejayaan dalam penggunaan Kod Pos adalah lebih meluas kiranya mesin automatik digunakan bagi tujuan pengisihan. Pengguna akan sedar bahawa sekiranya mereka tidak menggunakan Kod Pos, maka mesin-mesin pengisih akan menolak surat-surat mereka dan tidak dapat dielakkan bahawa surat-surat mereka akan mengalami kelewatan dalam penyampaiannya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini, sukalah saya menyatakan bahawa Kementerian saya sedang berusaha untuk memperkenalkan sistem Kod Pos Kebangsaan dan sistem pengisihan secara menggunakan mesin automatik di Jabatan Perkhidmatan Pos. Sistem tersebut adalah bertujuan untuk mempercepatkan dan memudahkan pengisihan serta penghantaran mail-mail yang diterima yang semakin meningkat jumlahnya. Sejumlah enam juta benda-benda pos dikendalikan oleh Jabatan Pos tiap-tiap hari dan 1/6 daripadanya adalah diuruskan oleh Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur sahaja.

Pertambahan benda-benda pos yang dikendalikan pada kadar purata 9.5% setahun akan menjadikan mutu pengendaliannya merosot sekiranya sistem Kod Pos Kebangsaan dan penggunaan mesin pengisihan automatik tidak diperkenalkan di Jabatan Perkhidmatan Pos.

Laporan kajian rancangan tersebut telah disediakan oleh pakar-pakar

daripada Kesatuan Pos Sedunia dan telah pun disampaikan kepada Kementerian saya. Tindakan-tindakan yang sesuai akan diambil bagi melaksanakan perakuan-perakuan dalam laporan kajian tersebut. Walau bagaimanapun tarikh pelaksanaan sistem Kod Pos Kebangsaan yang disertai dengan penggunaan mesin pengisihan automatik belum dapat ditentukan kerana perlaksanaannya membawa implikasi kewangan yang agak besar.

### MINYAK MENTAH— PENGELUARAN

**6. Tuan Lee Lam Thye** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah kuantiti pengeluaran minyak mentah di Malaysia untuk tahun-tahun 1982, 1983 dan sehingga Ogos, 1984;
- (b) jumlah keuntungan PETRONAS untuk tahun-tahun 1982, 1983 dan sehingga Ogos, 1984;
- (c) kemajuan terakhir mengenai kegiatan-kegiatan "down stream" oleh PETRONAS.

**Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan adalah seperti berikut:

- (a) Jumlah pengeluaran minyak mentah Malaysia dalam tahun-tahun 1982/1983 dan sehingga bulan Ogos 1984 adalah seperti berikut:

1982	110 juta tong
1983	139 juta tong
1984 (sehingga bulan Ogos)	111 juta tong

- (b) Jumlah keuntungan PETRONAS yang telah diaudit bagi tahun-tahun kewangan

yang berakhir pada 31hb Mac, 1982, 1983 dan 1984 adalah seperti berikut:

1982	\$2,304 juta
1983	\$2,438 juta
1984	\$2,922 juta

- (c) Aktiviti-aktiviti "down stream" PETRONAS termasuk kerja-kerja memproses gas, menapis minyak, pemasaran dan pengedaran minyak mentah serta bahan-bahan petroleum. Ianya melibatkan projek-projek utama seperti loji gas asli cecair (MLNG) di Bintulu Sarawak; Loji baja ASEAN di Bintulu yang juga dikenali ABF di Sarawak.

Projek penggunaan gas Semenanjung Fasa I, kilang penapis minyak di Kerteh, Terengganu dan kemudahan-kemudahan lain bagi pemasaran dan pengedaran bahan-bahan petroleum hampir siap 100%. Loji MLNG di Bintulu yang telah mula beroperasi sejak bulan Januari 1983, dijangka akan mengeluarkan sebanyak 3.7 juta ton metrik gas asli cecair untuk dieksport pada tahun ini sahaja.

Loji ABF pula dijangka akan mula beroperasi dalam bulan Oktober, 1985 dan hingga akhir bulan September 1984 loji itu telah hampir 82% siap.

Sehingga akhir bulan September yang lalu projek penggunaan gas Semenanjung Fasa 1 telah hampir 94% siap. Projek ini melibatkan pembinaan sebuah loji memproses gas, satu sistem paip gas, sebuah pengkalan eksport, sebuah bangunan pentadbiran dan satu sistem pengedaran gas.

Di samping menyalurkan ke stesyen jana kuasa LLN di Paka yang saya sebut semalam Fasa tersebut akan juga memenuhi keperluan gas bagi

rumah-rumah di Kerteh, Terengganu dan sebuah loji besi waja di kawasan perindustrian HICOM di Telok Kalong dekat pengkalan Tanjung Berhala di Terengganu.

Perlaksanaan Fasa 2 projek gas Semenanjung ini yang akan melibatkan pembinaan satu talian paip gas merentasi Semenanjung Malaysia dan jual ke Singapura kini sedang menanti kelulusan peruntukan dari Kerajaan. Kilang penapis minyak PETRONAS di Kerteh yang telah mula beroperasi pada bulan Mac 1983 telah memproses sebanyak 29,000 tan minyak setiap hari sehingga bulan September, 1984, sebenarnya sehingga sekarang. Sebahagian dari bahan-bahan petroleum keluaran kilang penapis minyak tersebut dijual untuk kegunaan tempatan manakala sebahagian darinya pula dieksport ke luar negeri. PETRONAS masih menjual minyak mentahnya dan bahan-bahan petroleum di pasaran luar negeri. Dalam pada itu di pasaran tempatan pula anak syarikat PETRONAS iaitu PETRONAS Dagangan Sendirian Berhad (PDSB) yang ditubuhkan dalam bulan Ogos, 1982 sekarang ini mempunyai berbagai kemudahan pemasaran dan pengedaran di seluruh negara.

Setakat penghujung bulan September 1984 ini PETRONAS Dagangan mempunyai 55 buah stesen servis beroperasi yang mana lapan daripadanya dikenalkan sendiri oleh PDSB manakala yang lain dikendalikan oleh pengusaha-pengusaha Bumiputera.

Selain daripada itu 55 buah lagi stesen servis sedang dalam pembinaan. Gas cecair petroleum untuk kenderaan ada dijual di enam buah stesen servis tersebut dan di sebuah stesen skid. Tambahan pula syarikat tersebut mempunyai 20 buah stesen skid beroperasi yang menjual minyak diesel dan minyak tanah.

PETRONAS Dagangan juga mempunyai kira-kira 300 orang wakil penjual gas petroleum cecair (LPG) di seluruh negara dan ini adalah memang daripada pengusaha-pengusaha Bumiputera.

Untuk menampung rangkaian pemasaran dan pengedarannya PETRONAS Dagangan sekarang ini mempunyai enam buah depo pukal bahan-bahan petroleum di mana empat daripadanya menyediakan perkhidmatan mengisi minyak kapal. Sebanyak dua lagi depo tersebut sedang di dalam pembinaan.

Di samping itu PETRONAS Dagangan juga mempunyai kemudahan untuk mengisi minyak kapal terbang di lapangan terbang-lapangan terbang Senai, bayan Lepas, Subang dan Kuching manakala kemudahan-kemudahan di Kota Kinabalu dan Sandakan sedang dibina. Untuk menampung rangkaian pemasaran gas petroleum cecairnya PETRONAS Dagangan ini mempunyai loji-loji pembotolan gas di Bandar Tun Razak, Kerteh dan Prai manakala sebuah lagi loji di Teluk Sepangga, Kota Kinabalu masih dalam peringkat pembinaan.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan tentang apa yang telah dilakukan sehingga hari ini oleh PETRONAS dari segi meningkatkan lagi kualiti pengurusan dan profesionalisma serta memperolehi teknologi yang baru untuk membolehkan iaitu PETRONAS memainkan peranan yang lebih aktif, yang lebih dinamis di dalam kegiatan-kegiatan downstream ini?

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, soalan serupa ini telah pun saya jawab di persidangan-persidangan yang sudah di Dewan

yang mulia ini. PETRONAS memang sentiasa berusaha untuk melengkapkan dan membaiki serta meningkatkan taraf dan prestasi pengurusan di dalam syarikat ini dan juga di kalangan anak-anak syarikat PETRONAS.

Pada peringkat ini memanglah kita masih lagi terpaksa di sana-sini bersandarkan kepada kepakaran sains dan teknologi untuk mencari, mengesan, menentu, untuk menggali telaga-telaga minyak dan gas yang terdapat di negara kita, mendirikan segala kelengkapan di luar pantai laut kerana hampir kesemua minyak dan gas yang terdapat di negara kita ini adalah di luar pantai-pantai negara kita ini. Usaha menggerudi, mengangkut dan mengedar dan menapis minyak dan juga memproses gas adalah usaha-usaha yang kompleks, saintifik dan berkehendakkan kepakaran yang begitu mahir dan khusus, sedangkan negara-negara yang sudah lebih maju daripada kita, misalnya New Zealand, Pakistan dan Negeri China masih lagi mengharapkan teknologi dari luar untuk digunakan, untuk dibayar supaya menjamin taraf dan prestasi penggalian dan pengusahaan minyak dan juga gas di negara masing-masing.

Tetapi saya ingin memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini sekali lagi bahawa PETRONAS amat sedar betapa pentingnya teknologi yang kita gunakan itu bukan sahaja selamat untuk sehari, sebulan atau setahun tetapi juga dapat menjamin pengeluaran industri yang terpenting sekali di negara kita ini. Sekiranya Ahli Yang Berhormat ingin melihat lebih dekat lagi bolehlah berhubung dengan pengurusan PETRONAS untuk melihat operasi-operasi yang dijalankan mahu pun di Terengganu, di Sabah, di Labuan, di Bintulu, di Miri ataupun boleh juga ikut saya naik helikopter ke luar pantai untuk melihat operasi di tengah-tengah laut.

## LAWATAN PEMIMPIN PLO YASSIR ARAFAT

**7. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah yang telah dirundingkan antara pemimpin PLO Tuan Yassir Arafat semasa lawatan beliau ke Malaysia baru-baru ini dan apakah bantuan fizikal yang telah ditawarkan oleh Malaysia untuk membantu rakyat Palestin dalam perjuangan mereka dan sama ada perkara bantuan tentera telah dirundingkan kerana bantuan dari segi moral sahaja telah tidak mendatangkan sebarang kesan yang baik.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj):** Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa lawatan Tuan Yang Terutama Encik Yassir Arafat, Pengurus PLO baru-baru ini ke Malaysia iaitu dari 23hb hingga 25hb Julai, 1984 adalah yang ulung kali dilakukan oleh Pengurus Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) itu.

Sebelum ini Tuan Yang Terutama Encik Yassir Arafat telah beberapa kali melahirkan hasratnya untuk melawat Malaysia tetapi oleh kerana keadaan tidak mengizinkan beliau terpaksa menangguhkannya. Hanya pada bulan Julai yang lalu barulah beliau berkesempatan membuat lawatan ke Malaysia.

Semasa lawatan ini kita telah berbincang serta bertukar-tukar pandangan dan fikiran dengan Tuan Yang Terutama Encik Yassir Arafat mengenai isu-isu yang mempunyai kepentingan bersama termasuklah isu-isu mengenai Asia Barat, isu-isu antarabangsa yang lain dan juga kerjasama dua hala Malaysia/PLO. Di samping itu, kita juga bertukar-tukar pandangan dan fikiran mengenai kedudukan dan keadaan negara-negara Islam pada hari ini dan juga perpaduan di kalangan ummah.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia dan PLO adalah di antara anggota Jawatankuasa Damai Islam yang ditubuhkan oleh OIC, khususnya bagi mencari dan merangka perdamaian di antara Iran dan Iraq. Sebagai anggota Jawatankuasa ini, kita telah bertukar-tukar pandangan dengan Yasser Arafat mengenai kedudukan peperangan pada ketika itu dan usaha-usaha ke arah satu penyelesaian yang muktamat, kita juga telah berbincang dengan Yasser Arafat mengenai keadaan di Asia Barat. Usaha-usaha sedang diambil bagi mencari satu penyelesaian yang menyeluruh kepada soal pokok mengenai konflik Asia barat iaitu soal Palestin. Lawatan ini memberi peluang kepada Kerajaan dan rakyat Malaysia untuk sekali lagi menegaskan sokongan penuh kepada perjuangan rakyat Palestin dan kita telah memberikan jaminan kepada yasser Arafat bahawa Kerajaan akan terus membantu rakyat Palestin dan perjuangan untuk mendapat kembali hak-hak asasi mereka dan menubuhkan sebuah negara Palestin yang merdeka dan berdaulat. Dalam konteks ini juga kita telah menawarkan bantuan untuk membantu pelajar-pelajar Palestin dengan memberikan beberapa tempat dan biasiswa bagi mereka melanjutkan pelajaran di universiti-universiti dan pusat-pusat pengajian tinggi tempatan. Di samping itu kita juga bersedia untuk memberi bantuan dari segi latihan, kemahiran dalam bidang-bidang teknikal.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pihak PLO tidak mengenyepikan perjuangan secara ketenteraan untuk mendapat kembali hak asasi dan tanah air mereka, namun begitu PLO lebih mengutamakan penyelesaian secara politik, perkara yang diutamakan oleh PLO dan Pengerusi Yasser Arafat dan beliau yakin bahawa dengan cara ini satu penyelesaian akan dapat dihasilkan nanti. Dalam rangka ini

tindakan kita adalah selaras dengan kemahuan serta tindakan yang diambil oleh PLO, dengan sokongan moral dan diplomatik yang lebih meluas ianya dapat menggalakkan masyarakat antarabangsa dengan lebih berkesan tentang perlunya masalah Palestin ini diselesaikan dengan segera. Dalam hubungan ini kita akan terus memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada perjuangan rakyat Palestin.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum kita telah memainkan peranan utama dalam menggubal satu rancangan damai yang diharapkan akan menjadikan asas penting bagi tercapainya penyelesaian yang menyeluruh dan muktamat. Rancangan damai ini yang dikenali sebagai Rancangan Tindakan Kuala Lumpur telah diluluskan di Persidangan Antarabangsa mengenai soal Palestin bagi rantau Asia di Kuala Lumpur pada tahun yang lepas. Rancangan ini seterusnya dilulus oleh 137 buah negara dan satu Persidangan Antarabangsa di Geneva dan ianya kini dipertanggungjawabkan kepada Pertubuhan bangsa-bangsa Bersatu untuk pelaksanaan seterusnya.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, apakah Kerajaan sedar seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi di mana bantuan-bantuan moral untuk menempatkan kembali rakyat Palestin ke negaranya adalah merupakan suatu usaha yang makin lama makin jauh daripada hasil yang sepatutnya didapati.

Sebagaimana yang kita tahu Yasser Arafat sendiri makin lama makin jauh dari negaranya, jadi saya ingin tahu apakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji balik sumbangan-sumbangan yang telah diberikan itu kepada rakyat Palestin, dengan cara lain yang boleh atau lebih memberi kesan untuk mendapatkan hak asasi

rakyat Palestin kembali ke negerinya pada masa ini.

Yang kedua, saya ingin bertanya sepertimana yang disebutkan juga oleh Yang Berhormat tadi dalam rundingan dengan Encik Yasser Arafat ada menyebutkan bahawa kita telah membuat pertukaran dua hala. Jadi saya ingin tahu apakah jenis pertukaran dua hala yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Soalan yang pertama, saya sukalah menjawab, pada masa-masa yang lepas ini kita sentiasalah mencari jalan apa yang boleh seperti pertolongan, bantuan bukanlah sahaja saya rasa di dalam arena diplomasi, tetapi kita juga mencari jalan supaya dapat bantuan kewangan dan sebagainya daripada rakyat jelata di negara kita ini.

Seperti Yang Berhormat telah berkata Yasser Arafat makin lama makin jauh, kita cuba dan sekarang ini hendak mendekati beliau seberapa dekat yang boleh, tetapi sukalah saya barangkali hendak mendengar pandangan-pandangan daripada Yang Berhormat sendiri cara mana hendak mendekati itu.

Kita telah pun mencari jalan hendak mendekati Yasser Arafat ini dengan negaranya, dan bantuan-bantuan ini kita telah cuba seberapa yang boleh daripada golongan-golongan negara Islam sama juga negara-negara yang memberi sokongan penuh yang bukan Islam. Orang Palestin berkehendakkan kembali tanah mereka yang telah diambil cara kekerasan oleh pihak Yahudi. Jadi saya rasa kita telah pun berikhtiar seberapa yang boleh hendak mencari jalan hendak mendekati Yasser Arafat dengan negaranya. Jikalau apa yang kita telah buat ini tidak lagi mencukupi, saya sukalah mendengar pandangan daripada Ahli Yang Berhormat.

### AUSTRALIA SEBAHAGIAN RANTAU ASIA

8. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Malaysia menyokong hasrat Kerajaan Australia untuk menjadi "Ahli rantau Asia"; jika ya, apakah faedahnya kepada Malaysia.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia menyokong dan mengalukan hasrat Kerajaan Australia supaya mereka dianggap sebagai sebahagian dari Asia.

Di dalam perbincangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dengan pemimpin-pemimpin Australia, termasuk Perdana Menteri Hawk semasa beliau ke sana baru-baru ini, Yang Amat Berhormat telah tertarik dengan kesedaran mereka yang beranggapan bahawa kedudukan geopolitics Australia sememangnya merupakan sebahagian dari rantau Asia, khususnya rantau Asia Pasifik dan bukannya disudut rantau Eropah seperti yang dirasakan oleh mereka dahulu.

Memandangkan kepada kedudukan kita seperti juga Australia yang sama-sama di dalam lengkungan barat Lembah Pasifik, manfaat-manfaat ini dapat dilihat dari segi peluang-peluang perdagangan dan perniagaan serta penglibatan-penglibatan, yang lebih meluas di bidang-bidang pelajaran, saintifik, teknikal, teknologi, sosial dan kebudayaan di antara Australia dengan negara-negara di rantau ini. Penglibatan Australia yang lebih meluas di rantau ini akan membawa

manfaat-manfaat untuk Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain.

### POLITEKNIK—PENG- AMBILAN PELAJAR

9. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah benar terdapat kekurangan tempat di politeknik-politeknik di negara ini yang menyebabkan tidak dapat menampung ramai pemohon-pemohon, terutamanya lulusan SPVM. Berapakah jumlah pemohon dan bilangan mereka yang berjaya/gagal mendapat tempat di politeknik bagi tahun-tahun 1982-1984.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang di-Pertua, pengambilan pelajar-pelajar ke politeknik adalah bergantung kepada jumlah tempat yang sedia ada di politeknik-politeknik di seluruh negara.

Kerajaan memang sedar bahawa terdapat ramai pemohon yang tidak berjaya memasuki politeknik-politeknik di negara ini. Keadaan ini adalah perkara yang biasa kerana tidak semua pemohon-pemohon boleh diberikan tempat. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah menjalankan usaha-usaha untuk menambahkan bilangan politeknik supaya lebih ramai pemohon dapat diterima masuk pada tiap-tiap tahun. Jumlah pemohon dan bilangan mereka yang berjaya ataupun gagal mendapat tempat di politeknik bagi tahun-tahun 1982 hingga 1984 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan Pemohon</i>	<i>Bilangan mendapat tempat</i>	<i>Bilangan tidak berjaya</i>
1982	21,126	1,078	20,048 orang
1983	21,952	1,850	20,102 orang
1984	25,164	2,034	23,130 orang

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ada satu perkara yang saya hendak bangkitkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu mengapakah terdapat perbezaan di antara lulusan SPVM dan juga SPM di dalam peluang-peluang mereka itu untuk melanjutkan pelajaran mereka di mana didapati di bawah sistem aliran vokasional ini lulusan-lulusannya didapati terhad peluang-peluang untuk menyambungkan pelajaran, iaitu ke politeknik-politeknik sahaja sedangkan tempat-tempat di politeknik-politeknik ini terlalu sangat tidak mencukupi sedangkan lulusan-lulusan SPM mempunyai peluang-peluang untuk melanjutkan pelajaran lebih meluas lagi ke Tingkatan 6, ke ITM, maktab-maktab, universiti dan sebagainya.

Soalan pokok saya mengapakah sistem aliran pelajaran vokasional sekolah kita ini dibentuk dan terjadi sedemikian itu dan tidakkah boleh kita mengkaji perkara ini supaya dapat langkah-langkahnya itu kita ambil bagi mengatasinya.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu sebenarnya terkeluar daripada soalan asal yang hanya memohon untuk bertanya akan jumlah mereka yang dapat masuk sahaja. Namun demikian, perlu saya jelaskan bahawa tidak semua yang ditolak daripada politeknik-politeknik yang dari sekolah vokasional itu tidak dapat tempat di tempat-tempat lain. Memang ada yang memohon di tempat lain yang diterima dan sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat, kita memang sentiasa berusaha untuk mempertambahkan peluang di tempat-tempat di politeknik-politeknik negara kita ini supaya mereka mempunyai peluang yang lebih memuaskan untuk melanjutkan pelajaran. Apa yang disarankan oleh

Ahli Yang Berhormat memang menjadi hasrat Kerajaan untuk menentukan supaya bukan hanya mereka yang lulus SPM akan mendapat tempat di institusi-institusi pengajian tinggi, tetapi mereka yang lulus SPVM juga mendapat tempat yang sama di institusi-institusi pengajian tinggi.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, kita tahu di negara kita ini kekurangan tenaga-tenaga mahir dalam berbagai-bagai bidang pembangunan dan belia-belia kita yang telah lulus SPVM nampaknya begitu ramai yang keciwa, seperti angka yang diberikan oleh Timbalan Menteri tadi. Saya ingin tahu adakah Kerajaan bercadang sekolah-sekolah menengah vokasional yang ada hari ini dilanjutkan pelajarannya serupa dengan mereka yang memasuki politeknik-politeknik juga, supaya asas kemahiran yang mereka perolehi daripada sekolah-sekolah menengah vokasional itu dapat memberi faedah kepada negara, tidak hanya sekerat jalan sahaja mereka belajar, lulus SPVM kemudian mereka terpaksa mencari kerja dengan kemahiran yang belum mencukupi.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah yang ditolak memang ramai tetapi asas untuk menolak itu adalah terhad ataupun ditentukan oleh pihak Kementerian dan bukan semua yang memohon yang jumlahnya ramai itu ialah benar-benar layak untuk diterima. Jadi, sebab itulah yang mungkin standardnya ataupun pencapaiannya tidak begitu baik pun memohon juga, jadi kita hitung sebagai satu golongan yang memohon, jadi sebab itulah jumlahnya begitu besar. Saya harap Yang Berhormat jangan terkeliru oleh jumlah yang memohon. Namun demikian, apa yang disarankan oleh Yang Berhormat itulah menjadi hasrat

Kerajaan untuk menentukan, sebagaimana saya sebutkan tadi, supaya peluang-peluang yang luas untuk mereka yang ada di sekolah menengah vokasional ini mendapat tempat di institut pengajian tinggi dan kita sentiasa mengambil kajian pertimbangan atas usaha-usaha yang akan memberi kebaikan terhadap semua anak-anak kita yang lepas sekolah menengah vokasional.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10 hingga 23 adalah diberi di bawah ini).*

#### PENIAGA PITA VIDEO

**10. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Menteri Dalam Negeri apakah garis panduan yang dikeluarkan oleh Kerajaan terhadap peniaga-peniaga pita video tentang mana-mana pita yang harus diniagakan dan yang tidak boleh diniagakan, dan apakah tindakan terhadap kedai atau peniaga-peniaga yang menjual pita filem-filem lucu dan yang sekadar manakah boleh dianggap lucu; berapa banyakkah filem-filem lucu yang telah dapat dirampas; dan apakah tindakan kepada penjual-penjualnya; dan bagaimanakah ia dimasukkan ke negara ini, adakah ia ada mempunyai ejen-ejen yang tertentu.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Kementerian Dalam Negeri tidak mengeluarkan garis panduan kepada pengusaha dan peniaga pusat video mengenai pita-pita video yang boleh diperniagakan dan yang tidak boleh diperniagakan. Sebaliknya Akta Filem Wayang Gambar (Tapisan) (Pindaan) 1980 berkehendakkan semua filem, termasuk pita video dan piring video, ditapis dan mempunyai sijil tapisan sebelum filem-filem tersebut dijual, diedar, disewa, dimiliki atau ditayang untuk tontonan umum.

Kementerian Dalam Negeri sedang dan akan mengambil tindakan tegas mengikut undang-undang terhadap pengusaha atau peniaga filem-filem lucu yang dikesan. Tindakan-tindakan yang diambil ialah mendakwa mereka di Mahkamah dan jika sabit kesalahan, mereka boleh dikenakan denda tidak melebihi \$10,000.

Sepanjang tahun 1984, sehingga 15-10-1984, sebanyak 3 buah filem lucu, 222 buah pita video lucu telah dirampas dari pekedai-pekedai dan pengusaha-pengusaha pusat video dan pawagam di seluruh negara. Daripada penyiasatan filem-filem lucu dan pita-pita video lucu telah diseludup ke negara ini oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab serta berhasrat untuk mencari keuntungan cepat tanpa mengira akibat yang timbul kepada akhlak mulia masyarakat negara ini.

Untuk menentukan sesuatu filem itu lucu atau tidak adalah bergantung kepada keputusan pihak Lembaga Penapis Filem berdasarkan kepada garis panduan penapisan filem yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri.

#### PENGGUNAAN JENTERA/ TENAGA MENUAI PADI

**11. Wan Ibrahim bin Wan Abdullah** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kerajaan telah membuat kajian perbandingan mengenai penggunaan jentera dan tenaga manusia bagi menuai padi. Kalau sudah bagaimanakah hasilnya; yang manakah lebih ekonomik di antara keduanya dan berapa peratuskah hasil padi yang berbuang bagi tiap-tiap kedua cara itu.

**Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim):** Beberapa kajian telah dijalankan oleh agensi-agensi

berkenaan di bawah Kementerian Pertanian mengenai perbandingan menuai padi dengan menggunakan jentera dan tenaga manusia. Hasil dari kajian-kajian ini menunjukkan bahawa penuaian padi dengan menggunakan jentera adalah lebih ekonomik daripada dengan tenaga manusia. Dari segi kos, penuaian padi dengan menggunakan jentera adalah 25% lebih rendah daripada kos penuaian dengan tenaga manusia. Dari segi peratus hasil padi yang terbuang pula, penuaian dengan jentera melibatkan 1-5% kehilangan, berbanding dengan 10-15% padi yang terbuang melalui penuaian dengan tenaga manusia. Mengikut kiraan adalah dianggarkan sebanyak \$250 sehektar dapat dijimatkan jika hasil padi dituai dengan menggunakan jentera. Ini mengambil kira harga upah menuai dan juga nilai hasil padi yang terbuang dalam penuaian.

#### **MALAYSIA HALL LONDON DITUTUP**

**12. Tuan Omar bin Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar "Malaysia Hall" di London telah ditutup. Jika benar apakah sebab sebenar penutupannya dan apakah langkah Kementerian untuk memberi kemudahan yang serupa kepada pelajar-pelajar kita di United Kingdom yang sangat-sangat memerlukan kemudahan itu.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Memang benar Dewan Malaysia di London telah ditutup tetapi buat sementara sahaja untuk membolehkan kerja-kerja pengubahsuaian dijalankan kerana keadaan bangunannya telah uzur. Sementara Dewan Malaysia itu siap diperbaiki usaha telah dibuat untuk mendapatkan ruang baru sementara yang sesuai untuk disewa supaya aktiviti-aktiviti pelajar yang selama ini dijalankan di Dewan Malaysia dapat diteruskan.

#### **BANK PERDAGANGAN DIJADIKAN BANK ISLAM**

**13. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah Kerajaan bercadang hendak menukarkan sistem bank perdagangan sekarang seperti Bank Bumiputra kepada sistem Bank Islam dan kalau tidak, kenapa.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Kerajaan tidak ada rancangan untuk menukar sistem bank perdagangan sekarang kepada sistem Bank Islam. Ini adalah kerana pada masa ini sudah wujud sebuah Akta, iaitu Akta Bank Islam, 1983 yang membolehkan penubuhan bank-bank Islam. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sebuah bank Islam iaitu bank Islam Malaysia Berhad, telah pun ditubuhkan pada bulan Julai 1983 dan sedang menjalankan urusanniaga bank mengikut undang-undang dan peraturan syariah. Bank Islam ini, dengan pembukaan cawangan-cawangan secara berperingkat-peringkat di seluruh negara akan dapat memenuhi kehendak-kehendak orang ramai, bagi mendapat kemudahan bank mengikut sistem kewangan Islam. Di masa hadapan, setelah Bank Islam yang pertama ini dapat bertapak dengan jaya dan kukuh, Kerajaan mungkin menimbangkan penubuhan bank-bank Islam yang lain.

#### **PROGRAM PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN NEGARA**

**14. Tuan Othman bin Abdul** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan, dalam merangka dasar perindustrian negara adakah Kerajaan meneliti perkara-perkara berikut:

- (a) sektor perindustrian luar bandar adakah diambil kira;
- (b) sejauh manakah strategi perindustrian negara

merangkumkan perindustrian luar bandar;

- (c) apakah aspek-aspek yang ditumpukan di dalam memajukan industri luar bandar;
- (d) apakah perbezaan di antara industri-industri luar bandar dan industri bandar dari segi berbagai kemudahan pengalaman; dan
- (e) adakah dasar perindustrian negara mengambil kira dasar Pertanian Negara dari segi mengintegrasikan pembangunan nasional.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat saya ingin menyatakan bahawa:

- (a) Dalam merangka program pembangunan perindustrian negara, Kerajaan memang mengambil kira sektor perindustrian luar bandar;
- (b) Penyerakkan pertumbuhan sektor perkilangan kepada kawasan kurang maju termasuk di luar bandar merupakan satu strategi yang diterima oleh Kerajaan untuk memperseimbangkan pembangunan di antara Wilayah. Sungguhpun strategi ini belum boleh dikatakan sudah berjaya, ia telah dapat mengurangkan tumpuan pelaburan dari kawasan-kawasan yang dianggap sudah maju seperti di Lembah Kelang dan Pulau Pinang kepada kawasan-kawasan yang kurang maju.
- (c) Kerajaan juga memberikan perhatian terhadap perkembangan perindustrian luar bandar khususnya perindustrian ringan yang berasaskan keluaran-keluaran

kampung seperti buluh, rotan, tembikar, mengkuang, kayu dan sebagainya untuk diproses menjadi barang siap. Pelaksanaan program ini adalah dikendalikan oleh beberapa agensi-agensi tertentu Kerajaan.

- (d) Dari segi galakan pelaburan, projek-projek yang layak menariknya jika ditempatkan di kawasan kurang maju atau di luar bandar sentiasa dipertimbangkan untuk galakan yang lebih menarik berbanding dengan galakan yang boleh dinikmati jika projek berkenaan ditempatkan di kawasan sudah maju. Perbezaan ini sengaja diadakan untuk menarik projek-projek kepada kawasan luar bandar.
- (e) Dasar Pertanian Negara yang bertujuan untuk memaksimumkan pendapatan daripada pertanian adalah diambilkira dalam menentukan strategi pembangunan perindustrian. Sebagai contoh tekanan terhadap pembangunan industri yang berasaskan pertanian seperti pemerosesan minyak sawit, getah, koko, tembakau dan sebagainya adalah selaras dengan pencapaian matlamat Dasar Pertanian Negara. Dengan meningkatnya nilai bertambah tempatan melalui aktiviti pemerosesan ini, pendapatan sektor pertanian akan dapat dimaksimumkan.

#### SERANGAN PEMANDU TEKSI OLEH PEMUDA THAI

**15. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejauh mana tindakan pihak-pihak Kerajaan Malaysia

tentang serangan pemuda-pemuda Thai terhadap pemandu-pemandu teksi Malaysia di Pekan Danok sempadan Thai/Malaysia yang telah mengakibatkan rusuhan dan tembak-menembak baru-baru ini, apakah hasil tindakan pihak Kerajaan dan apakah sikap pihak Kerajaan Thailand dalam perundingan yang diadakan kemudian.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak berkuasa telah menjalankan siasatan yang rapi mengenai kejadian-kejadian serangan pemuda-pemuda Thai terhadap pemandu-pemandu teksi Malaysia di Pekan Danok.

Sehingga ini masih belum ada tangkapan/dakwaan mahkamah ke atas pemuda-pemuda Thai yang melakukan serangan tersebut memandangkan mangsa-mangsa/saksi-saksi kejadian tersebut tidak dapat mengecam mereka yang terlibat.

Lanjutan daripada kejadian tersebut satu perundingan antara Ketua Polis Daerah Jitra dan Ketua Polis Sadao, Thailand telah diadakan di mana pihak Polis Thai telah berjanji untuk memberi kawalan keselamatan yang lebih ketat di Pekan Danok dengan menambah anggota-anggotanya serta berjanji bahawa perkara tersebut tidak akan berlaku lagi.

#### HUBUNGAN DUA HALA MALAYSIA-JEPUN—KAJIAN

**16. Tuan Lim Liang Seng** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula hubungan dua hala antara Malaysia dengan Jepun memandangkan kecaman hebat Y.B. baru-baru ini terhadap Jepun bahawa ianya mengadakan sikap

“protectionist dan ekonomik kolonialis” selama ini:

- (a) jika ya, bagaimanakah ini akan mempengaruhi “Dasar Pandang ke Timur Kerajaan”; dan
- (b) jika tidak, apakah sebabnya dan adakah Kerajaan dapat menasihatkan Jepun supaya mengubah sikapnya kepada suatu sikap yang lebih positif dan menggalakkan.

**Tengku Dato Ahmad Rithauddeen:** Sejak beberapa tahun yang kebelakangan Malaysia dan Jepun mempunyai hubungan yang baik dan erat. Walau bagaimanapun, ini tidak pula bermakna kedua negara tidak mempunyai sebarang masalah dalam hubungan dua hala dan juga tidak bermakna kita tidak boleh menyuarakan pendapat-pendapat kita. Baru-baru ini, Perdana Menteri kita telah menegur Jepun di atas sikap “protectionist” dan juga sikap pihak swasta yang tidak bersungguh-sungguh membantu Malaysia dalam bidang pemindahan teknologi, penglibatan-penglibatan ke arah usaha memindahkan perusahaan-perusahaan mereka serta mengurangkan ketidak-seimbangan perdagangan mereka dengan Malaysia. Teguran Perdana Menteri kita adalah bertujuan supaya pihak Jepun akan mengambil perhatian yang serius mengenai perkara tersebut dan diharapkan teguran ini akan dapat mengubah sikap mereka ke arah sikap yang lebih positif dan lebih memahami inspirasi Malaysia yang boleh memberi keuntungan kedua-dua belah pihak.

Mengenai Dasar Pandang ke Timur pula, skop dasar ini merangkumi negara-negara maju di sebelah Timur termasuklah Korea Selatan dan Taiwan. Tujuan Dasar Pandang ke Timur adalah untuk mencontohi etika kerja, sistem pengurusan, disiplin dan sebagainya negara-negara Timur yang mana bersesuaian untuk tujuan

pembangunan negara kita ini dan dasar ini akan diteruskan.

**NEW YORK PHILHARMONIC ORCHESTRA—  
PERISTIWA**

17. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau sedar terhadap peristiwa New York Philharmonic Orchestra di mana seorang Ahli Congress Demokrat Amerika, Encik Solarz telah meminta penjelasan dari Duta Malaysia ke Amerika dan tindakan ini kelihatan telah mengganggu hal ehwal dalam negeri Malaysia dan apakah arahan yang telah dikeluarkan kepada Duta Malaysia untuk menyelesaikan perkara ini.

**Tengku Dato Ahmad Rithauddeen:** Ingin saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa Encik Stephen Solarz, seorang ahli Kongres Demokrat Amerika Syarikat dan juga Pengerusi Jawatankuasa Kecil Dewan Rakyat Amerika Syarikat mengenai Hal Ehwal Asia dan Pasifik telah meminta penjelasan dari Duta Besar kita di Amerika Syarikat bersabit dengan peristiwa pembatalan lawatan New York Philharmonic Orchestra ke Malaysia. Dalam hubungan ini, Duta Besar kita di Amerika Syarikat telah pun mengadakan pertemuan dengan Encik Solarz dan telah memberi penjelasan di atas hal ini. Beliau telah memberitahu Encik Stephen Solarz bahawa jaminan terhadap kebebasan beragama dan larangan ke atas sebarang diskriminasi yang berasaskan kepada perbezaan kaum, bangsa dan kepercayaan adalah termaktub dalam Perlembagaan kita.

**BUAH-BUAH TEMPATAN—  
MUTU**

18. Datuk Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Pertanian menyatakan adakah beliau sedar

bahawa buah-buah tempatan sangat kekurangan dan mutunya kebanyakannya rendah, jika sedar adakah langkah-langkah sedang dibuat bagi mengatasinya supaya sekurang-kurangnya setanding dengan buah-buah dari Thailand, dan dapat mencukupi keperluan.

**Tuan Anwar bin Haji Ibrahim:** Kementerian Pertanian sedar pengeluaran buah-buahan pada tahun ini adalah berkurangan berbanding dengan musim tahun lepas mengikut keadaan cuaca dari tahun ke tahun. Berhubung dengan mutu pula mungkin ada beberapa jenis buah-buahan yang diimport dari Thailand yang mutunya lebih baik dari yang dikeluarkan di negara ini kerana faktor-faktor iklim dan keadaan tanah. Namun demikian terdapat juga beberapa jenis buah-buahan keluaran tempatan seperti durian dan rambutan yang mutunya setanding kalau tidak pun lebih baik dari buah-buahan yang dibawa masuk dari Thailand.

Kementerian Pertanian telah mengambil langkah-langkah positif terhadap pembangunan pengeluaran buah-buahan pada keseluruhannya. Di antara langkah-langkah tersebut termasuklah penentuan jenis buah-buahan yang sesuai ditanam di kawasan-kawasan mengikut kesesuaian iklim dan tanah untuk menampung keperluan negara dan juga untuk eksport sehingga tahun 2,000 selaras dengan Dasar Pertanian Negara. Di samping itu, langkah-langkah juga telah dan sedang diambil untuk memperkembangkan aktiviti-aktiviti penyelidikan, skim galakan buah-buahan, tunjuk ajar mengenai pengeluaran buah-buahan serta pemerosesan dan pemasaran.

**NISBAH GURU/KELAS—  
KAJIAN**

19. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran

menyatakan oleh kerana disiplin merupakan satu masalah di sekolah-sekolah pada hari ini, sejauh manakah perancangan dan pelaksanaan Kementerian mengenai:

- (a) pengkajian semula nisbah guru/kelas seperti yang diperakukan dalam pekeliling pentadbiran Bil. 3/67;
- (b) pengkajian semula saiz sekolah dan kelas; dan
- (c) pengkajian semula kedudukan sekolah-sekolah yang mengadakan dua sidang.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:**

- (a) Sukacita saya mengumumkan bahawa Pekeliling Pentadbiran Bil. 3/67 telah dipinda dan nisbah kelas guru yang baru telah dipersetujui. Nisbah yang baru dilaksanakan secara beransur-ansur mulai tahun 1983. Setakat ini nisbah ini dilaksanakan bagi semua kelas Darjah 1 dan 2 dan bagi kelas-kelas Darjah 3 KBSR percubaan dan bagi sekolah-sekolah kekurangan 70 orang murid.
- (b) Pindaan kepada Pekeliling Pentadbiran Bil. 3/67 juga telah mencadangkan supaya saiz kelas dikurangkan. Cadangan ini dilaksanakan secara beransur-ansur supaya dapat disesuaikan dengan keupayaan kita melatih guru dan membina bilik-bilik darjah.
- (c) Kedudukan sekolah-sekolah yang mengadakan dua sidang sedang dikaji oleh Kementerian saya.

Sukacita juga saya menegaskan di sini bahawa kajian semula mengenai nisbah kelas guru, saiz dan sidang sekolah ini dibuat dengan tujuan mempertingkatkan proses

pembelajaran dan pengajaran. Ia bukanlah dibuat kerana soal disiplin di sekolah sahaja.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan keputusan-keputusan yang dibuat mengenai nisbah kelas dan saiz kelas adalah tertakluk kepada kedudukan kewangan kita.

**PASPORT MALAYSIA  
YANG DIGANTUNG**

**20. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah Pasport-pasport Malaysia yang digantung hingga kini kerana pemegang-pemegang pasport tersebut membuat lawatan-lawatan haram ke Republik Rakyat China dan menyatakan, jika ada, jumlah pasport-pasport sedemikian yang ditarik balik dan/atau jumlah kerakyatan pemegang-pemegang pasport tersebut yang dibatalkan.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Jumlah Pasport yang ditahan kerana pemegang-pemegang pasport tersebut membuat lawatan ke Republik Rakyat China tanpa kebenaran khas sehingga 4hb Oktober, 1984 ialah sebanyak 223 pasport.

Setakat ini belum ada pemegang-pemegang pasport tersebut telah dilucutkan kerakyatan.

**PEMERINTAHAN MULLAH**

**21. Tuan Karpal Singh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah Kerajaan berjaya mengawal kegiatan-kegiatan pendasar-pendasar agama untuk mengenalkan pemerintahan mullah dalam negeri ini.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Kerajaan sememangnya sedar dan sentiasa mengawasi kegiatan individu tertentu yang begitu ghairah untuk

memperkenalkan pemerintahan "MULLAH" di negara ini.

Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk bertindak dengan sewajarnya mengikut peruntukan undang-undang yang ada bagi membendung kegiatan individu tersebut daripada menggugat keselamatan negara dan ketenteraman awam.

### RUMAH ORANG-ORANG TUA

**22. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan bilangan rumah untuk orang-orang tua di negara kita dan bilangan orang tua setiap rumah ini; berapa dari bilangan rumah ini diurus oleh Kerajaan dan berapa oleh pihak persendirian. Apakah peranan Kementerian beliau berkaitan dengan rumah-rumah untuk orang tua ini. Apakah jumlah elaun yang diberi kepada setiap orang tua ini dan adakah jumlah itu mencukupi. Adakah Kementerian beliau sedar mengenai dakwaan bahawa terdapat kelewatan dalam pemberian elaun bulanan dan apakah tindakan yang telah diambil untuk memperbaiki keadaan ini.

**Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Di negara kita terdapat sebanyak 181 buah rumah dan pondok orang-orang tua untuk menampung seramai 4,233 orang. Sebanyak 14 buah rumah orang tua diselenggarakan oleh Kerajaan dan 167 buah dikelolakan secara sukarela oleh Persatuan Kebajikan Sukarela. Bilangan orang tua yang tinggal di 14 buah Rumah Orang Tua yang diuruskan oleh Kerajaan ialah seramai 2,490 orang. Bilangan mereka yang tinggal di rumah dan pondok yang dikelolakan oleh Majlis Pusat Kebajikan Malaya ialah 1,242 orang dan mereka yang tinggal di Rumah Orang Tua Kebajikan Sukarela yang lain ialah 501 orang.

Peranan Kementerian saya terhadap Rumah Orang Tua yang di bawah kelolaan Kerajaan ialah untuk menjamin jagaan dan ketenteraman bagi memenuhi keperluan orang-orang tua. Berbagai aktiviti dijalankan untuk mencapai tujuan tersebut seperti:

- (i) Jagaan dan Perlindungan
- (ii) Nasihat dan Bimbingan
- (iii) Terapi Kerja
- (iv) Amalan dan Ajaran Agama
- (v) Riadah
- (vi) Rawatan Perubatan

Bagi Rumah Orang Tua di bawah Persatuan Kebajikan Sukarela, Kementerian saya memberi bantuan berupa kewangan serta nasihat profesional kepada Persatuan berkenaan. Pada masa ini orang-orang tua yang tinggal di Rumah Kebajikan Sukarela di bawah Majlis Pusat Kebajikan Malaya diberi bantuan sebanyak \$30.00 sebulan. Bantuan kewangan yang diberi itu mungkin tidak mencukupi untuk perbelanjaan sepenuhnya tetapi Majlis berkenaan diharap mendapat sumber kewangan dari kutipan derma atau rancangan lain kerana Kerajaan tidak dapat membantu Persatuan Kebajikan Sukarela dengan sepenuhnya. Adalah menjadi dasar dan hasrat Kerajaan untuk melibat serta mempertingkatkan penyertaan orang ramai dalam hal ehwal kebajikan masyarakat khususnya mengambil berat mengenai masalah orang tua dalam masyarakat mereka.

Kementerian saya sedar bahawa ada kalanya elaun bulanan orang tua bagi penghuni Rumah Orang Tua di bawah Majlis Pusat Kebajikan terlambat dibayar. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian saya sedang mengawasi perkara ini supaya tidak berlaku kelambatan dalam pemberian bantuan kewangan oleh Kerajaan kepada Majlis tersebut.

**PERUNTUKAN PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN JALAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**23. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan jumlah wang yang telah diperuntukkan untuk pembangunan dan penyelenggaraan jalan dan longkang di Wilayah Persekutuan, di kawasan Kepong dan di Jinjang Utara dari tahun 1980 hingga 1984. Adakah beliau sedar bahawa peruntukan yang diberi untuk maksud tersebut adalah tidak mencukupi. Adakah beliau sedar bahawa di setengah-setengah tempat terutamanya Jinjang Utara, keadaan Jalan dan longkang adalah amat buruk. Adakah projek yang tertentu untuk memperbaiki keadaan ini. Adakah projek yang tertentu untuk memperbaiki keadaan ini. Adakah Kementerian beliau bercadang menambahkan peruntukan tahunan bagi pembangunan dan penyelenggaraan jalan dan longkang di Wilayah Persekutuan termasuk Jinjang Utara. Jika ia, apakah jumlah pertambahan dan bilakah ia akan dilaksanakan. Jika tidak, mengapa.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dato Shahrir bin Abdul Samad):**

- (i) Menurut Belanjawan Tahunan yang telah disediakan sejak tahun 1980 hingga 1984, wang yang telah diperuntukkan kepada penyelenggaraan jalan dan longkang sebanyak \$39,650,000.00 dan untuk pembangunan jalan raya sebanyak \$92,558,410.00.
- (ii) Berkenaan dengan kerja-kerja penyelenggaraan jalan dan longkang di kawasan kepong dan Jinjang Utara, tiada peruntukan khas disediakan. Namun begitu sebarang kerja-kerja pembaikan jalan dan longkang di kawasan ini hanya

merupakan kerja-kerja penyelenggaraan biasa, bergantung kepada keadaan peruntukan tahunan untuk penyelenggaraan jalan-jalan awam dan perparitan.

- (iii) Pihak Dewan Bandaraya memanglah sedar bahawa keadaan jalan dan longkang di beberapa batang jalan di kawasan Jinjang Utara adalah kurang memuaskan. Cadangan-cadangan memperbaiki jalan-jalan ini telah dibuat dan kos untuk melaksanakannya telah dianggarkan sebanyak 18.0 juta ringgit. Pihak Dewan Bandaraya telah bercadang melaksanakan cadangan-cadangan ini secara berperingkat-peringkat tertakluk kepada keadaan peruntukan. Dalam hubungan ini, peruntukan 1.0 juta ringgit telah dipohon bagi tahun 1985 untuk tujuan melaksanakan sebahagian cadangan-cadangan ini pada mulanya.

**MENARIK BALIK USUL OLEH Y.B. AHLI DARI KUALA LUMPUR BANDAR**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, usul yang pertama di bawah nama Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah ditarik balik mengikut Peraturan Mesyuarat 29 (2) melalui surat Ahli Yang Berhormat itu yang bertarikh pada 8hb Oktober, 1984.

**USUL**

**SKANDAL PINJAMAN BUMIPUTRA MALAYSIA FINANCE**

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, berapa lama agaknya

memakan masa untuk mengemukakan usul?

**Tuan Lim Kit Siang:** Mungkin sejam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sejam. Silakan!

3.36 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama, saya mahu ucapkan terima kasih dan tahniah kepada pihak Kerajaan oleh kerana bersetuju untuk memperuntukkan masa untuk membahaskan satu usul yang maha penting untuk rakyat dan negara kita. Dan kedua, saya pun mahu ucapkan terima kasih kepada rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar oleh kerana setuju untuk menarik balik usul mengenai polarisasi kaum supaya usul ini boleh dibahaskan hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mencadangkan usul saya, saya mahu meminta satu pindaan perkataan dalam perenggan kedua, garisan 5 bahawa perkataan "sembilan" digantikan dengan perkataan "tujuh".

**Tuan Yang di-Pertua:** Tujuh!

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini mengambil ingatan akan kenyataan-kenyataan awam berterusan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan lain-lain Menteri Kanan Kabinet mengenai kezaman Kerajaan untuk bertindak terhadap "pesalah-pesalah" yang terlibat dalam skandal pinjaman Bumiputra Malaysia Finance;

Mengambil ingatan akan seruan Pengerusi Jawatankuasa Siasatan BMF, Tan Sri Ahmad Nordin, bahawa sebuah Suruhanjaya

Siasatan Di-Raja sahajalah merupakan penyiasatan yang boleh menentukan sama ada mana-mana orang adalah salah dari segi telah menghabiskan masa tujuan bulan untuk menyiapkan laporan sementara mengenai skandal pinjaman BMF; dan

Memutuskan bahawa sebuah Suruhanjaya Siasatan Di-Raja hendaklah ditubuhkan untuk menyiasat ke dalam segala aspek skandal pinjaman BMF serta mendedahkan pesalah-pesalah BMF yang telah menyebabkan Malaysia rugi kira-kira \$2.5 billion."

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengemukakan usul ini ekoran seruan semula yang dibuat oleh Ketua Audit Negara merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penyiasatan BMF, Tan Sri Ahmad Nordin, supaya sebuah Suruhanjaya Siasatan Di-Raja ditubuhkan kerana hanya sebuah Suruhanjaya Siasatan Di-Raja sahajalah merupakan badan yang mempunyai kuasa-kuasa yang perlu untuk menentukan jika terdapat sesiapa yang bertanggungjawab dari segi jenayah dalam skandal pinjaman BMF. Seruan beliau itu dibuat dalam satu temuramah yang diadakan dengan Perkhidmatan Ekonomi BERNAMA pada 24hb September, 1984. Beliau berkata bahawa hanya sebuah Suruhanjaya seumpama itu yang diketuai oleh seorang Hakim adalah cara paling berkesan kerana ia boleh menyaman saksi-saksi untuk memberi keterangan dengan sumpah, dan beliau menambah, bahawa adalah tidak terlalu lewat untuk melantik sebuah Suruhanjaya Penyiasatan Di-Raja.

Seruan semula Tan Sri Ahmad Noordin supaya ditubuhkan sebuah Suruhanjaya Penyiasatan Di-Raja selepas beliau dan jawatankuasa Penyiasatan tiga orang BMF menghabiskan masa lebih kurang tujuh bulan untuk menyediakan

laporan sementara (interim) itu merupakan hujah-hujah yang kuat mengapa sebuah Suruhanjaya Penyiasatan Di-Raja harus ditubuhkan untuk menyiasat ke dalam skandal pinjaman BMF yang merupakan skandal dan krisis bank dan kewangan yang terbesar sekali di Malaysia.

Tan Sri Ahmad Noordin sebenarnya telah mengulas kenyataan yang dibuat seminggu sebelum itu oleh Pengerusi Eksekutif Bank Bumiputra, Dr Nawawi Mat Awini bahawa tindakan akan diambil ke atas mereka yang disabitkan kesalahan bagi skandal pinjaman BMF dan Dr Nawawi telah berkata bahawa beliau tahu Jawatankuasa Penyiasatan akan sedaya upaya membekalkan maklumat-maklumat yang relevant yang boleh menjadi asas untuk apa-apa tindakan.

Saya tidak hairan Tan Sri Ahmad Noordin telah merasa tersinggung dengan kenyataan Dr Nawawi yang meletakkan segala tanggungjawab mendedahkan pesalah-pesalah dalam skandal BMF itu ke atas Jawatankuasa Penyiasatan sedangkan jawatankuasa tersebut telah dinafikan kuasa-kuasa yang penuh serta syarat-syarat rujukan yang luas. Maka dengan itu Parlimen dan seluruh negara hendaklah mengambil perhatian apabila Tan Sri Ahmad Noordin menuduh Bank Bumiputra sebagai melengahkan tindakan ke atas mereka yang bersabit dalam bencana (fiasco) pinjaman BMF serta kelewatannya untuk menyoal pegawai-pegawai yang mengeluarkan pinjaman-pinjaman selepas menerima isyarat kecemasan diterima dari unitnya di Hongkong. Tan Sri Ahmad Noordin ada berkata dan dengan izin saya petik:

“Saya tidak faham kekecuan ini merupakan mereka harus menunggu begitu lama untuk melantik jawatankuasa ini. Bank

Bumiputra mempunyai sumber-sumber yang mencukupi untuk membawa mereka yang terbabit ke mahkamah. Mereka mempunyai begitu banyak waktu untuk berbuat demikian lebih-lebih lagi kesemua laporan ada.”

Ketua Audit Negara telah berkata bahawa jawatankuasanya bukanlah yang pertama mengesan kesalahan dalam skandal pinjaman BMF dan beliau ada menambah, dengan izin:

“Adalah menjadi pengetahuan umum bahawa Bank Negara memulakan penyiasatannya ke atas akaun-akaun BMF pada tahun 1982 dan Bank Bumiputra juga melantik Juru Audit Dalamnya untuk memeriksa akaun-akaun itu. Dan anda boleh memetik saya sebagai berkata ini kenapa membuat janji-janji untuk mengambil tindakan berdasarkan hasil kerja orang lain, sebuah jawatankuasa bebas.”

Tuan Yang di-Pertua, Ketua Audit Negara memang telah bertanya pertanyaan-pertanyaan yang penting seperti mengapa Bank Bumiputra tidak mengambil tindakan berdasarkan hasil siasatan-siasatan dahulu.

Pada 15hb Mac, 1983 dalam jawapannya kepada pertanyaan saya di Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Menteri Kewangan ketika itu Tengku Tan Sri Razaleigh telah berkata bahawa adalah tidak perlu untuk memanggil Ketua Audit Negara memeriksa akaun-akaun Bank Bumiputra Malaysia dan BMF kerana Akta Bank memperuntukkan skop yang cukup kepada Bank Negara untuk menyiasat ke dalam akaun mana-mana bank yang menyeleweng daripada norma-norma prudent dan beliau berkata bahawa Bank Negara sedang memeriksa perkara tersebut.

Pada 12hb Oktober, 1983 sekali lagi semasa soal jawab Yang Berhormat Menteri Kewangan ketika itu semasa

menjawab saya berkata bahawa tidak perlu sebuah Suruhanjaya Penyiasat Di-Raja ditubuhkan ke dalam perkara BMF kerana siasatan-siasatan yang dijalankan oleh Bank Negara dan lain-lain pihak memadai bagi tujuan tersebut.

Pada penghujung bulan Oktober, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyahut dalam bentuk, kalau bukan dalam isinya, tuntutan awam supaya sesuatu penyiasatan awam yang bebas diadakan apabila beliau mengumumkan bahawa Kerajaan akan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Penyiasatan yang kemudiannya telah ditubuhkan dalam awal bulan Januari dengan kuasa-kuasa dan syarat-syarat rujukan yang tersekat sekali kecuali Jawatankuasa Penyiasatan Ahmad Noordin yang ditubuhkan sebagai sebuah jawatankuasa dalaman (house committee) oleh Bank Bumiputra mengumumkan laporan dan penemuannya, ia hanya akan bertindih kerja-kerja yang sudah pun dijalankan oleh Bank Negara dan juru audit-juru audit dalam dan luar Bank Bumiputra yang sudah pun menjalankan siasatan ke dalam skandal pinjaman BMF.

Tidak ada sebarang alasan atau justifikasi bagi Dr Nawawi atau lain-lain orang untuk menuntut bahawa mereka tidak tahu menahu tentang skandal pinjaman BMF sehingga mereka menerima laporan interim dan terakhir Jawatankuasa Penyiasatan Ahmad Noordin serta menjustifikasikan kelengahan tindakan ke atas pegawai-pegawai Bank Bumiputra dan BMF yang terbabit dalam skandal pinjaman tersebut dengan menyerah tanggungjawab tersebut bulat-bulat kepada Jawatankuasa Penyiasatan Ahmad Noordin.

Saya bersimpati penuh dengan kedudukan sukar (predicament) Tan

Sri Ahmad Noordin kerana Jawatankuasa Penyiasatan seperti dibentuk sekarang adalah tidak berdaya dari segi undang-undang untuk bertindak selanjutnya kerana laporannya akan diterbitkan sebagai rekod awam dan jawatankuasa tersebut tidak mempunyai kuasa-kuasa atau perlindungan undang-undang terhadap kemungkinan tindakan balas oleh siapa sahaja yang didapati oleh jawatankuasa sebagai bertanggungjawab atas pinjaman-pinjaman lapuk tersebut.

Secara retrospective, Tuan Yang di-Pertua, semakin ramai rakyat Malaysia berpendapat bahawa Jawatankuasa Penyiasatan Ahmad Noordin merupakan satu, dengan izin, grand delaying tactic yang berjaya menenangkan kemarahan orang ramai di Malaysia akibat pendedahan yang mengejutkan di Mahkamah Majistret Hongkong pada 4hb Oktober bahawa Kumpulan Carrion berhutang sekurang-kurangnya \$1.7 billion kepada BMF dan tidak seorang pun tahu apa yang telah berlaku kepada kira-kira separuh wang tersebut yang berjumlah kira-kira \$769 juta. Akan tetapi penubuhan Jawatankuasa Ahmad Noordin itu tidaklah sebenarnya bertujuan mengadakan satu penyiasatan yang menyeluruh dan tanpa had ke dalam skandal pinjaman BMF. Ia juga bukan merupakan satu urusan untuk memenuhi obligasi accountability awam Kerajaan berhubung dengan pengurusan wang awam oleh Bank Bumiputra dan BMF.

Umpamanya Tan Sri Ahmad Noordin telah berkata bahawa beliau tidak faham kenapa laporan interim jawatankuasa tersebut lambat dikeluarkan kerana pengumuman seperti laporan tersebut akan dapat menghapuskan sebarang spekulasi dan salah anggapan yang mengelirukan.

Adalah difahamkan bahawa laporan sementara Jawatankuasa Penyiasatan

Ahmad Noordin telah dikemukakan kepada Bank Bumiputra pada 17hb Ogos, 1984 dan rakyat Malaysia rasa bingung mengapa laporan interim tersebut masih tidak diumumkan walaupun dua bulan telah lalu.

Disebabkan laporan interim Ahmad Noordin tidak akan menghasilkan begitu banyak pendedahan-pendedahan yang memeranjatkan siasatan yang tidak diketahui oleh Bank Bumiputra, Bank Negara atau Kerajaan memandangkan siasatan-siasatan ke dalam skandal BMF telah pun dijalankan dahulu oleh Juruudit Dalam dan Luar Bank Bumiputra, Bank Negara dan lain-lain pihak maka kelewatan dalam mengumumkan laporan interim tersebut kepada orang ramai hanya boleh disifatkan sebagai keengganan Kerajaan untuk mengkotakan janjinya bahawa skandal pinjaman BMF tidak akan disembunyikan. Di sidang Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengisytiharkan bahawa Malaysia mengatakan apa ia maksudkan dan maksudkan apa ia mengatakan, dengan izin, "we speak what we mean and we mean what we speak".

Saya menyeru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengkotakan janji yang dibuatnya di forum dunia itu dengan membuktikan bahawa Malaysia mengatakan apa ia maksudkan dan maksudkan apa ia mengatakan dengan mengumumkan serta merta laporan interim Jawatankuasa Penyiasatan Ahmad Noordin kepada orang ramai. Adalah amat ironik dan tragik sekiranya Ketua Audit Negara yang terkenal kerana kewibawaannya yang tidak tercela digunakan sebagai alat bertentangan dengan kemahuan sendiri untuk menyembunyikan terbaru skandal pinjaman BMF. Rakyat Malaysia ingin tahu mengapakah berbagai Jabatan Kerajaan mengambil

masa yang begitu panjang untuk mengkaji laporan sementara Jawatankuasa penyiasatan Pinjaman BMF itu yang mana Jawatankuasa tersebut telah menyiapkan laporan tersebut dalam masa tujuh bulan pada hal berbagai Jabatan berkenaan sudah pun menjalankan siasatan-siasatan berasingan sendiri. Adakah Kerajaan akan mengambil masa yang lebih panjang untuk mengkaji dan membuat keputusan mengenai laporan interim Jawatankuasa Penyiasatan Ahmad Noordin yang disiapkan dalam masa tujuh bulan. menurut tanggapan saya Kerajaan dipaksa oleh tekanan awam untuk menubuhkan Jawatankuasa Penyiasatan Ahmad Noordin tetapi Kerajaan tidak berhajat menganggap serius Jawatankuasa Penyiasatan tersebut ataupun penemuan-penemuannya.

Pelbagai kenyataan yang "contradictory" yang dibuat oleh Menteri-menteri Kabinet mengenai laporan sementara Jawatankuasa Penyiasatan BMF adalah satu kes yang ketara. Pada 14hb September tahun ini apabila mengumumkan penyelamatan bank Bumiputra oleh PETRONAS dengan \$2.5 billion wang minyak, Yang Berhormat Menteri Kewangan yang baru telah berkata bahawa beliau sudah mengkaji laporan interim Jawatankuasa Penyiasatan Ahmad Noordin dan beliau akan memutuskan apa yang harus dibuat selepas selesai mengkaji laporan tersebut, akan tetapi pada hari berikutnya iaitu 15hb September Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengatakan bahawa Kerajaan akan mengumumkan penemuan siasatan ke dalam skandal BMF itu setelah ianya dikaji oleh Bank Negara dan bahawa Kerajaan akan mengumumkan penemuan siasatan ke dalam skandal BMF itu setelah ianya dikaji oleh Bank Negara dan bahawa laporan sementara telah pun dikemukakan kepada Bank Negara. Ini tidak boleh diterima sekali di mana

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan menyatakan dua perkara yang berbeza sekali mengenai laporan sementara BMF sama ada mereka sedang cuba mengelirukan rakyat Malaysia ataupun ia membuktikan bahawa mereka tidak memandang berat laporan sementara itu dan hanya ingin menghalang "accountability" Kerajaan kepada rakyat atau atas skandal BMF. Kini siapakah yang bertanggungjawab melambatkan pengumuman laporan sementara ini—Bank Bumiputra, Bank Negara atau Kerajaan sendiri.

Pada 25hb September tahun ini juga kenyataan Pemangku Menteri Kewangan, Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang memeranjatkan telah dikeluarkan di mana beliau mengatakan bahawa tidak ada sebab sesiapa rasa, dengan izin, "Excited" mengenai peristiwa BMF kerana wang yang terlibat telah lenyap. Ini diikuti dengan kenyataan beliau mengenai perbezaan di antara si pencuri dengan barang yang dicurinya, si pencuri yang kehilangan bahan yang dicurinya.

Tanda yang membuktikan sikap Kerajaan terhadap Jawatankuasa Siasatan BMF Ahmad Noordin bolehlah didapati di dalam kenyataan sidang akhbar Menteri Kewangan pada 14hb September di mana beliau telah mengumumkan penyemakan Bank Bumiputra oleh PETRONAS. Beliau telah menyatakan bahawa dengan mengambil alih Bank Bumiputra, Jawatankuasa Siasatan Ahmad Noordin telah, dengan izin, "overtaken by events" dan bahawa Jawatankuasa itu kini patut menumpukan perhatian kepada aspek-aspek jenayah masalah Bank tersebut dan bukan aspek-aspek tekniknya.

Saya mendapati kenyataan Yang Berhormat Menteri Kewangan amat mengganggu kerana adakah beliau kini menghadkan syarat-syarat

rujukan Jawatankuasa Ahmad Noordin secara unilateral untuk tujuan laporan terakhirnya.

Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Siasatan BMF dengan tiga orang anggotanya yang diketuai oleh Tan Sri Ahmad Noordin syarat-syarat rujukan Jawatankuasa tersebut telah diberikan sebagai untuk menyiasat dan melaporkan mengenai hal ehwal urusan dan pengendalian BMF berhubung dengan mengurus dan mengawal pengendalian syarikat BMF menentukan sama ada berlaku penyalahgunaan, penyalah pemakaian dan atau pelepasan mana-mana dari wang tabungannya.

Hak dan jenis pinjaman atau kemudahan credit oleh BMF kepada Kumpulan Carrian dan syarikat-syarikat yang ada kaitan dengan George Tan dan Ida Investments Ltd. sama ada pinjaman dan kemudahan credit itu telah diluluskan dengan mematuhi undang-undang dan atau peraturan memberi pinjaman syarikat itu dan telah dibelanjakan mengikut tempoh dan syarat pihak berkuasa yang meluluskannya, sama ada segala hal keadaan pinjaman dan kemudahan itu telah dibuat "*bona fide*" bagi kepentingan BMF dan konsisten dengan amalan urusan Bank yang lazimnya dan berhemat. Orang atau orang-orang yang terbabit dalam memproses dan meluluskan pinjaman atau kemudahan credit sama ada orang atau orang-orang itu dan atau mana-mana Pengarah, pegawai atau orang secara langsung atau tidak langsung yang terbabit dengan pentadbiran BMF telah sama ada dengan mendirikan dengan sendirinya atau oleh seorang ahli keluarga atau agennya telah menerima atau bersetuju menerima apa-apa faedah sama ada terbentuk wang atau nilai wang atau apa juga nama yang dipanggilnya dari (a) BMF sebagai

tambahan kepada saraan biasanya atau (b) peminjam-peminjam atau sesiapa dari mereka dan jika ada anggota itu berbuat demikian identitinya dan identiti peminjam atau peminjam-peminjam itu mengikut mana yang berkenaan apa-apa perbuatan luar aturan penipuan atau pecah amanah atau tindakan tidak mempedulikan amalan perniagaan yang jujur atau pelanggaran mana-mana undang-undang berkenaan dengan pentadbiran dan pengendalian BMF dan akhirnya langkah-langkah pada pendapat Jawatankuasa Penyiasat adalah perlu supaya pentadbiran BMF di masa hadapan akan berjalan baik.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Jika Jawatankuasa Penyiasat Tan Sri Ahmad Noordin hanya menghadkan dirinya kepada aspek-aspek jenayah skandal pinjaman BMF, ini akan bermakna penghapusan kira-kira 80% daripada syarat-syarat rujukan asal Jawatankuasa tersebut. Ini telah mendorong Tan Sri Ahmad Noordin memberikan penjelasan bahawa Jawatankuasanya tidak mempunyai kuasa-kuasa untuk menjalankan siasatan jenayah dan dengan sendirinya tidak boleh menentukan sama ada sesiapa yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti pinjaman BMF Hong Kong yang telah melakukan sebarang kesalahan jenayah atau tidak.

Kenyataan Menteri Kewangan juga telah jelas melanggar janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa mengumumkan Jawatankuasa Siasatan BMF bahawa tidak akan dikenakan apa-apa sekatan terhadap siasatan ini kerana Kerajaan berminat untuk tahu "bottom of the matter".

Pada hari pertama persidangan Parlimen ini Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan telah

bertanya kepada saya suatu persoalan semasa "Soal Jawab Mulut" dan saya ingin memberikan jawapan kepadanya sekarang. Semasa merujuk kepada persoalan-persoalan yang berterusan dari saya mengenai skandal pinjaman BMF dan laporan siasatan Tan Sri Ahmad Noordin, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan telah mengatakan bahawa beliau tidak memahami mengapa saya masih ingin mendalami lagi skandal BMF serta laporan Jawatankuasa Penyiasat Tan Sri Ahmad Noordin itu pada ketika ini. Beliau bertanya: Tidakkah beliau mempercayai Kerajaan BN, tidakkah beliau mempercayai Kerajaan kami?

Biarlah saya mengatakan di sini bahawa bukan saya sahaja malah rakyat Malaysia juga tidak mempercayai Kerajaan berhubung dengan skandal BMF. Ini adalah kerana pengendalian Kerajaan atas Skandal Pinjaman BMF dan pertanggungjawabnya terhadap orang ramai telah dicirikan dengan satu siri penyembunyian, pengecohan dan penipuan-penipuan belaka. Itulah sebabnya mengapa rakyat inginkan sebuah Suruhanjaya Penyiasatan Di-Raja dengan kuasa-kuasa yang tidak terbatas untuk menyiasat kesemua aspek Skandal Pinjaman BMF dan juga mengapa walaupun mereka menyanjung tinggi tugas Tan Sri Ahmad Noordin mereka masih mencurigai atau merasa "skeptical" akan Jawatankuasa Siasatan tersebut, oleh kerana keanggotaan serta kuasa-kuasanya yang terhad. Kecurigaan-kecurigaan ini telah terbukti benar memandangkan Ketua Audit Negara sendiri yang begitu berasa hampa telah mengeluarkan beberapa kenyataan-kenyataan awam yang tegas.

Sejak dari permulaan lagi Kerajaan 2M telah melaung-laungkan moto pentadbiran "Bersih, Cekap dan Amanah" telah tidak jujur dengan rakyat Malaysia berhubung dengan Skandal Pinjaman BMF.

Pada bulan Februari, 1982 misalnya Yang Berhormat Menteri Kewangan ketika itu Tengku Razaleigh telah mengatakan bahawa tiada apa-apa salahnya di dalam urusan-urusan BMF dan keadaan pinjaman adalah, "nothing more than a business problem".

Sebenarnya Menteri-menteri Kerajaan telah sengaja menyesatkan atau mislead Dewan yang mulia ini berhubung dengan Skandal Pinjaman BMF ini yang merupakan suatu pelanggaran hak keistimewaan Parlimen (breach of privilege).

Pada masa menjawab soalan saya pada 15hb Mac, 1983 Yang Berhormat Menteri Kewangan pada masa itu telah mengatakan bahawa setakat itu masih tidak jelas sama ada BMF dan Bank Bumiputra akan benar-benar mengalami kerugian. Alasan beliau adalah bahawa akaun-akaun Bank Bumiputra bagi tahun berakhir Disember, 31hb 1984 masih sedang diaudi.

Secara retrospektif, Yang Berhormat Menteri Kewangan masa itu jelas telah menipu atau menyesatkan atau mislead Dewan yang mulia ini kerana tidaklah dapat dibayangkan bahawa pada bulan Mac, 1983 Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak menyedari atau pasti, "as sure as the sun rises" bahawa BMF dan Bank Bumiputra akan mengalami kerugian yang begitu besar. Menteri Kewangan mungkin mempunyai alasan-alasan yang baik mengapa beliau tidak mahu mendedahkan perkara itu tetapi tiada apa-apa alasan atau justifikasi langsung bagi beliau untuk melanggar hak dan keistimewaan Parlimen beliau dengan sengaja mislead Dewan ini dengan menyatakan bahawa tidak jelas sama ada BMF dan Bank Bumiputra akan benar-benar mengalami kerugian.

Kini adalah menjadi pengetahuan umum bahawa pengumuman malang

Carrian Investments Limited (CIL) pada 26hb Oktober, 1982 mengenai "temporary liquidity difficulties" yang memerlukan pembayaran balik hutang-hutangnya disusun semula telah membongkarkan masalah-masalah yang dialami oleh bukan sahaja Carrian malah juga BMF dan Bank Bumiputra.

Pada bulan November, 1982, Wardley Limited, Bank Perdagangan Subsidiary Hong Kong and Shanghai Bank, telah menyediakan laporan pertamanya bagi peniaga-peniaga Carrian (Carrian creditors) termasuk BMF. Laporan ini mengatakan bahawa Carrian mempunyai hutang sebanyak HK\$2.5 billion dan aset bersih sebanyak HK\$2.5 billion pun setelah hapuskira tertentu. Masalahnya terletak pada aliran tunai atau "cash flow" kerana Carrian tidak mampu menemui bayaran-bayaran bagi hutang-hutangnya sebanyak HK\$700 juta dalam tahun 1982 dan HK\$1 billion dalam tahun 1983.

Untuk memulihkannya, suntikan serta merta Carrian telah merancang mengeluarkan saham (issue) sebanyak HK\$500 juta, ianya akan dibiayai bersama oleh Hong Kong and Shanghai Bank dan pemilik-pemilik ultimate Carrian, tertakluk kepada persetujuan peminjam-peminjam berhubung dengan penyusunan semula hutang-hutangnya. Mungkin peminjam-peminjam Carrian yang lain berasa lega dalam laporan Wardley tetapi bukan BMF kerana seperti didedahkan dalam Mahkamah Majistret Hong Kong pada bulan Oktober, 1983 bahawa Carrian selama ini telah berhutang kepada BMF satu jumlah yang begitu besar yang tidak dinyatakan. Dan pada Oktober, 1983 disebut sebanyak HK\$4.6 billion. Lain bank tidak tahu, tetapi BMF sendiri patut tahu pinjamannya

Menurut Penolong Kanan Pendakwa Raya Hong Kong, Warwick Reid, pada 4hb Oktober dalam

Mahkamah Majistret Hong Kong, terdapat "evidence of a systematic scheme of deception and fraud" berhubung dengan rancangan untuk menyelamatkan Carrian, dan bahawa bank-bank peminjam telah dipujuk menyertai rancangan ini oleh kerana Carrian telah tidak memberikan gambaran yang tepat mengenai hutangnya. Dalam dokumentasi rancangan penyelamatan ini Kumpulan Carrian menyatakan bahawa Carrian Holdings telah berhutang BMF sebanyak US\$35 juta, dan bahawa Carrian Investments tidak berhutang apa-apa pun kepada BMF. Akan tetapi mengikut buku-buku BMF, Kumpulan Carrian telah berhutang sebanyak HK\$4.6 billion, yang telah disahkan oleh BMF sendiri. Jadi, adalah jelas bahawa BMF dan melaluinya Bank Bumiputra serta Kerajaan Malaysia, adalah lebih mampu daripada sebarang institusi kewangan atau bank ataupun Kerajaan untuk mengetahui akan keadaan sebenarnya berhubung dengan hal ehwal kewangan Carrian, kerana hutang-hutang BMF sebanyak HK\$4.6 billion sehingga Oktober tidak pernah diumumkan secara awam. Bagaimanakah dapat Yang Berhormat Menteri Kewangan masa itu datang ke Dewan yang mulia ini pada Mac 1983 dan mengatakan bahawa masih tidak jelas sama ada BMF dan Bank Bumiputra akan benar-benar mengalami kerugian, manakala pasti tidak mungkin wujud sebarang keraguan atas persoalan ini?

Daripada memorandum Wardley pada bulan November 1982, sokongan asset bersih Carrian Investments nampaknya masih mewakili HK\$2.50 bagi setiap saham. Akan tetapi, di dalam suatu lagi laporan ujung dihantarkan kepada ahli-ahli bank pada 6hb Januari 1983, Wardley telah menilaikan sokongan asset bersih saham-saham Carrian Investments pada hanya tidak sampai 15 sen setiap saham. Analisa Wardley terhadap

Carrian telah menghasilkan suatu rumusan yang paling simple: jika hutang sebanyak HK\$4.3 billion tidak dapat disusun semula, kumpulan ini mesti dibubarkan. Daripada jumlah ini, Carrian Investments berhutang HK\$2.9 billion, manakala Carrian Holdings pula HK\$1.4 billion pada masa itu. Lagi, perlulah diingatkan bahawa Wardley langsung tidak menyedari sehingga bulan Oktober 1983 bahawa wujudnya hutang Carrian sebanyak \$4.6 billion kepada BMF.

Saya tidak percaya bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan sebagai Menteri Kewangan, tidak tahu akan kedudukan kewangan BMF yang merbahaya itu akibat daripada pinjaman-pinjamannya yang masih tidak diketahui oleh orang awam termasuk bank-bank yang lain sebagai pinjaman kepada Carrian di mana kebanyakan daripadanya adalah tidak terjamin kerana sekiranya benar, beliau pasti telah cuai serta tidak cekap.

Mungkin beliau tidak bertindak sebagai free agent apabila beliau menyesatkan Dewan yang mulia ini pada 15hb Mei 1983, dengan menyatakan bahawa masih tidak jelas sama ada BMF dan Bank Bumiputra akan benar-benar mengalami kerugian. Walau bagaimanapun, ianya merupakan suatu pelanggaran hak dan keistimewaan (a breach of privilege) yang tidak boleh dibenarkan begitu sahaja dan dengan rasminya, saya mencadangkan supaya Yang Berhormat Menteri masa itu dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan kerana kenyataan beliau di Dewan yang mulia ini pada 15hb Mac 1983, yang telah menyesatkan Dewan ini atas dasar prinsip. Saya tidak mahu menuntut "a pound of flesh" tetapi Menteri-menteri kita, khasnya Menteri-menteri kanan tidak kira betapa senior mereka tidak patut dibenarkan

melepaskan diri apabila mereka melanggar hak-hak dan kebebasan Dewan yang mulia ini. Malah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga, tidak bersikap benar dan jujur mengenai skandal BMF.

Dalam temuduga menyambut 2 tahun sebagai Perdana Menteri pada 16hb Julai 1983, ada dikeluarkan dalam suratkhbar pada 16hb Julai 1983, apabila dipersoalkan mengenai pinjaman-pinjaman BMF, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengatakan:

"I don't know about BMF but Bank Bumiputra, the parent company, is in a position to supervise the BMF especially after the Government came out with the statement in support of the bank."

Beliau juga ada mengatakan:

"We are confiden that we can recover most of what had been committed by BMF."

Akan tetapi kurang 3 bulan kemudian, di suatu persidangan akhbar pada 11hb Oktober mengenai BMF, selepas pendedahan-pendedahan dalam Mahkamah Hongkong berhubung dengan peminjaman kira-kira \$1.7 billion kepada BMF. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bahawa beliau senantiasa dimaklumkan mengenai pinjaman-pinjaman BMF oleh Pengurus Eksekutif Bank Bumiputra, Dr Nawawi, termasuk saat pasaran harta benda Hongkong jatuh. Beliau menganggarkan bahawa hanya 25-30 peratus daripada pinjaman-pinjaman BMF akan dapat diperolehi kembali.

Juga, wujud pertikaian ketara mengenai siapakah sebenarnya yang mengetuai atau bertanggungjawab Bank Bumiputra, sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri (seperti didakwa oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan masa

itu pada bulan Februari 1982) atau Menteri Kewangan (seperti yang didakwa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa menjawab soalan saya pada bulan Oktober 1983).

Bank Bumiputra, Tuan Yang di-Pertua, juga telah berbohong dan menipu. Semasa perbahasan Belanjawan pada 24hb Oktober tahun lepas, saya telah mengatakan bahawa Pengurus Eksekutif Bank Bumiputra dan Pengarah-pengarah Bank harus didakwa di Mahkamah kerana melanggar peruntukan-peruntukan di bawah Seksyen 169, Akta Syarikat, kerana Laporan serta Akaun Pengarah-pengarah 1982 yang memesongkan.

Memandangkan pinjaman-pinjaman BMF kepada Carrian dan lain-lain syarikat dan Laporan-laporan Wardley bertarikh November 1982 dan Januari 1983, bagaimanakah Lembaga Pengarah Bank Bumiputra boleh mengesahkan pada bulan Jun 1983, bahawa tiada keadaan yang timbul yang mungkin mensifatkan cara-cara penilaian asset serta liabiliti Bank yang sedia ada sebagai "misleading and inappropriate" dan bahawa tiada sebarang "item yang boleh disifatkan sebagai masa itu abnormal character".

Saya memuji anggota Exco Pemuda UMNO masa itu, Encik Tamrin Ghafar, kerana pendirian beliau yang berani pada awal bulan November, dalam menyokong dakwaan dan pendirian saya bahawa (non-disclosure) Bank Bumiputra terhadap kemungkinan berlakunya kerugian-kerugian hasil daripada kejatuhan Kumpulan Carrian di dalam Akaun-akaun bagi tahun 1982, adalah satu pelanggaran serius berbagai undang-undang tetapi saya tidak tahu sama ada Ketua Pemuda bersetuju atau tidak.

Suatu lagi kejadian yang terlintas di pemikiran adalah percubaan oleh Dr

Nawawi untuk menafikan serta menyesatkan rakyat mengenai peranan atau fungsi sebenarnya Jalil Ibrahim di BMF, Hongkong, setelah beliau dibunuh pada 8hb Julai 1983.

Dalam sambutan awam beliau yang pertama terhadap pembunuhan Allahyarham Jalil, Dr Nawawi menafikan laporan-laporan akhbar bahawa Jalil sedang mengaudit akaun-akaun BMF di Hongkong. Menurut Dr Nawawi, Allahyarham Jalil telah dihantar ke Hongkong untuk mengukuhkan pentadbiran BMF, dan menafikan bahawa beliau telah dihantar berhubung dengan pinjaman-pinjaman BMF.

Ini adalah suatu celaan terhadap nama baik seorang yang telah meninggal dunia semasa menjalankan tugas yang diamanahkan, kerana semasa perbicaraan pembunuhan Jalil Ibrahim, telah didedahkan bahawa Allahyarham Jalil Ibrahim memang sedang mengaudit pinjaman-pinjaman BMF kepada Carrian. Juga, beliau sedang cuba menghalang suatu pinjaman US\$4 juta daripada BMF kepada Carrian, yang telah merupakan kunci kepada rancangan menyelamatkan empayar Carrian yang hampir-hampir runtuh itu.

Perbicaraan pembunuhan tersebut telah mendengar keterangan bahawa pada hari Allahyarham Jalil Ibrahim dibunuh iaitu 18hb Julai 1983, Carrian telah terdesak memperolehi kelulusan untuk pinjaman BMF sebanyak US\$4 juta bagi meneruskan rancangan menyelamatkan Carrian. Jika tidak, keseluruhan rancangan itu akan terpaksa digugurkan.

Perbicaraan itu juga telah mendengar keterangan bekas Penolong Pengurus Besar BMF, Henry Chin, yang telah mempersaksikan bahawa Jalil Ibrahim telah mempersoalkan sama ada jawatankuasa Pengawal-seliaan Bank Bumiputra telah meluluskan pinjaman

US\$4 juta kepada Carrian melalui suatu panggilan telefon dari Hotel Regent, Hongkong, sebelum pembunuhannya. Apabila Allahyarham Jalil Ibrahim tidak pulang-pulang lagi ke pejabat beliau selepas meninggalkan pejabat BMF pada waktu tengahari 18hb Julai untuk bertemu dengan peniaga Malaysia terkenal Tan Sri Ibrahim, Henry Chin telah ditekan oleh Pengerusi BMF pada masa itu, Lorraine Esme Osman, untuk meluluskan pinjaman US\$4 juta kepada Carrian. Henry Chin berkata bahawa selepas itu, beliau telah mendapat tahu bahawa pinjaman tersebut telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pengawal-seliaan Bank Bumiputra.

Persoalan yang terlintas di pemikiran adalah bahawa memandangkan hakikat bahawa sesiapa pun akan cenderung mengaitkan pembunuhan Allahyarham Jalil dengan skandal pinjaman BMF, mengapakah Dr Nawawi dengan begitu gigih sekali menafikannya? Walaupun selepas itu Bank Bumiputra telah memperkenalkan suatu kenyataan di dalam perbicaraan pembunuhan Allahyarham Jalil Ibrahim, menegaskan bahawa Jawatankuasa Pengawal-seliaan (Supervisory) Bank Bumiputra tidak "authorized, approved or ratified" pinjaman US\$4 juta kepada Carrian pada 18hb Julai, 1983 soalan-soalan yang begitu banyak ditimbulkan oleh episode ini masih belum dijelaskan. Adakah ini bermakna bahawa sehingga bulan Julai 1983, walaupun dengan penubuhan Jawatankuasa Pengawal-seliaan dan pengurusan dinamik Dr Nawawi, BMF berada di luar kawalan (uncontrollable) dan layak mengeluarkan serta meluluskan pinjaman-pinjaman dengan sewenang-wenangnya tanpa merujuk kepada syarikat induk?

Dr Nawawi telah mengatakan bahawa Bank Bumiputra akan

memberikan suatu anugerah khas kepada Allahyarham Jalil Ibrahim, dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah mengumumkan di Persidangan Agung UMNO pada bulan Mei 1984 bahawa Kerajaan akan memberikan Allahyarham Jalil Ibrahim suatu anugerah posthumous, kerana beliau telah mempertahankan kemuliaan bangsa. Kerajaan Negeri Melaka juga telah memberikan Allahyarham suatu anugerah posthumous dan Yang Amat Berhormat Menteri Tanah sekarang telah mencirikan beliau sebagai "pejuang ekonomi negara".

Pada hemat saya, jika kita di Malaysia benar-benar ingin menghormati Allahyarham Jalil Ibrahim kerana dedikasi beliau dalam melindungi kepentingan awam dan wang BMF serta Bank Bumiputra, kita patut berbuat demikian bukan sahaja dengan memberikan anugerah posthumous tetapi meneruskan usaha beliau membongkar skandal BMF.

Saya juga berasa bahawa tiada cara lebih baik menghormati Allahyarham Jalil Ibrahim daripada menubuhkan suatu Suruhanjaya Penyiasatan Di-Raja ke dalam skandal BMF, dan melengkapkan usaha yang telah dimulakan oleh Allahyarham Jalil Ibrahim. Ini adalah suatu penghormatan yang benar, daripada memberikan beliau anugerah-anugerah posthumous tetapi pada masa yang sama mengendalikannya cover-up ke dalam skandal ini.

Minggu lepas, Pengerusi Eksekutif Bank Bumiputra, Dr Nawawi, mendakwa bahawa beliau tidaklah bersalah dan tidak meluluskan atau membenarkan apa-apa pinjaman kepada Carrian ataupun kepada mana-mana golongan di Hongkong. Rakyat Malaysia tidak berminat lagi mendengar apa-apa pengakuan (plea) daripada orang-orang BMF atau Bank

Bumiputra, tetapi hanya mahu fakta-fakta yang diberikan dalam satu penyiasatan awam yang bebas.

Predecessor Dr Nawawi, Kamarul Ariffin, juga seperti Nawawi mendakwa secara awam bahawa beliau tidaklah bersalah, semua tidak bersalah, siapakah yang bersalah, rakyatkah yang bersalah?

Menurut satu laporan dalam akhbar *STAR* bertarikh 3hb Oktober, 1984, laporan interim penyiasatan BMF telah mendedahkan bahawa Bank Bumiputra telah meminjam menerusi BMF kira-kira \$1 billion kepada Carrian dan Syarikat-syarikat yang ada kaitan dengan George Tan selepas pasaran hartanah terjatuh di Hongkong dalam tahun 1982. Hanya kira-kira 20% daripada pinjaman BMF sebanyak \$2 billion kepada Carrian diberikan dalam dua tahun pertama (iaitu 1980 dan 1981), sebanyak 20% lagi dalam tahun 1982. Kira-kira 30% telah dipinjamkan selepas kejatuhan Kumpulan Carrian dalam tahun 1982 dan baki 30% diberi tahun lalu.

Dr Nawawi telah menjadi Pengerusi Bank Bumiputra dalam bulan April, 1982 dan saya tidak nampak bagaimana beliau boleh mengadakan bahawa beliau tidak bertanggungjawab kecuali beliau boleh mencontohi Kamarul Ariffin yang mendakwa beliau tidak tahu apa yang berlaku dalam bank dan kumpulannya.

Dr Nawawi harus sedar bahawa sekiranya beliau terus memegang jawatannya sebagai Pengerusi Bank Bumiputra, ini tidak akan membawa apa-apa kebaikan kepada Bank Bumiputra. Selepas penyata tahunan Bank Bumiputra bagi tahun 1983 diumumkan, di mana Bank Bumiputra telah mengatakan bahawa ia mengalami kerugian sebanyak \$967 juta dan bertanggungjawab atas hutang lapuk sebanyak \$2.5 billion

BMF, beliau masih boleh berkata bahawa Bank Bumiputra adalah "kuat dan kukuh". Adakah ini bererti bahawa kalau bank mahu "kuat dan kukuh" mahu hilang dekat \$1 billion dan bank yang tidak hilang dekat \$1 billion "tidak kuat dan tidak kukuh"?

Tuan Yang di-Pertua, sampai sekarang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Kewangan dan pegawai-pegawai tinggi Bank Bumiputra masih mendakwa bahawa masalah-masalah pinjaman BMF timbul akibat daripada kejatuhan pasaran hartanah di Hongkong dan bererti bahawa kalau tidak berlaku perkara itu, tidak timbul skandal pinjaman BMF. Adakah ini benar? Daripada maklumat-maklumat yang ada . . . . .

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat, minta duduk sebentar. Saya dengar Yang Berhormat berjanji dengan Tuan Yang di-Pertua tadi bahawa Yang Berhormat akan mengambil masa sejam. Jadi Yang Berhormat ada 5 minit lagi. Sila teruskan ucapan memandangkan janji Yang Berhormat kepada Tuan Yang di-Pertua tadi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, lebih kurang satu jam, bukan janji. Saya pun mahu pendekkan tetapi oleh kerana ini perkara yang mustahak, saya harap ada flexibility 5-10 minit.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Sila duduk sebentar. Saya memang akan flexible tetapi berapa lebih dan berapa kurang ialah di bawah kuasa Yang di-Pertua Majlis.

**Tuan Lim Kit Siang:** Baik. Daripada maklumat-maklumat yang boleh didapati, sangat jelas sekarang bahawa kejatuhan Empire Carrian bukan sahaja oleh kerana kejatuhan pasaran hartanah Hong Kong tetapi sebenarnya Carrian merupakan satu fraud corporate yang besar di mana kita ada baca, apa-apa yang sudah

diterbit dalam tahun 1980, Carrian yang bermula dengan pembelian Gammon House dan sekarang Bank of America Tower dengan harga \$449 juta dan selepas sembilan bulan diumumkan bahawa dijualkan untuk \$752 juta, sebenarnya tidak dihabiskan. Tetapi apa yang Empire Carrian direka-reka dengan izin, "fictitious property deals" oleh syarikat-syarikat kosong dalam Carrian. Tetapi apa yang kita mahu mengambil perhatian ialah kenapa BMF ada perhubungan yang begitu baik dengan Carrian yang melebihi daripada perhubungan customer relationship. Sebenarnya Hashim Shamsuddin, bekas Ketua Pengarah ada mengakui bahawa BMF ada memberi pinjaman untuk Carrian untuk membeli Gammon House dan masalah sekarang yang kita mahu tahu ialah sebenarnya apa perhubungan antara Carrian dan BMF dan inilah kita mahu Suruhanjaya Di-Raja menyiasat, sama ada kita sampai satu peringkat di mana BMF ialah Carrian dan Carrian ialah BMF.

Tuan Yang di-Pertua, di sini ada satu lagi episode di mana ada menunjukkan satu series untuk cover-up perkara BMF ialah baru-baru ini pembelian BMF oleh PETRONAS dengan menggunakan wang \$2.5 billion wang minyak. Ini menjadi satu precedent yang merbahaya oleh kerana kalau ini dibenarkan, di masa akan datang, apa-apa off-budget agency kalau oleh kerana salah guna kuasa, pecah amanah dan menghadapi kerugian yang besar boleh diselamatkan dan boleh dielakkan daripada accountability rakyat dan accountability Parlimen dengan cara di mana PETRONAS mengambil alih dan ini akan menjadi precedent yang sangat merbahaya dan patut tidak boleh dibenarkan oleh kerana kalau mahu menyelamatkan Bank Bumiputra, Kerajaan hendaklah mengikut contoh Bank Rakyat, datang ke Parlimen untuk meminta satu

kelulusan wang di mana satu accountability, satu siasatan boleh diadakan oleh Parlimen.

Di sini saya tidak mahu sebut mengenai segi undang-undang, pembelian PETRONAS, lain hari saya akan mengutarakan perkara ini. Di sini saya rasa tiada isu semacam BMF di mana ada mendapat satu consensus nasional di mana rakyat mahu satu Suruhanjaya Di-Raja ditubuhkan supaya mereka yang bertanggungjawab, baik daripada segi jenayah, moral, politik, pentadbiran boleh faham mengenai enormity jenayah jijik mereka dan supaya perkara ini tidak akan berulang lagi.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan lain-lain pemimpin-pemimpin, pegawai-pegawai dalam Bank Bumiputra selalu mengulangi bahawa mereka tidak akan teragak-agak mengambil tindakan terhadap mereka yang bersalah tetapi sehingga sekarang sudah sampai dua tahun tidak seorang pun yang ditangkap dan didakwa. Saya rasa kalau Kabinet tidak mampu dalam perkara ini untuk membawa mereka yang bersalah ke mahkamah, integrity dan capability Kabinet sendiri akan menjadi persoalan dan soalan akan timbul sama ada Kabinet patut mengambil alih tanggungjawab sepenuhnya terhadap skandal BMF oleh kerana tidak mampu untuk membawakan sesiapa yang bersalah kepada mahkamah. Sebenarnya dalam negara yang lain Kerajaan sudah jatuh, tetapi dalam negara Malaysia di mana nampaknya sungguhpun ada motto "Bersih, Cekap dan Amanah", politikal, moraliti tidak begitu matang dan nampaknya tidak ada apa-apa shock moral pun.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap bahawa kalau Kerajaan tidak percaya bahawa rakyat mahu Suruhanjaya Di-Raja bolehlah test satu referendum, lihat, rakyat mahu atau tidak mahu.

Semua kaum mahukan satu Suruhanjaya Di-Raja untuk menyasat perkara BMF.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya skandal BMF sudah menjadi satu test case mengenai integriti, moraliti dan kejujuran politik dalam Malaysia. Ia bukan sahaja merupakan skandal yang terbesar Banking dan Finance, ia akan menguji sama ada rakyat Malaysia dan negara Malaysia akan membenarkan apa yang tidak jujur dan moral yang korupsi dalam arena politik dan awam bermaharajalela, atau kita mahu satu mutu yang lebih tinggi mengenai integrity, morality dan honesty politik. Dalam tahun 1979 bekas Perdana Menteri Tun Hussein Onn dalam isu Bank Rakyat yang melibatkan \$150 juta membuat satu isu mengenai skandal ini dan mempenjarakan Datuk Harun Idris yang masa itu aspirant untuk prime ministership. Rakyat Malaysia mengharapkan satu standard ada dibuat di masa hadapan di mana integrity dan incorruptibility politik semua pemimpin-pemimpin akan menjadi satu ukuran tetapi nampaknya standard itu sudah dimusnahkan oleh kes skandal BMF oleh kerana Kerajaan tidak sanggup untuk mengambil tindakan yang tegas dalam perkara ini sehingga laporan Jawatankuasa Ahmad Noordin pun tidak mahu dikeluarkan.

Kalau Kerajaan tidak rela untuk mengadakan satu tindakan yang tegas, saya rasa lebih baik Kerajaan membuang motto Bersih, Cekap dan Amanah oleh kerana itu akan menjadi satu joke dan bukan satu motto untuk rakyat oleh kerana perkara ini saya rasa kita sudah menghadapi masalah "ethos" rakyat, "ethos" pegawai Kerajaan yang serius.

Pada masa yang lampau apabila ada penyelewengan yang melibatkan wang \$100 ribu, itu kita semua anggap sebagai satu perkara yang serius tetapi sekarang nampaknya apabila berlaku penyelewengan atau korupsi berpuh

juta ringgit tidak dianggap sebagai serius apa lagi jika dibanding dengan skandal BMF \$2,500 juta, apa \$10 juta. Saya rasa ini adalah satu corrosive influence yang akan menjatuhkan standard public integrity pemimpin-pemimpin politik dalam Malaysia dan saya rasa Parlimen harus membuat satu tindakan untuk mempertahankan slide down the slippery slope of corruption, baik pun sah legal atau moral, oleh kerana kalau sebagai sebuah negara kalau kita sudah lazim mengenai hal-hal corruption, saya rasa kita akan menjadi satu negara yang akan "doom", tidak akan ada masa depan.

Dalam perkara ini untuk Suruhanjaya Siasatan Di-Raja BMF skandal yang sepatutnya ditubuhkan diketuai oleh seorang Hakim dengan kuasa yang penuh untuk siasat semua perkara-perkara oleh kerana bukan sahaja apa yang perlu disiasat mengenai BMF dan Bank Bumiputra . . . . .

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat, minta duduk sebentar. Oleh kerana Yang Berhormat sudah mula menyebut hujah-hujah berulang-ulang saya berpendapat sampailah masanya Yang Berhormat menggulung. Saya memberi lima minit dan sehingga pukul 4.45 petang saya akan memberhentikan Yang Berhormat daripada meneruskan ucapan. Terima kasih, sila teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Baik, terima kasih. Sebuah Suruhanjaya Siasatan Di-Raja harus ditubuhkan dengan kuasa yang penuh untuk siasat orang, perkara dan kuasa-kuasa yang ada terlibat dalam perkara BMF skandal untuk menyelamatkan Malaysia daripada korupsi dan penubuhan sebuah Suruhanjaya Siasatan Di-Raja pun boleh jadi sebagai satu notis nasional untuk pemimpin-pemimpin di masa yang akan datang bahawa

mereka harus lurus dan tidak pecah amanah dan akan meninggikan tone perkhidmatan awam baik pun di kalangan politik atau Kerajaan dan ini pun akan indicate perkembangan Allahyarham Jalil Ibrahim supaya beliau tidak dikorbankan tanpa tujuan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada sebut bahawa Suruhanjaya Siasatan Di-Raja bukan sahaja perlu siasat mengenai BMF dan Bank Bumiputra tetapi pun agensi-agensi regulatory yang lain termasuk Bank Negara, Registry of Companies, Kementerian Kewangan, Jabatan Perdana Menteri, Peguam Negara oleh kerana kesemua regulatory agensi yang lain ada menunaikan tanggungjawab atau kewangan mereka mungkin lah skandal BMF pun tidak akan berlaku dan tidak semacam begitu besar.

Sebab-sebab yang ada diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri bahawa Suruhanjaya Siasatan Di-Raja tidak sesuai oleh kerana tidak ada bidang kuasa di Hong Kong ataupun banking secrecy saya rasa kedua-dua sebab yang tidak boleh diterima oleh kerana kalau dibanding dengan Jawatankuasa Tan Sri Ahmad Noordin, Suruhanjaya Siasatan Di-Raja akan ada lebih kuasa untuk subpoena orang, kertas atau rekod. Dan akhirnya saya harap dalam perkara ini Dewan yang mulia ini dan Ahli-ahli Yang Berhormat boleh memandangkan perkara ini daripada segi kepentingan negara bahawa menyokong menubuhkan sebuah Suruhanjaya Di-Raja diketuai oleh seorang Hakim di mana Ketua Audit Negara Tan Sri Ahmad Noordin pun boleh jadi seorang anggota dan kerjakerja yang ada pun boleh diteruskan dalam Suruhanjaya Siasatan Di-Raja.

Apa tindakan yang kurang daripada penubuhan Suruhanjaya Di-Raja akan menunjukkan bahawa negara kita khususnya Parlimen ini tidak serius

untuk menghadapi masalah BMF. Dan inilah tidak akan memberi gambaran yang baik untuk masa depan negara yang mahu satu Kerajaan, satu masyarakat yang bersih, yang jujur, yang tidak corrupt dan beramanah untuk semua pegawai-pegawai dan pemimpin-pemimpin politik.

Akhirnya Kerajaan 2M mahu buat satu keputusan bahawa Kerajaan 2M mahu diingati dengan motto Kerajaan Bersih, Cekap dan Amanah atau mahu diingat dalam sejarah oleh BMF skandal.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat dari Kepong.

4.46 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka . . . . .

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat hendak mengambil masa berapa lama?

**Dr Tan Seng Giaw:** Kalau boleh 40 minit.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** 20 minit.

**Dr Tan Seng Giaw:** 20 minit? Saya akan mempercepatkannya.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat keperluan yang mendesak untuk suatu pembaharuan dalam prosedur kewangan Dewan Rakyat untuk memastikan satu pengawasan kewangan yang berkesan berkenaan dengan perbelanjaan awam sama ada oleh Budget atau Off-Budget Agencies.

Sebagai suatu langkah yang positif menuju pembaharuan ini, satu Suruhanjaya Siasatan Di-Raja terhadap skandal BMF perlu diadakan

dengan serta merta. Kemudian, laporan penuh oleh Suruhanjaya Siasatan Di-Raja yang tidak diubahsuai oleh Kerajaan terlebih dahulu mesti dikemukakan di Dewan Rakyat untuk suatu perbincangan yang mendalam. Dengan ini, suatu percubaan yang ikhlas akan dilaksanakan untuk menyediakan peluang yang mencukupi untuk membetulkan ketidakpuasan.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun-tahun 70an saya telah bermula dengan seruan supaya Kerajaan jangan menyalahururkan sumber-sumber asli kayaraya di negara kita. Akan tetapi, Kerajaan buat acuh tak acuh, sehingga hari ini saya pernah meramalkan bahawa jika Kerajaan tidak mengambil perhatian, negara ini akan mengalami keadaan yang cemas menjelang tahun-tahun 90an. Hakikatnya dengan penganugerahan matahari tropika dan pengurniaan sumber-sumber asli termasuk curahan ringgit pertol telah menjadikan kepala Kerajaan bongkok sehingga melupakan keadaan ekonomi Malaysia pada masa jangka panjang.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat membahaskan usul di hadapan kita ini?

**Dr Tan Seng Giaw:** Perkara ini ada berkaitan dengan apa yang akan saya bangkitkan.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Sila teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Pelbagai agensi telah ditubuhkan kononnya untuk memenuhi kehendak Dasar Ekonomi Baru terutamanya Off-Budget Agencies (OBA) seperti PETRONAS, PERNAS, Permodalan Nasional Berhad dan sebagainya tanpa mengira pertanggungjawapan awam yang cukup. Kini akibat penyalahgunaan sumber-sumber yang

serius ini, gejala-gejala buruk telah menjadi ketara hampir satu dekad lebih awal daripada telahan yang telah dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, sikap Kerajaan dalam skandal BMF adalah amat mengecewakan. Sebagaimana yang lazim dilaksanakan, Kerajaan telah sejak permulaan cuba dengan sedaya-upaya untuk melarang skandal tersebut diketahui oleh orang ramai dengan menyumbatkan akhbar-akhbar tempatan. Tetapi Kerajaan juga gagal. Sekarang laporan oleh Jawatankuasa Siasatan tidak dibentang di Dewan yang mulia ini dan ini adalah satu langkah yang tidak wajar.

Kerajaan harus sedar bahawa keperluan untuk mendedahkan kebenaran adalah mendesak. Sejak dari permulaannya lagi, Kerajaan telah memilih untuk diam membisu dan pasif mengenai isu tersebut seberapa yang boleh. Ini telah menyebabkan orang ramai memandang pengambilan sikap tersebut oleh Kerajaan sebagai mempunyai dua makna. Pertama, tanggapan bahawa Kerajaan sedang cuba menyorakkan setengah-setengah hakikat daripada orang ramai yang boleh menjejaskan kepentingan politiknya; dan kedua, tanggapan bahawa Kerajaan sedang cuba menyelimuti kejadian itu untuk melindungi orang-orang kenamaan yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Kerajaan Barisan Nasional memegang sikap bahawa orang ramai yang perlu menyenangkan Kerajaan dan bukan Kerajaan yang perlu menyenangkan orang ramai.

Berkaitan dengan skandal BMF, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bertindak seolah-olah ia sedang mengetuai suatu mesyuarat Kabinet di depan 14.5 juta rakyat

Malaysia. Beliau bersama-sama dengan rakan-rakannya telah memperolehi kemahiran dalam membincangkan skandal BMF demi kepentingannya. Kerajaan telah berulang kali melaung-laungkan bahawa ia akan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap pesalah-pesalah tetapi sehingga hari ini, Kerajaan telah gagal menunjukkan usaha yang mencukupi.

Ciri utama skandal BMF adalah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan rakan-rakannya telah mengambil masa yang begitu lama iaitu lebih daripada 2 tahun untuk memberikan keterangan yang amat sedikit, setakat ini cuma melepaskan batuk di tangga sahaja. Beribu-ribu perkataan telah disebut mengenai maruah (morality) di bidang kewangan awam dan hukuman ke atas mereka yang terlibat dalam skandal itu, akan tetapi tidak ada apa-apa tindakan yang berkesan yang telah diambil. Pada hakikatnya berkenaan dengan pertanggungjawapan awam dan maruah kewangan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta rakan-rakannya nampaknya tidak perlu ragu-ragu mengambil tindakan terhadap mereka yang bersuara lantang mengenai pertanggungjawapan awam dan ketertiban.

Selama ini adalah dalam disiplin kewangan dan pertanggungjawapan awam, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri gagal dalam tugasnya. Beliau telah gagal memberi amaran kepada rakyat mengenai apa yang terletak di masa depan sejak beliau menjadi Perdana Menteri pada Julai, 1981. Sebaliknya, beliau telah memperkenalkan pelbagai slogan dan dasar dan pada tahun yang lepas apa yang dialami oleh rakyat Malaysia adalah satu siri kekejutan termasuk krisis Perlembagaan, kekurangan-kekurangan dalam imbalan pembayaran dan ketidakstabilan nilai ringgit, skandal BMF dan sebagainya.

Apabila skandal BMF yang raksasa, yang menggemparkan itu dibongkar, suatu kekeliruan tanggungjawab Menteri telah berlaku dan ini pun telah disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menegaskan bahawa BBMB adalah di bawah tanggungjawab Menteri Kewangan sementara Menteri Kewangan mendakwa bahawa ia merupakan tanggungjawab Perdana Menteri dan bukan Kementeriannya. Pertengkaran mengenai Menteri yang mana bertanggungjawab terhadap Bank Bumiputra adalah penting. Selama ini apakah Kementerian yang bertanggungjawab mengenai Bank Bumiputra secara langsung? Mengapakah pertengkaran ini hanya timbul apabila skandal BMF berlaku? Ia menunjukkan percubaan untuk mengelakkan tanggungjawab di samping mendedahkan keadaan pertanggungjawapan awam Kerajaan yang amat menyedihkan. Hakikatnya sejurus selepas pembongkaran skandal BMF, semua orang yang terlibat telah cuba melarikan diri, yang tinggi ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sanggup menanggung beban—itu satu hakikat.

Bekas Pengerusi BBMB, Tan Sri Kamarul Ariffin dan Pengerusi Eksekutif masa sekarang, Dr Nawawi Mat Awim pula tidak sahaja menafi dengan mentah-mentah bahawa mereka mempunyai peranan yang utama dalam skandal BMF, kedua-dua telah menyangkalkan pengetahuan mengenai urusan pinjaman BMF dengan bulat-bulatnya. Adakah kedua-dua Tan Sri Kamarul Ariffin dan Dr Nawawi bermakna bahawa kedudukan mereka sebagai Pengerusi adalah tidak bermakna, dengan izin, superfluous?

Soal utama ialah, siapakah yang telah meluluskan pinjaman yang berjumlah berbillion-billion ringgit itu? Jumlah wang yang begitu besar itu

tidak mungkin diluluskan oleh pegawai-pegawai biasa. Adalah amat menggemparkan bahawa berbillion-billion ringgit telah hilang dan orang ramai masih tidak diberitahu siapa yang telah meluluskan pinjaman-pinjaman tersebut. Adalah jelas terdapat pelanggaran prinsip dan undang-undang bank dalam skandal BMF. Walau bagaimanapun, skandal pinjaman BMF bukan selurus soal sama ada Akta Bank atau Akta Syarikat dipatuhi. Saya percaya bahawa skandal BMF itu adalah amat politikal, mungkin melibatkan beberapa tokoh politik.

Jawatankuasa terhadap BMF harus diubah dan distrukturkan semula seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka, kerana hanya suatu Suruhanjaya Siasatan Di-Raja yang diberikan lingkungan kuasa yang diperlukan adalah berupaya menanggung semua urusan penyiasatan untuk membongkarkan rahsia skandal BMF. Ketua Audit Negara, Tan Sri Ahmad Noordin yang mengetuai Jawatankuasa Siasatan telah menekankan bahawa suatu Suruhanjaya Siasatan Di-Raja akan dapat menyempurnakan tugasnya dengan lebih berkesan.

Sejak permulaan DAP telah berulang kali menekankan keperluan mendesak untuk menubuhkan satu Suruhanjaya Siasatan Di-Raja kerana kelemahan-kelemahan Jawatankuasa Siasatan yang sedia ada ini, yang hanya akan menghalang kecekapan dan keberkesannya.

Saya berharap di sini tidak ada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang budiman dan beriman akan mengecam Ketua Audit Negara, Tan Sri Ahmad Noordin kerana bercakap dengan hati yang jujur dan ikhlas.

Sekarang kelemahan keberkesanan Jawatankuasa Siasatan terhadap skandal BMF telah dapat dilihat daripada hasil yang diperolehi

sebagaimana yang dinyatakan oleh Tan Sri Ahmad Noordin yang mengetuai Jawatankuasa tersebut. Kerajaan harus meneruskan kepada menstrukturkan semula Jawatankuasa Siasatan tersebut untuk memastikan bahawa tiada seorang pun yang telah melakukan jenayah yang jijik ini terhadap negara kita dapat melepaskan diri daripada undang-undang negara ini.

Jika Kerajaan berterus berkeras bahawa suatu Suruhanjaya Siasatan Di-Raja adalah tidak perlu, ia akan membantu menyakinkan orang ramai bahawa Kerajaan telah mengetahui pesalah-pesalah yang berkenaan dan sedang cuba melindungi, sama ada secara sukarela atau tidak sukarela, identiti mereka yang terlibat untuk melindungi imejnya.

Setiap kali suatu kejadian yang serius berlaku Kerajaan pasti melaksanakan 3 perkara:

- (i) menjamin kepada orang ramai bahawa siasatan akan dilaksanakan;
- (ii) hasil siasatan akan diumumkan; dan
- (iii) tindakan akan diambil terhadap mereka yang didapati bertanggungjawab.

Dari kes nahas kapalterbang Airbus dan dari kes soalan STPM dibongkarkan dan dalam kes skandal BMF, kita nampak janji-janjinya yang telah dibuat oleh Kerajaan tidak dikota.

Pada bulan Jun, 1983 Dr Nawawi telah menegaskan bahawa kekukuhan dan kestabilan Bank Bumiputra adalah tidak dapat dipersoalkan dan bahawa tidak terdapat, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, room for drawing unfounded inferences or conclusions.

Pada hakikatnya, Kerajaan terpaksa menyelamatkan Bank Bumiputra dengan rancangan keselamatan oleh

PETRONAS yang berharga sebanyak hampir \$2.5 billion. Yang paling mengkagumkan ialah . . . . .

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat, saya ingin mengingatkan Yang Berhormat ada 5 minit lagi untuk menggulung hujah-hujah.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, pada 25hb September tahun ini Pemangku Menteri Kewangan menyatakan bahawa tiada keperluan untuk menjadi ghairah, terutamanya apabila wang yang berjumlah lebih daripada \$2 billion itu telah hilang. Ini adalah amat menggemparkan. Kita pasti perlu menjadi ghairah terhadap kekurangan disiplin kewangan raksasa sebagaimana yang ditunjukkan oleh skandal BMF. Kita perlu suatu pembetulan ketidakpuasan. Tambahan, kita perlu memastikan bahawa mereka yang melakukan kesalahan itu mesti dihukum.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari esok Yang Berhormat Menteri Kewangan akan mengemukakan Belanjawan 1985. Sebagai sebahagian daripada prosedur kewangan Dewan Rakyat, perbincangan atas Belanjawan akan bermula pada 22hb Oktober. Ini merupakan suatu pembetulan ketidakpuasan (redress of grievances), ataupun sekurang-kurangnya suatu perwakilan ketidakpuasan yang awam secara penuh yang perlu mendahului apa-apa peruntukan wang awam. Di sini saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan kerana sanggup membenarkan usul skandal BMF ini diperbincangkan. Ini satu langkah ke arah yang betul. Walau bagaimanapun, banyak "Off Budget Agencies" sekarang ini tidak terdapat apa-apa pengawasan oleh Parlimen.

Adalah diketahui, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Hanafiah, Roslan dan Mohamad adalah juru audit untuk Bank Bumiputra dan juga UMNO. Terdapat dakwaan bahawa Syarikat

Hanafiah ini meminjam jumlah wang yang besar dari BBMB kira-kira 7 hingga 8 tahun yang lepas untuk penanaman koko di Sabah, tetapi projek tersebut telah gagal. Telah didakwakan juga bahawa pada akhir tahun 1983 atau permulaan tahun ini, setelah skandal BMF didedahkan, BBMB telah meluluskan pinjaman kepada Syarikat Hanafiah ini untuk tujuan mendirikan suatu bangunan sendiri di Kuala Lumpur. Kerajaan harus menyasiat kebenaran dakwaan-dakwaan yang serius ini. Soalan yang utama ialah, adakah etikal bagi sebuah bank meminjam jumlah wang yang amat besar kepada juru auditnya? Adakah terdapat persefahaman bersama berkaitan dengan kelawasan dalam pengawasan akaun ini?

Tuan Yang di-Pertua, adalah perlu di masa ini untuk mempertahankan kuasa Dewan Rakyat yang kian menyusut. Sebagaimana yang telah saya sebutkan, Dewan Rakyat tidak mempunyai pengawasan secara langsung ke atas OBA dan termasuk BBMB dengan subsidiarinya BMF. Peristiwa-peristiwa telah membuktikan bahawa operasi BMF telah menjadi amat "scandalous" dengan negara kita terpaksa membayar harga yang besar, tetapi semua ini telah berlaku tanpa pengetahuan atau persetujuan terlebih dahulu oleh Dewan Rakyat.

Adalah difahamkan sekarang bahawa banyak hal ehwal negara kita telah dilaksanakan dengan wang pinjaman. 75% atau \$4,037 juta daripada jumlah pinjaman bersih daripada luar negeri pada tahun lepas adalah daripada "market loans" dengan kadar bunga yang tinggi. Dengan berlakunya skandal seperti BMF, berapa banyak lagi yang kita perlu meminjam untuk memastikan bahawa institusi kewangan kita tidak akan tenggelam. Selain daripada itu, berbillion-billion ringgit telah diperolehi daripada minyak petrol kita

dan sekarang terpaksa ditingkatkan keluarannya untuk menanggung perbelanjaan.

Tuan Yang di-Pertua, kuasa Perbendaharaan sepatutnya merupakan sumber kuasa utama Dewan Rakyat . . . . .

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat, minta duduk sebentar. Yang Berhormat bangun tadi menyokong satu usul yang dibawa oleh Ketua Parti Yang Berhormat sendiri yang secara khusus meminta supaya ditubuhkan suatu Suruhanjaya Siasatan Di-Raja bagi menyasiat hal ehwal ataupun perkara-perkara yang bersabit dengan apa yang diperkatakan sebagai skandal BMF. Saya telah memberi Yang Berhormat masa 20 minit dan Yang Berhormat tak banyak berucap tentang menyentuh perkara khusus sebagaimana terdapat dalam usul ini. Jadi, saya fikir memadai kalau Yang Berhormat mengambil masa 4 minit lagi untuk menggolong ucapan Yang Berhormat. Terima kasih, sila teruskan!

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sebutkan tadi ada kena-mengena dengan skandal BMF kerja prosedur kewangan yang wajar, yang patut diadakan di Dewan Rakyat ini supaya kita dapat mengawasi segala perbelanjaan wang rakyat.

Adalah jelas bahawa suatu pembaharuan dalam prosedur kewangan Dewan Rakyat adalah perlu untuk mencegah skandal-skandal seperti BMF. Adalah tidak dapat dinafikan mengenai kewujudan perjuangan di antara legislative (perundangan) dan eksekutif. Pada masa ini, eksekutif sedang melakukan apa yang digemari dengan Perbendaharaan Negara yang menghasilkan kekurangan disiplin kewangan yang raksasa sebagaimana

yang terbukti dengan skandal BMF. Suatu urusan utama Dewan Rakyat adalah melarang eksekutif daripada memperoleh wang kecuali melalui Parlimen, serta menahannya daripada membelanjakan wang, kecuali untuk maksud-maksud yang diperuntukkan oleh Parlimen.

Suatu pembaharuan dalam prosedur kewangan harus dirancang untuk bertindak sebagai kawalan ke atas eksekutif dalam perbelanjaan wang awam, sama ada melalui "Budget Agencies" atau "Off Budget Agencies". Suatu kawalan terhadap kuasa eksekutif termasuk Menteri-menteri yang bertanggungjawab kepada Parlimen perlu diperbaiki dengan sungguh-sungguh. Jadi, terdapat keperluan untuk suatu kesedaran fungsi yang baru dalam prosedur kewangan Dewan Rakyat yang akan membentuk suatu pengawasan yang berkesan terhadap kewangan negara. Ini perlu dilaksanakan bersama-sama dengan suatu asas perlembagaan yang wajar, iaitu pembaikan, pembetulan, ketidakpuasan harus mendahului penawaran wang. Dalam kes "Off Budget Agencies", BBMB dan BMF kita perlu peluang yang mencukupi untuk memperbetulkan perasaan tidak puas hati.

Perbincangan yang bermakna dalam Dewan dan usul yang mempunyai graviti yang cukup bagi membayang pendapat Dewan Rakyat untuk memastikan pertanggungjawapan awam adalah perlu. Jadi, suatu Suruhanjaya Siasatan Di-Raja ke atas skandal BMF bersama-sama dengan pengemukaan laporan penuhnya di Dewan Rakyat adalah amat penting dalam kesedaran fungsi baru untuk mengawasi disiplin kewangan di negara ini. Sekian, terima kasih.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Ulu Muda.

5.09 ptg.

**Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda):** Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan usul yang telah dibawa oleh Ketua Pembangkang pada hari ini setelah meneliti hujah-hujah yang telah dibawa oleh dua anggotanya, saya dapati tidak banyak perkara-perkara yang membolehkan ataupun boleh kita pegang sebagai asas yang kukuh untuk kita menubuhkan suatu Suruhanjaya Di-Raja bagi mengkaji perkara-perkara yang telah berlaku terhadap BMF.

Saya hairan pada hari ini pihak DAP telah pun mengatakan bahawa Kerajaan cuba menyembunyikan sesuatu kepada rakyat tetapi apakah yang mereka bincangkan pada hari ini. Bukankah untuk didengari rakyat? Besok mereka akan mendapat suatu hebahan yang luas daripada akhbar-akhbar dan juga bebas. Bukankah ini suatu perkara yang ditunjukkan oleh Kerajaan bahawa Kerajaan memangnya tidak berhajat untuk menyembunyikan sesuatu kepada rakyat. Ini ialah tugas, tugas Kerajaan untuk menjalankan kuasa-kuasanya yang diberi oleh rakyat kepadanya. Saya rasa ini adalah suatu isu yang digemari ataupun disukai oleh sebahagian besar daripada rakyat. Semua orang mungkin mengakui bahawa mereka bertanggungjawab kepada rakyat. DAP juga menganggap bahawa mereka bertanggungjawab kepada rakyat dan kami Ahli-ahli Barisan Nasional juga menganggap bahawa kami mempunyai tanggungjawab kepada rakyat tetapi tanggungjawab kami adalah berbeza.

Kita menghendakkan Bank Bumiputra itu kukuh, hidup hayatnya lebih panjang tetapi DAP di dalam usaha ini adalah cuba untuk mematikan ataupun memusnahkan langsung Bank Bumiputra itu dengan saranan untuk menubuhkan Suruhanjaya Di-Raja ini. Saya akan jelaskan sebab-sebabnya. Jadi, dalam

perkara-perkara yang disebutkan oleh Ketua Pembangkang menunjukkan bahawa bekas Yang Berhormat Menteri Kewangan cuba untuk menyembunyikan orang-orang tertentu dan Ahli Yang Berhormat dari Kepong mengatakan bahawa mungkin terlibat beberapa ahli politik Kerajaan. Saya hendak mencabar Pembangkang. Jika sekiranya mereka mempunyai bukti-bukti yang jelas, fakta-fakta yang jelas, sila kemukakan kepada Kerajaan supaya Kerajaan boleh mengambil tindakan kepada sesiapa sahaja yang telah melakukan kesalahan ini. Ini telah ditegaskan beberapa kali oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa ini adalah urusan Kerajaan. Kerajaan tidak akan menutup dan melindungi sesiapa pun di dalam perkara ini. Jika sekiranya mereka didapati bersalah menjalankan kerja-kerja yang boleh melibatkan hak dan tuntutan rakyat.

Saya secara peribadi, saya tidak bersetuju juga dengan perkara-perkara yang telah berlaku tetapi untuk menubuhkan satu Suruhanjaya Di-Raja yang baru bagi menggantikan jawatankuasa yang telah sedia ada bahawa saya tidak bersetuju. Saya akan jelaskan mengapa saya tidak bersetuju juga dengan kejadian-kejadian yang berlaku di dalam BMF dan Bank Bumiputra kebelakangan ini di kemudian nanti.

Kalau mengikut pandangan pihak DAP bahawa Suruhanjaya Di-Raja mengikut Akta Suruhanjaya Siasatan, 1950 adalah diperlukan kerana pada pandangannya, pandangan DAP bahawa jawatankuasa yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan tidak mempunyai kuasa yang kuat. Saya hendak menegaskan bahawa Suruhanjaya Di-Raja yang akan ditubuhkan kalau mungkin, kalau mendapat sokongan majoriti di dalam Dewan yang mulia ini bahawa ianya

juga tidak akan berfungsi sepertimana yang dikehendaki. Ia hanya penilai ataupun laku, boleh dipergunakan di dalam negeri ini sahaja, di Malaysia ini sahaja. Suruhanjaya Di-Raja itu tidak akan memberi kesan ataupun tidak boleh mengambil tindakan kepada orang-orang yang melakukan kesalahan itu di Hongkong di mana Syarikat BMF ini ditubuhkan. Suatu kecacatan boleh berlaku.

Saya rasa sebagai seorang peguam, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka boleh lebih mengetahui mengenai fakta ini tetapi ia sengaja untuk menimbulkan perkara ini bagi ianya mendapatkan publisiti yang lebih meluas pada masa ini.

Usul yang dibawa oleh DAP yang mempunyai tiga asas utama katanya iaitu atas kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri-menteri Kabinet mengenai perkara BMF ini. Yang keduanya adalah mengenai pandangan yang telah dikemukakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Siasatan BMF iaitu Tan Sri Ahmad Noordin dan yang ketiganya bagi mendedahkan pesalah-pesalah BMF ke mahkamah.

Ini memanglah benar bahawa kenyataan-kenyataan yang telah diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri-menteri Kabinet seperti yang telah kita lihat di dalam akhbar-akhbar tempatan, sepertimana di dalam akhbar *The New Straits Times* bahawa Yang Amat Berhormat telah pun menegaskan bahawa ia tidak akan melindungi ataupun dengan izin, to protect any body. Ini dengan tegas bahawa Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr Mahathir menyuarakan pandangannya untuk ditatapi umum.

Perkara yang kedua, iaitu satu ulasan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana

Menteri. Masa itu dia memangku jawatan Perdana Menteri lagi menegaskan bahawa Kerajaan tetap akan mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka yang bersalah.

Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam akhbar *The Star*, dengan izin, "Action to be taken against the culprits". Ini menunjukkan ketegasan pihak Kerajaan lagi. Begitulah juga dengan kenyataan-kenyataan yang lain. Saya rasa sudah cukup bagi pihak Kerajaan mengemukakan pandangan-pandangannya yang begitu ikhlas dan jujur untuk tidak menutup, untuk tidak melindungi mereka yang melakukan kesalahan ataupun mereka yang terlibat dengan isu pemindahan wang. BMF kepada Syarikat Carrian itu.

Begitulah juga saya rasa Kerajaan baru sahaja menerima laporan daripada jawatankuasa ini, laporan permulaan ataupun interim report yang diserahkan kepada pihak Kerajaan untuk dikaji dan kemudiannya diambil tindakan. Ini baru dua bulan dalam bulan Ogos sehingga bulan Oktober, dua bulan. Kalau kita lihat di dalam Dewan ini pun biasanya pihak Pembangkang akan meminta Kerajaan untuk memberi dahulu Rang Undang-undang yang akan dipinda dibawa supaya mereka itu diberi masa yang lebih untuk study, untuk membuat kajian. Ini dalam masa dua bulan Kerajaan menerima interim report itu mereka telah mengatakan telah terlalu lama, mungkin sangkaan mereka telah dua tahun bahawa Kerajaan telah menerima interim report itu daripada jawatankuasa yang telah pun mengkaji, yang telah pun membuat kajian ke atas perkara-perkara yang berlaku dalam BMF itu.

Perkara yang kedua, pihak DAP telah mengambil pandangan daripada Pengerusi Jawatankuasa Penyasiat

BMF untuk Kerajaan menubuhkan suatu Jawatankuasa Di-Raja bagi mengkaji perkara-perkara yang telah berlaku di dalam BMF itu. Ini adalah satu pandangan sebagai ahli Masyarakat yang boleh sentiasa memberi pandangan dan Kerajaan tidak perlu mengikut telunjuk pandangan-pandangan yang diberikan itu. Ini ada satu pandangan yang telah diberikan oleh Peguam Negara sepertimana yang telah saya jelaskan tadi bahawa Suruhanjaya tidak punya kuasa untuk mendakwa sesiapa pun. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya bacakan:

"Suruhanjaya tidak mempunyai kuasa untuk mendakwa sesiapa pun. Ia juga tidak boleh menjatuhkan hukuman seperti mahkamah biar pun mereka ini disoal siasat, mengangkat sumpah macam di mahkamah."

Jadi, apa perlunya Suruhanjaya ini ditubuhkan jika sekiranya hanya akan menambahkan lagi beban Kerajaan dalam soal kewangan dan masa yang akan diambil oleh mereka itu di dalam usaha penyasiatan mereka.

Saya hendak menyebutkan tentang pandangan Yang Berhormat Tan Sri Ahmad Noordin ini sekali lagi. Pada pandangan saya cadangan Tan Sri Ahmad Noordin ini adalah berasaskan kepada dua faktor dan mengikut temuduga yang telah pun dibuat oleh BERNAMA sebagaimana yang telah dikeluarkan oleh akhbar *The Star* iaitu pada pandangan Tan Sri Ahmad Noordin mengatakan bahawa Suruhanjaya Di-Raja itu perlu bagi mengkaji kerana kuasanya lebih. Saya jelaskan tadi bahawa kuasanya itu tidaklah banyak berbeza dengan kuasa yang telah diberikan kepada Jawatankuasa yang ada sekarang. Keduanya, adalah hanya untuk melindungi Jawatankuasa itu dari sebarang tindakan yang mungkin diambil oleh orang-orang yang tertentu yang mungkin dikatakan

terlibat hasil daripada kajian yang telah diserahkan kepada Kerajaan setelah dikemukakan kepada orang ramai. Inilah dua faktor yang menyebabkan Tan Sri Ahmad Noordin telah pun mengemukakan pandangannya.

Alasan ini pada pandangan saya tidaklah begitu kuat untuk dijadikan alasan mengapa Kerajaan mesti memegang, menerima pandangan ini untuk kita tubuhkan suatu Suruhanjaya Di-Raja. Saya telah katakan bahawa Suruhanjaya ini tadi tidaklah mempunyai kuasa di luar daripada negeri ini terutamanya di Hongkong di mana kejadian itu telah berlaku. Suruhanjaya ini juga tidak punya kuasa untuk mendakwa sesiapa pun sepertimana yang telah saya bacakan iaitu satu pandangan yang diberikan oleh Peguam Negara.

Di samping itu, Tan Sri Ahmad Noordin mestilah ingat bahawa ia telah dilantik oleh pihak Bank Bumiputra Malaysia Berhad atas dasar individunya bukan atas kedudukannya sebagai Ketua Audit Negara dan kenyataan-kenyataannya ini tidaklah seharusnya bertentangan dengan pandangan ataupun pendapat yang telah diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri semasa memberi suatu "Press Conference", dengan izin, bagi menubuhkan Jawatankuasa ini. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya baca petikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam masa "Press Conference" itu:

"BMF adalah sebuah syarikat yang didaftarkan di Hong Kong dan tertakluk kepada undang-undang Hong Kong. Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 tidak boleh dipakai di Hong Kong. Oleh itu kuasa-kuasa yang diberi kepada Suruhanjaya yang dilantik di bawah Akta Suruhanjaya Siasatan itu tidaklah berkenaan sama sekali dan tidak boleh dipakai di Hong Kong."

Dengan itu sudah jelas, Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat habiskan dalam masa 9 minit.

**Tuan Othman bin Abdul:** Insya Allah saya akan cuba.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Terima kasih.

**Tuan Othman bin Abdul:** Sebab Pembangkang telah mengambil masa sampai hampir dua jam bagi dua orang, saya pun hendak mengambil masa sedikit saya dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Jadi dengan itu pada pandangan saya Tan Sri Ahmad Noordin tidak sepatutnyalah membuat sebarang kenyataan yang bertentangan dengan kenyataan yang telah dibuat terdahulu oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa menubuhkan jawatankuasa Siasatan yang dia sendiri menjadi pengerusinya.

Dalam perkara yang kedua iaitu Tan Sri Ahmad Noordin bercadang atau mempunyai pandangan bahawa dengan penubuhan Suruhanjaya Di-Raja ini bahawa ia terlindung daripada sebarang tindakan undang-undang yang mungkin diambil kemudian oleh orang-orang yang mungkin terlibat, saya sebutkan kemungkinan-kemungkinan ini. Di dalam perkara Tan Sri Ahmad Noordin mestilah sedar bahawa ia boleh dilindungi, ia dilantik oleh Bank Bumiputra Malaysia Berhad, ia dilindungi sepenuhnya oleh Bank Bumiputra sebagai institusi kewangan yang kuat. Jika sekiranya keraguannya timbul lagi maka saya rasa Kerajaan sudah pastilah tidak teragak-agak akan melindungi Jawatankuasa ini kerana ianya ditubuhkan atas pandangan ataupun saranan daripada pihak Kerajaan. Jika perlindungan seperti

ini pada pandangannya tidak cukup, saya tidak tahulah bentuk perlindungan sepertimana lagi yang diperlukan oleh suatu Jawatankuasa ditubuhkan, dengan pandangan daripada pihak Kerajaan yang ditubuhkan oleh Bank Bumiputra itu.

Dalam temuduga itu juga, Tan Sri Ahmad Noordin telah pun mengemukakan bahawa Jawatankuasa yang diwakilinya tidak mempunyai bidang kuasa yang luas tetapi apabila kita dapati kita membaca bidang tugas "Terms of Reference" yang telah dibacakan oleh Ketua Pembangkang tadi, saya tidak nampak bagaimanakah pengakuan bahawa bidang tugas itu tidak luas, segalanya telah meliputi masalah teknikalnya, masalah jenayahnya telah pun termasuk di dalam 8 perkara yang telah diberikan sebagai bidang tugas kepada Jawatankuasa ini untuk menelitinya.

Jadi di dalam "Terms of Reference" ini, dengan izin, tidak menyebutkan mengenai pendakwaan mana-mana orang yang didapati terlibat dalam tugas kesalahan mereka. Jadi tugas Jawatankuasa ini adalah untuk membuat kajian "internal" dengan izin, Bank Bumiputra Malaysia Berhad dan juga BMF dan hasil daripada kajian itu diserahkan kepada Kerajaan untuk meneliti dan diambil tindakan oleh pihak Kerajaan. Ini ditegaskan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir bahawa sebarang tindakan yang akan diambil kemudian kelak sama ada tindakan sivil atau jenayah adalah bergantung kepada keputusan-keputusan ataupun perakuan-perakuan yang dibuat oleh Jawatankuasa ini.

Di dalam perkara yang disebutkan iaitu pihak PETRONAS telah membeli Bank Bumiputra Malaysia Berhad ini dengan \$2.5 billion, mengikut pandangan pihak DAP inilah suatu perkara yang tidak patut

berlaku. Saya hendak jelaskan jika sekiranya saya nampak Ketua Pembangkang sedang lemas di dalam sungai, walaupun dia daripada Pembangkang saya tidak berhasrat untuk menekannya hingga mati dan saya dengan apa cara sekali pun mungkin akan berusaha untuk menyelamatkan dia daripada mati lemas. Begitulah juga dengan keadaan PETRONAS menyelamatkan Bank Bumiputra Malaysia Berhad, itu suatu perkara yang boleh dilakukannya, saya rasa negara kita ini. Dengan itu saya rasa Jawatankuasa Suruhanjaya Di-Raja bagi mengkaji BMF ini adalah tidak perlu ditubuhkan.

Di dalam ucapan awal saya tadi, saya menegaskan bahawa saya juga tidak bersetuju dengan perkara-perkara yang berlaku di dalam perkara BMF itu, bahawa perkara-perkara itu mungkin akan melibatkan perbelanjaan wang dan telah melibatkan perbelanjaan wang yang begitu banyak. Dengan itu rombakan-rombakan yang dibuat sekarang ini adalah bersesuaian untuk membentuk untuk menggerakkan kembali Bank Bumiputra Malaysia Berhad supaya ianya mendapat kepercayaan daripada rakyat. Dengan pembentukan Suruhanjaya Di-Raja ini juga ianya akan diberi kuasa meneliti, memanggil, memeriksa semua dokumen-dokumen di dalam Bank Bumiputra Malaysia Berhad. Ini telah bertentangan dengan Akta Bank, Perkara 36 iaitu bagi melindungi perkara-perkara sulit yang terdapat di dalam Bank Bumiputra itu sendiri. Inilah yang saya katakan bahawa DAP memang berhajat untuk menjahanamkan ataupun mahu merosakkan Bank Bumiputra itu. Jika sekiranya semua perkara-perkara yang sulit atau "confidential", dengan izin, telah diketahui umum maka kepercayaan rakyat terhadap Bank Bumiputra ini akan hilang dan lama kelamaan orang-orang tidak akan menyimpan dalam Bank Bumiputra

ini maka Bank Bumiputra akan bankrap. Maka yang seronok ialah DAP, bukan rakyat; bukan rakyat yang seronok, DAP yang seronok.

Jadi pada pandangan saya dalam perkara ini Suruhanjaya Di-Raja itu adalah tidak perlu ditubuhkan kerana ianya akan menambahkan lagi beban Kerajaan dalam pemberian kewangan dan masa yang akan diambil.

Setakat ini saya tegaskan juga sekali lagi bahawa saya juga tidak bersetuju dengan perkara-perkara yang berlaku itu dan saya rasa pihak Kerajaan telah pun merangka dan menggariskan beberapa peraturan bagi menghadkan jumlah pinjaman-pinjaman bagi bank-bank di negara ini. Ini suatu perkembangan yang baharu yang saya rasa yang boleh menyekat daripada berlakunya perkara itu lagi. Jadi saya rasa bukan satu bentuk penafian yang dikatakan oleh pihak DAP tadi bahawa Kerajaan tidak mengambil langkah untuk menyekat daripada perkara ini berlaku. Perkara ini telah pun berlaku dan perkara yang seharusnya dilakukan ialah bagaimanakah hendak menghidupkan kembali dan langkah yang seterusnya Kerajaan telah memutuskan bahawa kadar-kadar tertentu ini mestilah dilaksanakan dengan segera supaya ianya tidak membolehkan segala bank-bank perdagangan untuk mengeluarkan pinjaman berlebihan daripada yang diperuntukkan. Kalau tidak silap saya sekarang ini pinjaman individu hanya dihadkan kepada 30% daripada modal bayaran bagi sesebuah bank dan jumlah pinjaman yang boleh diberikan mesti tidak melebihi 50% daripada jumlah "credit available" dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, iaitu jumlah yang dibenarkan kepada satu-satu bank itu untuk memberi pinjaman-pinjaman. Ini sudah semestinyalah perkara-perkara ini akan menyekat daripada berlakunya lagi peristiwa yang semua rakyat tidak menyetujuinya, tetapi tidaklah perlu

kita menggunakan perkara ini untuk kepentingan politik bagi sesuatu kumpulan semata-mata.

Saya sekali lagi hendak mencabar pihak DAP sekiranya mereka mempunyai bukti-bukti yang cukup dan lengkap mengenai individu-individu yang terlibat dengan penyelewengan ataupun seperti yang dikatakan skandal BMF ini silalah kemukakan kepada pihak Kerajaan supaya pihak Kerajaan dapat mengambil tindakan kepada mereka itu dan boleh jadi ahli-ahli DAP yang mengetahui akan dipanggil untuk menjadi sebagai "key witness", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Dengan itu saya menentang penubuhan Suruhanjaya Di-Raja bagi mengkaji perkara BMF ini. Sekian, terima kasih.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Yang Berhormat dari Penampang.

5.30 ptg.

**Datuk Clarence E. Mansul (Penampang):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut bersama membahaskan usul yang telah dikemukakan oleh Ketua Pembangkang sebentar tadi berkenaan dengan isu BMF di Hong Kong.

Saya tegaskan di sini bahawa saya sama sekali tidak menyokong usul yang dibawa oleh Ketua Pembangkang itu. Walau bagaimanapun kejadian yang terjadi di Hong Kong mengenai BMF ini, saya sama sekali tidak bersetuju dan bagi pendapat saya tindakan yang sedang diambil oleh Kerajaan adalah menasabah dan mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, saya khawatir usul penubuhan Suruhanjaya Siasatan Di-Raja atas BMF di Hong Kong adalah satu muslihat parti DAP. Dengan selalu mengungkit-ungkitkan soal dan masalah BMF, DAP boleh melenyapkan kepercayaan rakyat terhadap Bank Bumiputra iaitu satu

bank yang menjadi kebanggaan rakyat Malaysia. Kerana kehilangan kepercayaan rakyat satu-satu bank itu boleh kehilangan perniagaan dan kerugian. Mungkin ini adalah satu yang dikehendaki oleh DAP.

DAP seperti yang kita lihat sedang memeralatkan perakuan tidak rasmi yang dibuat oleh Ketua Odit Negara yang juga menjadi Pengerusi Jawatankuasa Siasatan BMF tentang penubuhan Suruhanjaya Siasatan Di-Raja. Ini boleh ditafsirkan sebagai satu helah politik DAP untuk menanggung di air keruh. Tujuannya ialah supaya rakyat hilang kepercayaan terhadap Kerajaan BN.

Jawatankuasa Penyiasatan BMF telah ditubuhkan oleh Bank Bumiputra Berhad dengan berkat Kerajaan.

Oleh yang demikian, Pengerusi Penyiasatan BMF tidak wajar mengeluarkan pendapat-pendapatnya kepada akhbar-akhbar sebelum pendapatnya itu dikemukakan kepada pihak yang melantiknya. Ini adalah menyalahi "professional ethic". Penyiasatan belum muktamad lagi. Oleh yang demikian, adalah tidak wajar sebelum laporannya itu disahkan, sebahagian daripada pendapatnya sudah diketahui umum. Pendapat-pendapat seperti itu boleh disifatkan hanya sebagai satu ramalan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya Jawatankuasa Penyiasatan BMF jika tidak dihasut oleh pihak-pihak tertentu sudah cukup untuk mencari jalan penyelesaian terhadap isu BMF di Hong Kong. Keyakinan saya ini diperkuatkan lagi oleh hujah-hujah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Kewangan. Kesemua mereka itu telah berjanji untuk tidak bertolak ansur dalam mencari penyelesaian kes BMF. Apa

yang penting Jawatankuasa Penyiasatan BMF menjalankan tugasnya sehingga satu perakuan yang muktamad sudah dihasilkan dan menyerahkannya kepada budi bicara Kerajaan untuk mengambil tindakan menyelesaikan masalah BMF. Dengan tidak mengungkit-ungkit isu BMF di khalayak ramai yang tidak arif tentang bank, kita akan dapat menyelesaikan masalah BMF dan membantu Bank Bumiputra untuk meneruskan perniagaan dengan baik.

Saya berpendapat bahawa Jawatankuasa Penyiasatan BMF telah dapat menjalankan tugasnya dan tidak dihalang oleh sesiapa, sampai sekarang tidak ada sungutan-sungutan yang terdapat berkenaan dengan halangan-halangan yang dibuat ke atas Jawatankuasa itu dalam menjalankan tugasnya. Kebebasan dalam menjalankan tugas-tugas mereka adalah penting dan saya rasa setakat ini Jawatankuasa ini masih berfungsi seperti yang diharapkan.

Suruhanjaya Siasatan Di-Raja yang boleh ditubuhkan mengikut Akta Siasatan Suruhanjaya Di-Raja tidak boleh menyelesaikan masalah BMF. Masalah BMF ini bukan sahaja melibatkan negara kita, bahkan negara asing juga terlibat. Oleh itu adalah tidak menasabah jika warganegara Malaysia sahaja yang dapat disiasat sedangkan mereka yang ada di Hong Kong kita tidak mempunyai kuasa untuk menyiasat mereka. Ini adalah disebabkan Suruhanjaya Di-Raja hanya sah di negeri kita Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Di-Raja juga ditubuhkan akan tentu menjejaskan kelicinan perniagaan Bank Bumiputra. Walaupun yang ada masalah hanya BMF di Hong Kong.

Selain daripada Suruhanjaya Siasatan Di-Raja tidak boleh membuat "expert opinion" seperti halnya yang boleh dibuat oleh

Jawatankuasa Penyiataan BMF tentang perakaunan, transaction yang betul.

Satu lagi perkara, Suruhanjaya Siasatan Di-Raja tidak boleh membuat pendakwaan tetapi yang boleh membuat pendakwaan ialah Bank Bumiputra sendiri.

Penubuhan Suruhanjaya Siasatan Di-Raja yang dicadangkan oleh pihak Pembangkang akan menimbulkan amalan perundangan-perundangan yang boleh membawa kecurigaan di negara kita. Mengikut Akta Bank, 1973, Peruntukan 36 sesuatu bank hendaklah memelihara rahsia-rahsia pelanggan-pelanggannya. Siasatan oleh Suruhanjaya Siasatan Di-Raja kalau ditubuhkan pasti akan melanggar tata susila bank yang diwajibkan menyimpan rahsia para pelanggannya.

Akhirnya, saya sekali lagi tegaskan di sini bahawa saya tidak setuju dengan cadangan pihak Pembangkang untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Di-Raja untuk menyelesaikan masalah BMF di Hong Kong.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon membantah usul ini.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Yang Berhormat dari Tanjong.

5.37 ptg.

**Dr Koh Tsu Koon (Tanjong):** Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini kita sedang membahaskan satu tajuk yang agak kompleks dan rumit tetapi amat penting.

Oleh yang demikian adalah mustahak bagi kita semua menjadi seberapa tenang dan objektif yang boleh tanpa melemparkan tuduhan-tuduhan dan balasan-balasan yang menggemparkan dan penuh dengan emosi.

Bagi diri saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membincangkan tajuk ini daripada satu perspektif yang lebih am dan luas. Tuan Yang di-Pertua, hamir di semua negara yang sedang membangun, tak kira apakah bentuk sistem ekonomi yang diamalkannya, sektor awam sejak beberapa lama dahulu semakin memainkan peranannya yang lebih penting dan dominan. Ini ialah akibat dari dua faktor utama:

Pertama, kebanyakan negara sedang membangun, sektor swasta masih belum lagi dimajukan sehingga ke satu taraf yang cukup maju dan dinamik sehingga boleh memainkan peranan sebagai jentera pertumbuhan yang tunggal.

Yang kedua, dan yang lebih penting ialah amat perlu dibasmikan ketidakseimbangan yang kini wujud di kalangan berlain-lainan kumpulan di dalam sesebuah negara dan dipenuhi keperluan-keperluan sosial yang asas (basic social needs) bagi kumpulan-kumpulan yang miskin dan tersekat, agar keadilan sosial dan kesetaraan yang lebih seimbang dapat digalakkan. Adakah dirasai bahawa sektor swasta yang lebih mengutamakan keuntungan tidak dapat mencapai matlamat sosial yang penting ini. Arah aliran seperti yang saya sebutkan di atas juga wujud di Malaysia.

Pertubuhan sektor awam di negara ini amatlah pesat khususnya dalam tempoh tahun 70an selepas pelancaran Dasar Ekonomi baru. Pada asasnya terdapat tiga bentuk pertubuhan yang boleh diklasifikasikan di bawah sektor awam iaitu jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan pada pertamanya, yang kedua perbadanan-perbadanan awam seperti PKEN-PKEN dan yang ketiga perbadanan awam dan juga syarikat-syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 tetapi yang telah memperolehi

pinjaman ataupun penyertaan equiti daripada orang ramai. Dana ataupun fund yang besar telah pun disalurkan kepada segala perusahaan ini, iaitu dana dari hasil Kerajaan, dari pinjaman daripada sumber-sumber dalam dan luar negeri serta pelaburan oleh orang ramai. Oleh sebab itu, jangkaan ataupun ekspektasi orang ramai terhadap sektor awam amatlah tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita tidak boleh menafikan bahawa kejayaan-kejayaan yang besar telah pun dicapai oleh beberapa di antara perusahaan-perusahaan awam ini seperti FELDA dan MAS. Akan tetapi adanya juga kegagalan dan banyak kes-kes di mana prestasi adalah kurang memuaskan akibat dari pengurusan yang tidak cekap, dan juga dari rasuah dan lain-lain faktor yang tidak disangka. Justeru itu, setengah-setengah perbadanan di sektor awam bukan sahaja tidak memainkan peranan sebagai jentera pertumbuhan seperti yang dijangkakan malah telah menjadi beban kepada ekonomi kita dan mendatangkan "embarrassment" kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun-tahun kebelakangan ini pemimpin-pemimpin negara kita semakin mengambil berat tentang segala masalah ini justeru telah menyuarakan hasrat diadakan kawalan yang berkesan dan pertanggungjawapan (accountability) yang sewajar di sektor awam. Sistem-sistem pengurusan yang lebih cekap dan sesuatu kawalan dan imbalan . . . . .

**Tuan Sim Kwang Yang:** (*Bangun*).

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat, minta duduk sebentar. Ada apa Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat atau minta jalan?

**Tuan Sim Kwang Yang:** Minta jalan.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Adakah Yang Berhormat mahu beri jalan?

**Dr Koh Tsu Koon:** Oleh kerana kesuntukan masa, saya tidak mahu beri jalan.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Oleh kerana kesuntukan masa Yang Berhormat itu tidak beri jalan. Sila teruskan.

**Dr Koh Tsu Koon:** Sistem pengurusan yang lebih cekap dan suatu sistem kawalan dan imbalan (checks and balances) yang lebih berkesan harus diperkenalkan. Segala langkah ini kini sedang dijalankan. Akan tetapi, yang lebih penting daripada segala-gala ini ialah perlu diadakannya semangat commitment dan pertanggungjawapan di kalangan mereka yang telah ditugaskan dengan pengurusan di sektor awam ini. Ini adalah kerana tidak kira betapa baiknya sesuatu sistem sama ada dalam teori ataupun dari segi amalannya di tempat-tempat lain, kejayaan sistem ini terletak pada akhirnya di tangan mereka yang telah ditugaskan dengan pengurusan dana sektor awam ini. Kalau terdapat pengurus-pengurus yang baik dan jujur satu sistem yang cekap sudah pasti akan timbul. Sebaliknya, kalau pengurus-pengurus ini kurang baik dan jujur maka satu sistem yang baik pada asalnya pun akan menjadi kelam-kabut tidak lama kemudian.

Itulah sebabnya mengapa Kerajaan Barisan Nasional telah dalam tempoh tiga tahun yang lepas begitu menitikberatkan konsep Bersih, Cekap dan Amanah serta amalan Kepimpinan Melalui Teladan. Kempen-kempen ini telah mula menghasilkan perubahan-perubahan yang positif dalam sikap serta sedikit sebanyak peningkatan dalam prestasi

di perkhidmatan awam dan juga di kalangan mereka yang diberikan tugas mengurus perbadanan-perbadanan dan dana di sektor awam.

Segala kempen ini telah juga menambahkan kesedaran di kalangan rakyat. Orang ramai dan juga media massa telah semakin menumpukan perhatian yang lebih kepada soal kawalan dan "accountability" bagi dana awam ataupun public funds. Walaupun ini mungkin akan menjadikan setengah orang itu kurang senang namun demikian, saya rasa ianya pada keseluruhannya merupakan suatu tanda yang baik dalam sebuah negara demokratik seperti kita.

Akan tetapi hakikat bahawa sikap dan semangat (mood) kini sedang berubah tidak membawa maksud bahawa kita telah terlepas daripada beban kesilapan-kesilapan yang telah dilakukan pada masa yang lampau atau bahawa kesilapan yang sama tidak akan dilakukan sekali lagi pada masa depan. Kita masih perlu mengatasi segala masalah yang diakibatkan oleh kesilapan yang lepas serta mengambil tindakan terhadap mereka yang bertanggungjawab agar mencegah kesilapan yang sama daripada diulangi. Memang kita harus selalu berwaspada terhadap kesilapan-kesilapan yang baru yang mungkin muncul dalam masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah parti politik yang bertanggungjawab dan sebagai sebuah parti komponen Barisan Nasional. Parti Gerakan sering mengambil berat tentang peranan yang dimainkan oleh sektor awam serta kawalan dan accountabilitynya. Kami telah juga menumpukan perhatian yang serius terhadap masalah pinjaman dan hutang sektor awam serta lain-lain masalah dan konsep baru yang berkaitan dengan ekonomi kita seperti penswastaaan dan lain-lain. Oleh itu, baru-baru ini Parti Gerakan telah

merayu kepada Kerajaan supaya membuat commitment yang lebih kepada hal menggalakkan kecekapan daya pengeluaran dan accountability yang lebih serta mengurangkan pembaziran yang tidak perlu di sektor awam. Kami juga telah menyuarakan kebimbangan (concern) kami terhadap isu BMF khasnya.

Kebimbangan ini juga dirasakan dan ditunjukkan oleh sebahagian besar daripada rakyat Malaysia khasnya pertubuhan-pertubuhan politik dan sosial. Umpamanya, Pemuda UMNO telah menyuarakan dengan tegasnya bahawa mereka yang didapati bersalah harus dibawa ke mahkamah. Pendapat yang sama juga telah disuarakan oleh setengah-setengah parti komponen Barisan Nasional yang lain. Kami sudah tentu tidak mahu peristiwa BMF ini diulangi pada masa depan, sama ada peristiwa ini melibatkan sebuah institusi kewangan swasta ataupun awam. Daripada ini kita dapati bahawa kebimbangan (concern) terhadap isu BMF ini adalah satu concern umum dan tidak hanya setakat ditunjukkan oleh DAP sahaja (such a concern is not an exclusive concern of DAP).

*(Tuan Yang di-Pertua mem-  
pengerusikan Mesyuarat)*

Tuan Yang di-Pertua, beberapa hari dahulu pucuk pimpinan Parti Gerakan telah berjumpa dengan Pemangku Perdana Menteri untuk membincangkan isu-isu nasional. Dalam perjumpaan ini isu BMF pun ada dibincangkan.

Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri telah memberi tahu kami bahawa Kerajaan sedang berusaha dengan sedaya upaya dan sedang mengambil apa juga langkah yang perlu bagi menyasat isu BMF. Beliau juga menegaskan bahawa Kerajaan bersedia membawa mereka yang bertanggungjawab ke mahkamah. Pemangku Perdana

Menteri kita telah juga menerangkan kepada kami sebab-sebab mengapa Kerajaan berpendapat bahawa penubuhan sebuah Suruhanjaya Di-Raja pada masa ini adalah tidak perlu. Beberapa di antara sebab-sebab ini dua orang rakan saya tadi dalam ucapan mereka telah membangkitkan dan akan diterangkan secara lebih terus terang dan panjang lebar oleh rakan-rakan lain nanti.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya adalah jelas bahawa kami dari Parti Gerakan dan juga dari Barisan Nasional ingin melihat supaya mereka yang didapati bersalah di sisi undang-undang dibawa ke mahkamah. Pada pendapat kami tindakan ini merupakan satu bentuk accountability dan akan memastikan bahawa keadilan dapat dicapai.

Sebuah Suruhanjaya Di-Raja merupakan salah satu cara untuk mencapai matlamat ini. Adanya juga cara-cara yang lain. Oleh kerana Kerajaan ini sedang mengambil tindakan yang tegas melalui beberapa saluran yang lain, maka matlamat yang sama berkemungkinan besar akan tercapai melalui saluran-saluran yang lain ini.

Memang kita boleh terus membahaskan tentang baik buruknya satu-satu pendekatan tertentu berbanding dengan pendekatan-pendekatan yang lain. Ini bukan sahaja akan mengambil masa yang lama akan tetapi perbincangan sedemikian ini boleh diteruskan selama-lamanya tanpa apa juga keputusan yang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, yang lebih penting ialah tindakan keras mesti pada akhirnya diambil terhadap mereka yang bertanggungjawab agar keadilan dapat dicapai. Tindakan adalah lebih penting daripada perbincangan mulut.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menegaskan bahawa sebagai sebuah parti politik yang bertanggungjawab, Parti Gerakan dan juga Barisan Nasional akan terus mengikut dengan rapinya perkembangan kes BMF ini. Kami akan juga menyokong dan membantu dalam apa juga cara pun usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan isu BMF ini dengan adil. Saya yakin bahawa ini adalah juga perasaan dan hasrat parti-parti komponen Barisan Nasional yang lain yang telah mendedikasikan dirinya kepada konsep: "Bersih, Cekap dan Amanah".

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Seremban.

5.52 ptg.

**Dr Chen Man Hin (Seremban):** Tuan Yang di-Pertua, Bumiputra Malaysia Finance atau BMF di Hong Kong telah ditubuhkan untuk mengembangkan (develop) operasi Bank Bumiputra serta pelaburannya di Hong Kong. Malangnya jauh daripada mendapat keuntungan daripada usahaniaga itu, BMF telah menempuh nasib buruk dan telah ditipu sehingga ia mengalami kerugian sebanyak \$2.5 billion. Ia telah mengalami kerugian lebih daripada mana-mana pertubuhan bank di Hong Kong dalam tempoh 2 atau 3 tahun. Malapetaka kewangan yang raksaksa ini telah menggoncang seluruh rakyat dan telah kini dikenali sebagai skandal BMF.

Kerugian sebanyak \$2.5 billion itu ialah 4 atau 5 kali ganda modal yang dibayar oleh syarikat induknya iaitu Bank Bumiputra 4 tahun dahulu. Kerugian sebesar ini lazimnya akan membawa kepada kebangkrutan sebuah bank biasa. Perkara ini telah dapat dielakkan kerana Kerajaan Malaysia tidak mampu membiarkan perkara ini berlaku, kerana kebangkrutan Bank Bumiputra juga

akan membawa kepada keruntuhan Kerajaan Barisan Nasional. Kejadian ini merupakan satu ajaran yang pahit kepada Barisan dan oleh kerana itu, terdapat satu usaha yang disatukan (orchestrated) untuk cuba menutup (cover up) perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berita awal dan pertama mengenai kemalangan ini telah muncul apabila pasaran harta di Hong Kong mulai mengalami tempoh kemelesetan. Akibat daripada arah aliran ini, maka kekayaan dan harta Carrian, Eda dan Kevin Hsu juga turut runtuh. Daripada \$2.5 billion, lebih kurang 90% daripada pinjaman BMF diberi kepada ketiga-tiga syarikat tersebut. BMF sering dikaitkan dengan Carrian dalam akhbar asing, kerana ia merupakan pengkredit (creditor) yang terbesar kepada Carrian. Atas sebab-sebab yang lebih diketahui oleh Barisan, berita ini langsung tidak dilaporkan dalam akhbar-akhbar tempatan pada masa itu. Ini merupakan satu usaha menyembunyikan berita tersebut daripada diketahui oleh rakyat Malaysia sendiri.

Satu lagi bentuk menutup perkara ini daripada diketahui umum, ialah usaha-usaha hebat oleh syarikat induk, yakni Bank Bumiputra untuk menyuntik (inject) wang serta memberi pinjaman tambahan untuk menegakkan Syarikat Carrian yang hampir tumbang itu. Laporan-laporan menunjukkan bahawa lebih kurang 20% daripada pinjaman BMF kepada Carrian telah dibuat dalam tahun 1980 hingga 1981 dan 20% lagi pada awal 1982. Bagaimanapun, pada separuh kedua tahun 1982, apabila Carrian telah jauh terhumban, sebanyak 30% lagi diberi kepada Carrian dan 30% lagi dalam tahun 1983.

Salah satu pinjaman demikian untuk menyelamatkan Carrian ialah satu skim penyelamat (rescue) yang melibatkan US\$4 juta yang telah dibangkang oleh seorang pegawai kanan Bank

Bumiputra yang bernama Encik Jalil. Kerana usaha beliau itu, beliau telah dibunuh dalam bulan Julai, 1983. Oleh sebab berlakunya pembunuhan ke atas Allahyarham, skim penyelamat itu terpaksa dibatalkan dan dengan itu seluruh usaha "menggunakan wang yang sihat untuk mengejar wang yang tenat" telah hilang begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah wang terlibat ialah \$1.5 billion. Penyiasatan ke atas kes pembunuhan Allahyarham Jalil itu telah membongkarkan lebih banyak maklumat. Skandal BMF sebanyak \$2.5 billion itu tidak boleh ditutup-tutup lagi. Soalannya sekarang ialah siapakah yang bertanggungjawab atas memberi pinjaman sebanyak \$2.5 billion kepada hanya 3 buah syarikat iaitu Carrian, EDA dan Kevin Hsu walaupun sebahagian besarnya kepada Carrian. Adalah tidak dapat diterima akal bagaimana wang sejumlah empat kali, lima kali atau enam kali ganda modal yang dibayar oleh Bank Bumiputra boleh diberi pinjaman dengan sebegitu mudah sekali.

Kita mempunyai satu institution bank, kita juga mempunyai satu Akta Bank yang bertujuan menghalang orang-orang yang tidak bertimbang rasa daripada menyalahgunakan wang orang awam, kita juga mempunyai Kementerian Kewangan, Bank Negara dan juga Lembaga Pengarah Bank Bumiputra, untuk menguatkuasakan undang-undang serta peraturan-peraturan bank.

Kesemua soalan ini memerlukan jawapan dan satu Suruhanjaya Penyiasatan Di-Raja merupakan satu jentera yang sesuai untuk menyiasat, mencari jawapan serta mencadangkan penyelesaiannya. Bagaimanapun, Kerajaan bersikap amat lembab terhadap cadangan ini dan masih berusaha cuba hendak menutup perkara ini sebanyak yang boleh.

Sebagai satu usaha hendak menyenangkan perasaan, Barisan

Nasional telah menubuhkan satu Jawatankuasa Siasatan yang terdiri daripada 3 orang untuk menyiasat skandal BMF. Jawatankuasa tersebut diketuai oleh Ketua Audit Negara, Tan Sri Ahmad Noordin, seorang tokoh yang mempunyai nilai prinsip serta kewibawaan yang kuat. Dalam laporan interim yang dikemukakan, beliau telah menyatakan bahawa Jawatankuasa Siasatan itu tidak mempunyai kuasa-kuasa yang mencukupi. Mereka tidak diberi kuasa untuk memanggil apa-apa bukti, mensapina saksi-saksi atau mengenal pasti mereka yang bersalah kerana sekiranya dibuat demikian, beliau sendiri mungkin terpaksa menghabiskan tempoh persaraannya dalam mahkamah undang-undang.

Ketua Audit Negara kemudian telah menyeru supaya satu Suruhanjaya Siasatan Di-Raja ditubuhkan untuk menyiasat skandal BMF kerana Suruhanjaya sedemikian akan diberi penuh baik dari segi undang-undang atau fakta. Dalam lain perkataan ini adalah satu cara memberhentikan usaha-usaha hendak menutup skandal itu secara berterusan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya membentangkan enam sebab mengapa Suruhanjaya Siasatan Di-Raja perlu ditubuhkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat lima minit.

**Dr Chen Man Hin:** Lebih kurang lima minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Fasal ada Menteri hendak mengemukakan satu usul supaya persidangan kita ini tidak ditangguhkan sehingga selesai usul ini dibincangkan. Jika lima minit, sila.

**Dr Chen Man Hin:** Sebab-sebab ialah—

1. Sejumlah wang yang besar—\$2.5 billion wang rakyat telah hilang.

Andainya ia digunakan dengan bijak dan baik ia akan dapat membina lebih banyak rumah-rumah murah, klinik serta universiti. Hakikatnya ia berlaku pada masa negara mengalami kesan kemelesetan serta difisit yang besar dalam belanjawan serta dalam kira-kira imbalan pembayaran, kerugian ini amat dirasai kesannya. Yang menjadi persoalan ialah mengapakah rakyat jelata dibiarkan merasai kesan-kesan program jimat cermat dan pengurangan perbelanjaan Kerajaan sementara sejumlah wang yang banyak yang dikendalikan oleh segelintir orang yang berpejabat hawa dingin telah hilang raib begitu sahaja buat selama-lamanya.

2. Di kalangan kewangan antarabangsa, sistem bank Malaysia telah kehilangan nama baiknya. Walaupun terdapat bank-bank lain yang terkenal juga telah memberi pinjaman kepada Carrian, BMF merupa pemberi pinjaman yang terbesar kepadanya. Usaha menyelamatkan Carrian adalah satu kegagalan yang besar dan tindakan membuang Syarikat Touche Ross antarabangsa merupakan satu tanda kurang matang dalam pengalaman kewangan. Ia sama seperti tindakan membuang seorang pengadil dari satu permainan bola sepak semata-mata kerana kita merupakan pasukan yang mengalami kekalahan. Matlamat hendak menjadikan Kuala Lumpur satu pusat kewangan yang terkemuka telah menerima satu pukulan yang teruk kerana skandal BMF. Hanya dengan mengadakan satu siasatan yang menyeluruh serta mengambil tindakan tatatertib terhadap mereka yang bertanggung jawab sahajalah akan memulih semula keyakinan antarabangsa terhadap sistem bank kita.

3. Seorang pegawai tinggi Bank Bumiputra, Allahyarham Encik

Abdul Jalil telah didapati terbunuh di Hong Kong kerana menjalankan kewajipannya. Satu perbincangan telah diadakan dan orang disabit telah dihukum tetapi soalnya ialah sudahkah keadilan dilakukan? Soalan-soalan mulai timbul tentang sebab-sebabnya Allahyarham itu dibunuh dan mungkinkah terdapat lebih daripada satu orang di sebalik pembunuhan itu.

4. Walaupun Akta Bank wujud, nampaknya ada kelemahannya. Ramai pengusaha bank telah menyatakan bahawa sementara kebanyakan bank ditaklukkan kepada "monitoring" yang rapat dan cermat oleh Bank Negara, nampaknya Bank Negara tidak pula melakukan sedemikian terhadap Bank Bumiputra. Bekas Menteri Kewangan telah mengisytiharkan bahawa Bank Bumiputra tidak tertakluk kepada kawasan Kementeriannya. Adakah Bank Bumiputra menduduki satu taraf yang berlainan daripada bank-bank biasa sehinggakan aktiviti-aktivitinya tidak perlu diteliti oleh Bank Negara? Inilah soalan-soalan yang memerlukan jawapan-jawapan yang jelas dan langkah-langkah perlu diambil untuk menentukan bahawa semua bank adalah "accountable".

5. Akhirnya, semangat negara telah mengalami satu pukulan yang teruk akibat skandal BMF. Dalam mass media nasional dan antarabangsa sama ada akhbar, radio dan televisyen, keburukan kejadian ini telah terbongkar untuk dilihat oleh semua. Sikap tamak haloba, rasuah, pembunuhan dan kelucahan kewangan telah mencemar imej Malaysia. Seruannya ialah supaya perbuatan jenayah dibongkar dan mereka yang salah diberi hukuman yang setimpal untuk menebus kebanggaan dan kehormatan negara. Tindakan PETRONAS

untuk menyelamatkan Bank Bumiputra memang telah mencapai tujuan menyelamatkannya Bank Bumiputra tetapi ini tidak menyelesaikan masalahnya kerana isu-isu yang tinggal akan tetap tinggal sehingga satu Suruhanjaya Siasatan Di-Raja ditubuhkan.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DI- BEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Usul atas nama Yang Berhormat Ahli dari Kota Melaka telah selesai dipertimbangkan dan selepas itu Dewan ini hendaklah ditangguhkan sehingga pukul 4.00 petang esok, Jumaat, 19-10-1984.

**Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, nanti dahulu. Saya hendak kemukakan Usul ini dahulu supaya kita selesaikan perkara ini dahulu.

Ahli-ahli Yang Berhormat, ada usul yang berbunyi:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Usul atas nama Yang Berhormat Ahli dari Kota Melaka telah selesai dipertimbangkan dan selepas itu Dewan ini hendaklah ditangguhkan sehingga pukul 4.00 petang esok, Jumaat, 19-10-1984.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Usul atas nama Yang Berhormat Ahli dari Kota Melaka telah selesai dipertimbangkan dan selepas itu Dewan ini hendaklah ditangguhkan sehingga pukul 4.00 petang esok, Jumaat, 19-10-1984.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya mengambil peluang hendak mengumumkan bahawa Dewan Rakyat tidak akan bersidang pada Isnin 22hb Oktober iaitu sehari sebelum hari Deepavali pada hari Selasa 23-10-84 dan tidak akan bersidang pada hari Khamis, 15-11-84 iaitu Hari Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke 8, dan Dewan Rakyat akan bersidang pada hari Isnin, 3hb Disember, hari Selasa, 4hb Disember dan hari Khamis, 6hb Disember, 1984.

Yang Berhormat dari Lambir.

*Perbahasan disambung semula.*

6.12 ptg.

**Dr George Chan Hong Nam (Lambir):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan usul penubuhan Suruhanjaya Siasatan Di-Raja untuk menyiasat kes skandal pinjaman Bumiputra Malaysia Finance (BMF).

Sebagaimana kita pun sedia maklum bahawa masalah dan kerugian kes BMF timbul apabila pasaran harta di Hong Kong jatuh dengan mengejutnya dalam tahun 1982. BMF menghadapi masalah apabila ia tidak berupaya mendapat kembali pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan khususnya pinjaman kepada syarikat-syarikat kumpulan Carrion dan Eda Investment Ltd. di Hong Kong.

Akibatnya BMF menghadapi kerugian lebih \$2 billion.

Memanglah tidak boleh dinafikan bahawa skandal pinjaman BMF telah membawa kerugian yang amat penting sekali bukan sahaja kepada Bank Bumiputra khasnya tetapi juga kepada negara kita amnya. Oleh yang demikian, kes tersebut telah pun mendapat perhatian berat daripada Kerajaan dan juga rakyat kita. Sehubungan dengan ini, Kerajaan kita telah pun berazam untuk bertindak terhadap pesalah-pesalah yang terlibat dalam skandal tersebut. Pada 4hb Januari, 1984, Kerajaan telah mengarah Bank Bumiputra Malaysia Berhad menubuhkan sebuah Jawatankuasa Penyiasat BMF. Jawatankuasa tersebut telah pun ditubuhkan dan ia adalah diketuai oleh Tan Sri Ahmad Noordin, Ketua Odit Negara.

Pada keseluruhannya, rakyat kita merasa amat keciwa sekali terhadap kerugian wang yang begitu besar sekali yang berlaku kepada negara kita. Rakyat sekalian tetap ingin mahu tahu mengapa dan bagaimana kerugian yang begitu amat mengejutkan berlaku, siapa yang bertanggungjawab, siapa yang membuat kesalahan-kesalahan dan apakah tindakan-tindakan yang akan diambil terhadap pesalah-pesalah yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting sekali sekarang ialah bagaimana mereka yang terlibat dalam skandal BMF dapat dibawa ke muka pengadilan dengan segera tanpa apa-apa kelewatan lagi. Jawatankuasa Siasatan BMF telah pun membuat siasatannya. Laporan muktamad sedang pun dibuat. Hasrat Kerajaan di dalam perkara ini ialah menyelesaikan masalah BMF dengan secepat mungkin dan bukan mewujudkan masalah baru. Apa yang dikehendaki oleh Kerajaan dan rakyat kita ialah mendapat segala kebenaran atau the

whole truth berhubung dengan skandal BMF. Apa yang diharapkan daripada Jawatankuasa Siasatan BMF ialah untuk mencari kebenaran atau the truth. Bahawasanya kebenaran itu adalah sebaik-baik pertahanan atau truth is the best defence. Banyak masa akan terbuang jika sebuah Suruhanjaya Siasatan Di-Raja ditubuhkan. Jika Suruhanjaya tersebut ditubuhkan ianya terpaksa mengulangi proses siasatan yang telah pun dibuat oleh Jawatankuasa Siasatan BMF dan objektifnya ialah juga sama iaitu facts finding. Ini akan menjadi satu ulangan atau duplication dan mengambil masa berbulan-bulan, mungkin setahun dua atau lebih. Rakyat tidak sabar lagi menunggu begitu lama. Jika kelewatan penyelesaian kes tersebut berterusan, ia mungkin akan menjejaskan tindakan-tindakan terhadap pesalah-pesalah terlibat, iaitu pengadilan akan terjejas, seperti kata peribahasa dalam Bahasa Inggeris: "Justice delayed is justice denied".

Tuan Yang di-Pertua, soalan utama sekarang ialah adakah Suruhanjaya Siasatan Di-Raja kalau ditubuhkan, mempunyai kuasa dan kewibawaan dalam penyiasatannya di luar negeri? Jika tidak, apakah maksudnya, kerana BMF adalah sebuah syarikat didaftarkan di Hong Kong. Jawapannya memang tidak sebagaimana beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah juga menerangkannya. Ini adalah kerana Suruhanjaya yang boleh ditubuhkan di negara ini mestilah selaras dengan peruntukan Akta Suruhanjaya Siasatan, 1950 (Commission of Enquiry Act, 1950) yang mana kewibawaannya hanya meliputi kawasan di Malaysia sahaja. Maka kuasa dan kekesanannya adalah tersekat kepada peruntukan Akta tersebut. Di dalam hal ini, Akta Suruhanjaya Siasatan Di-Raja, 1950 tidak boleh dikuatkuasakan di Hong Kong di mana BMF yang sedang

disiasat adalah sebuah syarikat didaftar di Hong Kong. Oleh yang demikian, Suruhanjaya Siasatan Di-Raja walaupun ditubuhkan tidaklah berkesan sama sekali di Hong Kong.

Tuan Yang di-Pertua, semua bank yang menguruskan perniagaan di negara ini adalah dikawal di bawah Akta Bank 1973. BMF adalah sebuah anak syarikat Bank Bumiputra yang dimiliki sepenuhnya oleh Bank tersebut. Jadi, hal ehwal urusannya adalah tertakluk kepada badan induknya, iaitu Bank Bumiputra.

Dalam kes skandal pinjaman BMF, Bank Bumiputra adalah badan yang mempunyai kuasa penuh untuk bertindak sewajarnya. Selaras dengan kaedah biasa urusan perniagaan dan bank, satu penyiasatan mestilah diadakan oleh atau bagi pihak Bank Bumiputra ke atas segala hal ehwal urusan BMF dan operasinya di Hong Kong terhadap skandal tersebut. Dengan dilengkapkan kuasa yang diberi oleh Bank Bumiputra, sesuatu jawatankuasa yang menjalankan kerja-kerja siasatan boleh memeriksa tiap-tiap satu dokumen, akaun atau buku BMF di Hong Kong. Ia juga boleh meminta dan mengambil kenyataan dan penjelasan daripada pegawai-pegawai BMF di Hong Kong dan sesiapa yang ada pengetahuan berhubung dengan pengendalian BMF dan yang sanggup memberi bantuan. Dari siasatan itu, laporan dan perakuannya boleh dijadikan asas untuk menentukan sebarang tindakan sivil atau jenayah yang akan diambil terhadap sesiapa pesalah yang terlibat. Penyiasatan secara tersebut, pada fikiran saya akan berkesan.

Tan Sri Ahmad Noordin dalam satu akhbar tempatan pada 16hb September, 1984 juga berkata bahawa Bank Bumiputra sebagai syarikat induk BMF mestilah menentukan ada atau tidak ada unsur-unsur jenayah yang memerlukan penyiasatan dan sama ada ia mahu siasatan dijalankan.

Selepas itu, ia hendaklah membuat laporan kepada Polis Hong Kong sebagai pihak yang berkuasa menjalankan penyiasatan dan pendakwaan terhadap mereka yang terbabit dalam skandal itu.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Siasatan Di-Raja hanya perlu ditubuhkan jika Laporan Jawatankuasa Siasatan BMF tidak diumumkan dalam apa bentuk pun dan tiada tindakan sewajarnya diambil terhadap pesalah-pesalah terlibat. Tetapi, jaminan-jaminan telah pun diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Timbalan beliau bahawa jika didapati ada salah laku ataupun penyelewengan di dalam urusan memberi pinjaman oleh BMF maka Kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan kepada sesiapa pun. Di sini suka saya mengutip kata-kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang diterbitkan dalam sebuah akhbar tempatan Inggeris pada 15hb September, 1984 yang menyatakan: "The Government will not hide anything nor protect anyone in this matter. We will make the report Public after the relevant authority has studied it." Maka sesiapa pun tidak seharusnya meragui lagi atas pengumuman laporan siasatan BMF. Memandangkan jaminan tersebut, pihak Bank Bumiputra dan/atau Kerajaan tentu akan mengambil tindakan selanjutnya apabila sahaja laporan muktamad telah diselesaikan oleh jawatankuasa Siasatan BMF. Sehingga laporan muktamad didapati, tidaklah wajar bagi sesiapa pun membuat sebarang tuduhan pada mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam segala tindak-tanduk terhadap skandal BMF, kita harus juga mengambil kira kepentingan negara, kestabilan kewangan dan keyakinan umum. Perkara kewangan adalah satu perkara

yang sangat sensitif, baik di dalam mahu pun di luar negeri, khususnya di peringkat antarabangsa. Misalnya, khabar angin baru-baru ini yang mengatakan bahawa ringgit Malaysia akan turun nilai telah pun mengakibatkan keadaan kewangan kita menjadi kucar-kacir sementara dalam pasaran tukaran wang asing. Maka adalah perlu kita monitor dengan rapat kes BMF hingga ia diselesaikan dengan memuaskan supaya sistem bank dalam negara kita tidak akan mencemar dan kedudukan ringgit Malaysia tidak akan terjejas.

Satu kajian mendalam atas sistem pengurusan kewangan negara yang sedia ada khususnya sistem bank-bank dalam negara kita harus diadakan untuk mencari di manakah atau dari segi manakah terdapat kelemahan-kelemahan atau loopholes serta bagaimana dapat diperbetulkan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan segala alasan yang saya mengemukakan, saya berpendapat bahawa tidaklah perlu untuk menubuhkan satu Suruhanjaya Siasatan Di-Raja setakat ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Padang Serai. Minta jangan panjang sangat.

6.22 ptg.

**Tuan Tan Kok Hooi (Padang Serai):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun kerana ingin bercakap mengenai isu BMF.

Saya berpendapat bahawa hasrat Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengemukakan perkara ini adalah lebih mementingkan politiknya daripada isu yang sebenarnya.

Isu BMF bukan lagi satu isu baru, ia telah wujud pada satu ketika yang lalu. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pernah menimbulkan dan memainkan isu ini semasa pilihanraya kecil Seremban. Kini isu ini

ditimbulkan dalam Dewan ini dengan harapan supaya dia boleh mempolitikannya dan juga mempermainkannya emosi orang ramai dengan harapan untuk memancing undi dalam pilihanraya umum akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pilihanraya kecil Seremban, beliau dengan secara tidak langsung menuduh pemimpin MCA sama ada pemimpin lampau atau sekarang yang dikatakan terlibat dalam kejadian BMF. Lebih-lebih lagi beliau membayangkan bahawa bekas Presiden MCA iaitu Dato' Lee San Choon adalah orang tengah dalam skandal BMF.

Saya merasa tidak adil di atas tuduhan Ahli Yang Berhormat itu dari Kota Melaka kerana beliau sengaja mencemar nama baik Dato' Lee, sungguhpun beliau sudah bersara dari gelanggang politik. Sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu mempunyai keikhlasan hendak mendedahkan pesalah-pesalah kejadian BMF atau sebarang aktiviti-aktiviti rasuah yang ada kaitan dengan skandal ini, maka pada awal-awal lagi beliau patut mendedahkan nama-nama mereka yang terlibat supaya pihak berkuasa boleh mengambil tindakan, dan tidak seharusnya membiarkan isu kontroversi ini dihangatkan dan berlarutan.

Saya yakin Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu tiada bukti, dia cuma memancing di air keruh. Kesemua sindiran dan tuduhan yang ditujukan kepada bekas Presiden MCA adalah tiada berasas langsung.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka patutlah mengaku segala tuduhan-tuduhan yang dilemparkan itu adalah tidak benar . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta . . . . .

**Tuan Tan Kok Hooi:** Dia harus pergi ke rumah Dato' Lee . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Padang Serai, Yang Berhormat dari Kota Melaka, minta penjelasan, hendak beri?

**Tuan Tan Kok Hooi:** Suruh dia sabar dahulu, akan diberi kemudian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Tan Kok Hooi:** Sabar, ada peluang lagi—sabar. Dia harus pergi ke rumah Dato' Lee meminta maaf dan ampun ataupun di khalayak ramai. Sekiranya beliau tidak ingin berbuat demikian, saya cabarkannya memberi bukti-bukti dan cakap di luar Dewan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang sebentar tadi dalam ucapannya ada menyentuh kemungkinan Menteri-menteri ada terlibat dengan isu BMF. Saya juga cabarnya memberi bukti-bukti dan cakap di luar Dewan ini. Sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu merasa takut untuk menerima cabaran saya, maka saya akan mengandaikan bahawa semua tuduhan dan sindiran yang beliau lemparkan dalam pilihanraya kecil Seremban adalah semata-mata cakapan yang bohong. Maka di sini kita boleh merumuskan bahawa kemenangan dan kejayaan Dr Chen Man Hin dalam pilihanraya kecil itu . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta jangan menyebutkan nama.

**Tuan Tan Kok Hooi:** Ya, tetapi ini sebelum dia menjadi Wakil Rakyat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang dia jadi Wakil Rakyat, jangan sebutkan nama.

**Tuan Tan Kok Hooi:** Ya. Kemenangan dan kejayaan Ahli dari Seremban dalam pilihanraya kecil itu adalah melalui cakapan-cakapan

bohong dan tipu muslihat beliau. Jikalau Ahli dari Seremban itu sendiri terasa bersalah, dia harus menarik diri dari kerusi Seremban dengan serta-merta.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Point of order.

**Tuan Yang di-Pertua:** Point of order, sila duduk!

**Tuan Sim Kwang Yang:** Saya tidak tahu apa kaitannya pilihanraya Seremban yang ada dengan Usul yang dibentangkan sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat ada berkenaan dengan tuduhan-tuduhan yang dikatakan oleh Ahli dari Kota Melaka di dalam pilihanraya Seremban, bersangkutan-paut dengan BMF. Sila teruskan (*Tepuk*).

**Tuan Tan Kok Hooi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya, Ahli dari Bandar Kuching itu tidak begitu faham apa yang saya cakap. Sebenarnya, Ahli dari Seremban itu menang kerana kes ini, sebab itu saya suruh dia letak jawatan; tetapi sayang sedikit Ahli dari Seremban sudah hilang, kita akan cabar dia sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pada 12-10-1984 Ahli dari Kota Melaka telah memberitahu pada akhbar bahawa beliau akan dedah berkenaan dengan sebuah syarikat kewangan tempatan yang telah memberi pinjaman hampir \$30 juta kepada sebuah syarikat yang paid-up capitalnya cuma \$2.00 sahaja dalam Parlimen ini. Setelah berita ini disiarkan dalam akhbar-akhbar tempatan, seorang yang berpengaruh pun menelefon kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka minta perjumpaan, kemungkinan memberi tawaran, entahlah, tetapi sekurang-kurangnya selepas telefon itu Ahli dari Kota Melaka itu sudah diam dan pada hari ini beliau pun tidak

mendedahkannya di sidang ini. Untuk kepentingan rakyat, saya fikir Ahli dari Kota Melaka itu adalah seorang Wakil Rakyat yang bertanggungjawab, dia patut berani mendedahkan supaya isu BMF tidak diulang sekali lagi. Sekiranya, katanya tidak dikotakan, ertikata satu penyelesaian telah dicapai (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, isu BMF memang merupakan satu kejadian yang sungguh malang dan boleh dianggap sebagai satu sejarah hitam tanahair yang telah menjejaskan imej Kerajaan dan mencemar nama bekas bank-bank tempatan serta mengurangkan keyakinan penyimpanan tempatan dan pelabur-pelabur antarabangsa kerana ia telah melibatkan jumlah wang yang begitu besar. Kejadian ini adalah semata-mata penyelewengan orang yang didera; harapkan pagar, pagar makan padi. Orang ini patut dikutuk dan dianggap sebagai pengkhianat negara.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Kerajaan begitu memandang berat terhadap isu ini. Dengan inilah satu Jawatankuasa Siasatan BMF yang dipengerusikan oleh Tan Sri Ahmad Noordin telah ditubuhkan. Saya harap penyelidikan itu akan dijalankan dengan berani, teliti dan sedalam-dalamnya. Kata Bahasa Ingeris, "should not leave any stone unturned". Erti kata, saya tidak mahu sedikit pun disembunyi atau ditutup.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat orang yang bersalah hendaklah ditangkap dan diheret ke mahkamah supaya menerima hukuman-hukuman yang setimpal dengannya dan juga beri peluang kepada rakyat melihat wajah si pengkhianat. Saya rasa kurang puas hati kerana sehingga saat ini yang terlibat dengan penyelewengan itu masih bebas. Saya sungguh mengambil berat terhadap jumlah wang yang begitu besar dipinjamkan kepada seorang sahaja dan tanpa usaha

“checks and balances”, sistem urusan ini adalah salah.

Untuk mengelakkan kejadian sedemikian dari berlaku pada masa depan, Kerajaan harus memilih orang-orang yang bukan sahaja pandai tetapi juga amanah untuk memegang sesuatu jawatan yang berhubung dengan soal kewangan dan pihak Kerajaan mesti mengadakan satu dasar yang mensyaratkan supaya setiap tahun kakitangan-kakitangan kanan Kerajaan dan juga mereka yang dilantik menduduki Badan-badan Berkanun atau Agensi-agensi Kerajaan di peringkat Negeri dikenakan mengisytiharkan semua harta kekayaan diri mereka serta saudara-mara yang rapat dengannya. Dengan cara ini kita boleh menakutkan mereka yang berniat untuk mengumpul kekayaan melalui rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti mencerminkan sebuah sistem pemerintahan yang Bersih, Cekap dan Amanah kepada rakyat negara ini, bukan dalam percakapan tetapi juga dalam perbuatan. Kita mesti menegakkan kebenaran ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Jawatankuasa Siasatan BMF telah ditubuhkan dan dijalankan dengan licin, maka tidaklah perlu diadakan Suruhanjaya Siasatan Di-Raja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Parit Buntar.

6.34 ptg.

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman (Parit Buntar):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian untuk membahaskan usul yang dibawa oleh Wakil dari Kota Melaka dan saya dengan fakta-fakta yang akan saya sebutkan sebentar lagi dengan tegasnya menentang usul ini memandangkan usul yang dibawa oleh Ahli dari Kota Melaka ini sebenarnya

telah tidak diteliti dengan sehalus-halusnya.

Saya menyatakan begini, Tuan Yang di-Pertua, kerana sebagai Ahli yang bertanggungjawab, yang dipilih oleh rakyat, sebarang usul yang hendak kita bawa ke dalam Dewan ini, apatah lagi usul ataupun perkara yang begitu serius ini hendaklah kita teliti dengan sebenar-benarnya, sehalus-halusnya.

Kita faham prestasi Ketua Audit Negara adalah baik pada masa-masa yang lepas, tetapi kita juga faham dan kita mesti faham bahawa tidak semua manusia itu adalah sempurna. Saya katakan ini, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan usul ini yang dibuat oleh Ketua Pembangkang, yang juga Ahli dari Kota Melaka seperti yang dilaporkan di dalam akhbar *The Star* pada 2hb Oktober, 1984, saya quote:

“He said that he submitted notice of the Motion to the House only last week after Auditor-General, Tan Sri Ahmad Noordin Zakaria had called for the setting up of a Royal Commission of Inquiry”.

Ini jelas sekali bahawa Ahli dari Kota Melaka itu membawa usul ini setelah pendapat yang dikeluarkan oleh seorang Pegawai Kerajaan barulah beliau membawa usul ini ke dalam Dewan. Saya rasa perkara seperti ini amatlah memalukan, apatah lagi beliau sebagai seorang Ketua Pembangkang di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, amalan dan sikap seperti ini amatlah merbahaya sekiranya kita sentiasa menggunakan pendapat orang lain ataupun kadangkala mungkin negara lain secara bulat-bulat tanpa memikirkan baik buruknya, tanpa memikirkan faedahnya, maka kita risau Dewan ini juga akan digunakan ke arah yang tidak berfaedah.

Saya nyatakan ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana kita harus melihat unsur-unsur yang besar, yang penting, yang harus kita renung bersama di dalam membincangkan usul ini.

Pertama, kita harus mengkaji mengapakah usul ini dibawa ke Dewan ataupun latarbelakang usul ini dibawa pada hari ini.

Yang kedua, skandal Bumiputra Malaysia Finance Limited atau BMF adakah sesuatu yang tidak mungkin boleh berlaku. Adakah Kerajaan mengutuk gejala yang tidak bernasib baik ini berlaku?

Yang ketiga, apakah Suruhanjaya Di-Raja yang dicadangkan ini boleh menyelesaikan masalah ini lebih baik dari Jawatankuasa Penyiasatan yang telah pun ditubuhkan oleh Kerajaan melalui Bank Bumiputra sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sejak saya menjadi Ahli Dewan ini saya sungguh kecewa dengan pandangan-pandangan dari anggota DAP, sama ada dari perlakuan mereka ataupun dari hujah-hujah mereka sendiri. Ini saya kaitkan dengan usul yang dibawa kerana usul ini sendiri pada pandangan saya telah tidak difikirkan dengan teliti seperti yang saya katakan awal-awal tadi. Rekod DAP di dalam Dewan ini jelas dari hari yang pertama sendiri pun mereka telah mengambil tindakan keluar Dewan, kemudian masuk balik ke dalam Dewan dua tiga minit kemudian dengan senyum dan simpul, seperti kera sumbang. Ini adalah kerana mereka mengambil tindakan tanpa berfikir terlebih dahulu, mereka bertindak dahulu baru berfikir. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan di bawah pimpinan Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad dan Dato Musa Hitam sekarang ini apabila kita hendak mengambil apa-apa langkah, apa-apa tindakan, kita berfikir terlebih dahulu masak-masak, kita siasat dengan teliti supaya segala tindakan yang dibuat itu tidak dipersoalkan oleh mana-mana pihak

dan sehinggalah kita juga tidak dipersoalkan di akhirat nanti.

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Penyiasat yang disyorkan atas arahan Kerajaan mempunyai bidang kuasa yang luas. Saya telah meneliti satu persatu bidang kuasa yang ada pada Jawatankuasa Penyiasat dan Jawatankuasa Penyiasat ini juga diminta untuk menyiasat, mengemukakan laporan-laporan, bukanlah untuk mengambil tindakan. Apa-apa tindakan akan diambil oleh pihak Kerajaan. Sebarang penyiasatan yang dibuat, apakah tindakan selanjutnya yang hendak dibuat akan diambil oleh Kerajaan kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri-menteri Kerajaan yang lain telah tegas menyatakan bahawa sebarang penyelewengan, sebarang tingkah laku tidak jujur, sebarang keadaan yang tidak baik berlaku tetap akan diambil tindakan oleh pihak Kerajaan. Saya risau kalau kita tubuh suruhanjaya seperti yang dibentangkan melalui Usul ini dan apabila suruhanjaya itu tidak dapat melahirkan sesuatu yang dikehendaki seperti yang dihasratkan oleh Pembangkang sendiri maka Pembangkang pulalah yang akan datang semula ke Dewan ini menyatakan suruhanjaya yang ditubuhkan oleh Kerajaan tidak berkesan dan berfaedah dan mereka mungkin membawa Usul yang lain pula di dalam Dewan ini. Perkara tubuh suruhanjaya ini juga menjadi rekod DAP.

Baru-baru ini apabila Menteri Buruh membentangkan satu undang-undang, Ahli dari Kepong pun minta supaya ditubuhkan satu suruhanjaya tentang wanita. Kalau kita lihat dalam Hansard boleh kata tiap-tiap sidang Dewan mungkin DAP akan mencadangkan tidak kurang daripada tiga suruhanjaya mesti ditubuhkan, kadang-kadang dalam soalan tambahan pun diminta supaya

ditubuhkan suruhanjaya juga. Ini menunjukkan sikap mereka tidak begitu teliti. Kalaulah kita banyak sangat menubuhkan suruhanjaya lama-lama pegawai-pegawai Kerajaan, pihak-pihak yang berkenaan tidaklah membuat kerja, duduk sahaja, suruhanjaya sahaja yang buat kerja. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, tak usahlah kita hendak memberi alasan Jawatankuasa Penyiasat ini tidak cukup kuasa iaitu Suruhanjaya itu lebih baik lagi tetapi apa yang dikehendaki oleh Kerajaan kita ialah kita menyiasat, membuat laporan dan kita akan mengambil tindakan dan ini satu jaminan yang telah diberikan oleh Kerajaan kita.

Pihak DAP juga menyatakan bahawa Kerajaan sengaja melambatkan perkara ini. Saya yakin bukan Kerajaan yang hendak melambatkan perkara ini tetapi sebaliknya DAP sendiri yang hendak melambatkan perkara ini.

Setelah Kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Penyiasat dengan kuasa-kuasa yang diberi dan dengan Terms of Reference yang ada kepada Jawatankuasa Penyiasat belum lagi selesai pihak DAP pula mahukan supaya sebuah Suruhanjaya ditubuhkan. Jadi bila lepas Suruhanjaya ditubuhkan apa lagi hendak ditubuhkan kita pun tak tahulah. Memanglah DAP hendak melambatkan perkara ini kalau-kalau boleh sampai dalam pilihanraya yang akan datang mereka boleh bawa lagi isu ini. Ini haruslah diberi perhatian oleh Kerajaan supaya kita jangan terikut-ikut dengan sikap DAP yang sudah mempunyai rekod yang tidak baik selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi iaitu kita mesti lihat bahawa sebenarnya adalah satu faktor, satu fact yang menyatakan bahawa skandal ini telah berlaku. Di sini apabila perkara ini berlaku maka

Kerajaan mempunyai dua pula perkara yang harus diselesaikan. Pertamanya, Kerajaan mestilah menyelesaikan soal bagaimana sistem bank di negara kita ini mendapat kepercayaan daripada orang ramai dan soal yang kedua, menyelesaikan masalah yang timbul akibat daripada skandal ini. Dengan yang demikian kita yakin bahawa matlamat dan tujuan Kerajaan melalui penyertaan PETRONAS dalam Bank Bumiputra adalah semata-mata untuk menyelamatkan keadaan sistem bank yang ada dalam negara kita.

Apabila keadaan bank di dalam negara kita kukuh sudah tentulah pembangunan negara kita juga akan kukuh dan sudah tentulah juga bukan sahaja rakyat di negara ini akan memberi kepercayaan kepada negara ini tetapi negara-negara luar juga akan memberi kepercayaan kepada negara kita dan inilah yang ditakuti oleh pihak DAP dan DAP mahu supaya perkara ini dibuat dengan tergesa-gesa, hari ini disiasat, esok dibuat keputusan misalnya, lepas itu Bank Bumiputra tutup, lepas tutup ia akan pulang balik kepada Dewan ini, kepada rakyat mengatakan bahawa Kerajaan kita tidak pandai mentadbirkan negara. Jadi, saya harapkan supaya pada masa-masa yang akan datang pihak DAP haruslah memberi perhatian dan kerjasama kepada pembangunan rakyat. Kita janganlah mencari kesalahan semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang penting di dalam soal penubuhan Suruhanjaya ini ialah kuasa. Kita tahu sepertimana sahabat-sahabat saya telah nyatakan tadi bahawa Suruhanjaya yang akan ditubuhkan ini hanyalah boleh berkuasa di dalam negara kita tetapi tidak di Hong Kong. Pada hal BMF sebuah syarikat ditubuhkan di Hong Kong sudah tentulah pihak Suruhanjaya ini mempunyai bidang yang terhad apabila ditubuhkan.

Pada pandangan saya Jawatankuasa Penyiasat yang ada ini mempunyai hak, mempunyai kuasa yang lebih lagi daripada Suruhanjaya seperti yang dibentangkan oleh DAP ini kerana BMF itu ditubuhkan di bawah Akta Syarikat di Hong Kong dan BMF adalah merupakan anak kepada induk iaitu Bank Bumiputra dan Jawatankuasa Penyiasat ini ditubuhkan oleh Bank Bumiputra, sudah tentulah jawatankuasa ini mempunyai kuasa yang lebih banyak lagi terutamanya di negara Hong Kong.

Tuan Yang di-Pertua, atas alasan-alasan yang saya nyatakan tadi maka saya dengan tegasnya sekali lagi membantah Usul yang dibawa oleh Ahli dari Kota Melaka.

6.48 ptg.

**Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengucapkan syabas kepada Ketua Pembangkang, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka untuk mengambil perhatian Dewan yang mulia ini kepada suatu perkara yang sangat serius mengenai kawalan kewangan serta public credibility, dengan izin, institusi-institusi kewangan di negara kita dan dukacita saya bahawa walaupun Usul ini sangat baik kepada kepentingan negara kita; walaupun begitu Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional telah menderita satu penyakit iaitu condition-reflects. Apa yang disebutkan oleh pihak Pembangkang salah. Kalau Ketua Pembangkang cakap warna putih itu putih, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional cakap salah, seperti Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai dia cakap putih bukan putih, putih adalah hitam. Inilah sikap yang salah.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu memakan masa yang panjang, saya mahu buat dua points sahaja. Point yang pertama saya adalah

seorang Ahli Parlimen dari Sarawak dan sarawak adalah sebuah negeri yang mengeluarkan banyak minyak mentah dan Sarawak mendapat 5% "royalty" sahaja. Dan apabila negeri Sarawak meminta lebih kewangan untuk pembangunan infrastruktur dan lain-lainnya di dalam negeri Sarawak, sentiasalah rakyat Sarawak diberitahu oleh Kerajaan Persekutuan bahawa kekurangan kewangan, akan tetapi PETRONAS mendapat banyak keuntungan daripada pengeluaran minyak negeri Sarawak dan keuntungan ini tidaklah digunakan untuk memberi faedah kepada rakyat Sarawak ataupun kepentingan negara kita tetapi untuk menyelamatkan "bad debt" kehutangan yang rosak . . . . .

**Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: (Bangun).**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada apa Yang Berhormat bangun?

**Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid:** Mengikut Peraturan Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 36 (1) di mana seorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara-perkara yang dibincangkan sahaja. Jadi pada pendapat saya Ahli dari Bandar Kuching ini telah membincangkan perkara-perkara yang tidak berkenaan dengan isu ataupun usul yang sedang kita bahaskan sekarang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah berkaitan itu?

**Tuan Sim Kwan Yang:** Ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta kait tengok.

**Tuan Sim Kwan Yang:** Tuan Yang di-Pertua, usul ini ada kaitan dengan tindakan PETRONAS untuk mengambil alih Bank Bumiputra yang terlibat dalam perkara skandal ini. Itulah satu point saya hendak buat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah duit itu terlibat dalam skandal, duit PETRONAS?

**Tuan Sim Kwan Yang:** Tidak lama lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau macam itu tidak berkenaan dengan usul yang di hadapan kita. Saya tidak benarkan (*Tepuk*).

**Tuan Sim Kwan Yang:** Okay, Tuan Yang di-Pertua, jikalau begitu saya teruskan ucapan saya iaitu dalam satu skandal di Amerika Syarikat beberapa tahun yang lepas iaitu "Watergate Scandal". Adalah satu buku serta tayangan gambar dibuat bertajuk "All the President's Men" dan saya menyokong usul ini untuk menubuhkan satu Suruhanjaya Siasatan Di-Raja supaya bukanlah mencari "All the President's Men" di negara kita tetapi "All the Prime Minister's Men" ataupun "All the 2M's Men" sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.53 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik):** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka semasa membentangkan usulnya tadi telah mengatakan sebab-sebab, di antara lain, usul itu dikemukakan ialah siaran akhbar Pengerusi Jawatankuasa Penyiasatan BMF pada 25hb September 1984 di mana di dalam kenyataan itu Pengerusi Jawatankuasa tersebut telah membangkitkan dua perkara:

- (1) bahawa siasatan untuk menentukan unsur-unsur jenayah dalam skandal pinjaman BMF bukan dalam bidangkuasa Jawatankuasa yang dianggotainya; dan

- (2) Jawatankuasa Penyiasat BMF yang diketuai olehnya tidak mempunyai kuasa ataupun kekebalan ataupun, dengan izin, "immunity" undang-undang terhadap apa-apa tindakan undang-undang oleh mana-mana orang yang berbangkit daripada laporan Jawatankuasa itu.

Tuan Yang di-Pertua, kira-kira 66 minit ataupun 67 minit Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menggunakan masa Dewan yang mulia ini sewaktu membentangkan usulnya. Saya tidak nampak terdapat sebab-sebab dan syarat-syarat yang kuat untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Di-Raja, yang nyata barangkali ialah penyiasatan terhadap kes ini harus dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, ini bukanlah satu perkara baru, perlunya satu penyiasatan dibuat bukan satu perkara baru malah sememangnya inilah perkara yang hendak dijalankan oleh Kerajaan justeru itu ditubuhkan Jawatankuasa Penyiasatan pada 11hb Januari yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi Kerajaan sememangnya menyedari tentang pentingnya penyiasatan dibuat di dalam isu BMF ini tetapi sebelum satu-satu cara yang dipilih bagi menjalankan penyiasatan, maka Kerajaan menghalusi bentuk-bentuk dan cara-cara siasatan yang patut diambil.

Di dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, kaedahnya adalah sama seperti kita membuat pilihan terhadap cara ataupun jalan yang harus kita pilih sewaktu kita hendak pergi dari satu tempat ke satu tempat, kita boleh sampai dengan berbagai-bagai cara dan jalan, tetapi jalan yang patut kita ambil adalah jalan yang terbaik, "alternative" yang paling berkesan sejajar dengan keadaan-keadaan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah BMF ini terdapat dua "alternatives" kepada Kerajaan:

- (1) menubuhkan Jawatankuasa Penyiasat seperti yang telah pun ditubuhkan; ataupun
- (2) kita menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Di-Raja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam kenyataan akhbar beliau pada 11hb Januari tahun ini apabila Yang Amat Berhormat mengisytiharkan penubuhan Jawatankuasa Penyiasat BMF telah memberi dua sebab utama kenapa dan mengapa satu Jawatankuasa Penyiasat dibentuk dan tidak ditubuhkan sebuah Suruhanjaya seperti yang diusulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Saya ingin memberi sekali lagi untuk mengingatkan Ahli-ahli DAP alasan-alasan yang telah diberi:

- (1) kekesanan dan kuasa Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 adalah terhad seperti yang termaktub oleh peruntukan-peruntukan Akta tersebut dan tidak boleh dipakai di Hong Kong; dan
- (2) yang sama pentingnya ialah mustahak bagi "integrity" proses siasatan dipelihara dengan memberi perlindungan kepada laporan dan maklumat lain supaya tetap sulit khususnya yang berkaitan dengan pelanggan bank. Penyimpanan rahsia adalah satu prinsip penting dalam urusan bank. Keperluan untuk memelihara dan menyimpan rahsia adalah diterima secara umum terutamanya apabila orang-orang yang tidak bersalah terlibat dan kepentingan mereka perlu dilindungi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga

telah menjelaskan awal-awal lagi bahawa tujuan penubuhan Jawatankuasa itu adalah supaya hasil siasatannya akan dijadikan asas bagi menentukan sebarang tindakan undang-undang diambil ke atas sesiapa, sesiapa sahaja, yang terlibat dalam masalah pinjaman BMF ini mengikut saluran-saluran tertentu termasuk laporan kepada pihak Polis.

Ianya tidak bertujuan menjalankan siasatan yang bercorak siasatan polis dan sebagainya. Maka oleh itu, Pengerusi Jawatankuasa Penyiasat BMF ini tidak perlu menimbulkan isu-isu kuasa bagi menentukan siapa bersalah atau siapa tidak bersalah. Apa yang perlu ialah Jawatankuasa itu mendapat kerjasama sepenuhnya daripada semua pihak sama ada dari Bank Bumiputra ataupun BMF di Hong Kong dan menjalankan siasatannya dan melaporkan kepada Kerajaan ataupun kepada Bank Bumiputra yang melantik Jawatankuasa itu hasil siasatannya.

Bidang tugas (terms of reference) yang ditetapkan bagi Jawatankuasa itu jelas menunjukkan bahawa tugas Jawatankuasa itu ialah menentukan sama ada terdapat sesiapa mahu pun pegawai-pegawai ataupun pengarah-pengarah, secara langsung atau tidak langsung yang terlibat dalam sebarang penyalahgunaan kuasa, perlesapan wang, perbuatan di luar peraturan kejadian fraud atau pecah amanah. Ini ternyata terdapat di dalam bidang tugas 2, 3, 4, 5, 6 dan 7 Jawatankuasa tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sudah ramai yang menyentuh tentang bidang tugas ini tetapi belum ada yang memberikan secara jelas. Saya hendak bacakan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, bidang-bidang tugas yang saya sebutkan tadi, 2, 3, 4, 5, 6 dan 7. Saya petik:

- (2) sama ada berlakunya apa-apa penyalahgunaan, penyalah

pemakaian atau perlesapan mana-mana dari wang tabungnya.

- (3) takat dan jenis pinjaman atau kemudahan kredit yang diberi oleh BMF kepada—

(a) the Carrian Group of Companies dan syarikat-syarikat yang ada kaitan dengan Mr George Tan; dan

(b) Eda Investment Ltd.

- (4) sama ada pinjaman dan kemudahan kredit itu telah diluluskan dengan mengetahui dengan mematuhi undang-undang dan atau prosedur memberi pinjaman-pinjaman kepada syarikat itu dan telah dibelanjakan mengikut terma dan syarat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang meluluskannya dan sama ada dalam segala hal keadaan pinjaman dan kemudahan itu telah dibuat *bona-fide* bagi kepentingan BMF dan konsisten dengan amalan urusan bank dan perdagangan yang lazim dan berhemat.
- (5) orang ataupun orang-orang yang terlibat dalam memproses dan meluluskan pinjaman atau kemudahan kredit itu.

Dan saya bacakan lagi:

- (6) sama ada orang ataupun orang-orang itu dan atau mana-mana pengarah, pegawai atau orang secara langsung atau tidak langsung yang terlibat dengan pentadbiran BMF telah sama ada dengan sendirinya atau oleh seseorang ahli keluarga atau agennya telah menerima atau bersetuju menerima apa-apa faedah sama ada berupa wang, atau nilai wang atau apa juga nama yang dipanggilnya dari (a), BMF sebagai tambahan

kepada saraan biasanya atau (b) peminjam-peminjam atau sesiapa daripada mereka dan jika ada anggota itu berbuat sedemikian, identitinya dan identiti peminjam atau peminjam-peminjam itu mengikut mana yang berkenaan.

- (7) Apa-apa perbuatan luar saluran atau pecah amanah atau tindakan tidak memperdulikan amalan perniagaan yang jujur ataupun pelanggaran mana-mana undang-undang yang berkenaan dengan pentadbiran dan pengendalian BMF.

Tuan Yang di-Pertua, di sini sudah jelas kita lihat bahawa bidang tugas adalah terang dan Bank Bumiputra dan BMF adalah unsur terpenting bagi apa-apa keterangan untuk penyiasatan itu dan kerjasama adalah lebih penting. Maka isu kuasa yang ditimbulkan itu tidak sepatutnya menjadi masalah.

Seterusnya apabila diambil kira bahawa Bank Bumiputra dan BMF adalah unsur keterangan yang terpenting, maka adalah difikirkan bahawa satu Jawatankuasa Penyiasatan yang ditubuhkan olehnya sendiri lebih wajar dari segi kesannya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berbahagia Pengerusi Jawatankuasa Penyiasat BMF juga tidak perlu bimbang sama ada Jawatankuasa mempunyai kekebalan undang-undang atau tidak. Jika ahli-ahli Jawatankuasa pasti dan dapat mengemukakan bukti terhadap unsur-unsur jenayah dalam masalah pinjaman BMF ini, sila laporkan hasil siasatan itu kepada Kerajaan dan jika mereka kurang pasti tetapi mempercayai ada unsur-unsur jenayah, mereka juga perlu melaporkan kepada Kerajaan.

Ahli-ahli Jawatankuasa itu juga tidak perlu bimbang dan tidak perlu

takut dalam menjalankan tugas-tugas yang diberikan kerana Bank Bumiputra akan mengambil tindakan memberikan sebarang perlindungan melalui jaminan kepada Ahli-ahli Jawatankuasa itu sekiranya perlu.

Apa yang penting pada masa ini ialah Jawatankuasa itu perlu menumpukan dan menjalankan tugas-tugasnya dengan jujur dan suci hati dan mengikut bidang tugas yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu kenyataan lagi ialah bahawa Jawatankuasa Penyiasat BMF baru sahaja mengemukakan interim report iaitu laporan awal ataupun laporan sementara. Laporan akhir Jawatankuasa itu masih belum disiapkan.

Walaupun demikian sehingga sekarang kita masih belum mendengar apa-apa sungutan ataupun aduan dari pihak Jawatankuasa ini terhadap sebarang halangan yang dihadapi oleh mereka, oleh Ahli-ahli Jawatankuasa itu di dalam menjalankan penyiasatan mereka. Ini bermakna Jawatankuasa ini tidaklah menghadapi apa-apa masalah di dalam usaha mereka mendapatkan maklumat-maklumat yang dikehendaki di dalam laporan tersebut.

Mereka telah diberi kepercayaan yang penuh untuk menjalankan penyiasatan itu dan sehingga hari ini dipercayai kebebasan tersebut telah digunakan sepenuhnya oleh Ahli-ahli Jawatankuasa itu.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga sedar bahawa menubuhkan satu Suruhanjaya Siasatan Di-Raja tidaklah susah tetapi penubuhan suruhanjaya seperti yang dicadangkan ini tidak akan mendatangkan apa-apa faedah. Ini kerana BMF adalah sebuah anak syarikat Bank Bumiputra yang didaftarkan di bawah Chapter 32

Hong Kong Companies Ordinance dan tertakluk kepada undang-undang di Hong Kong. Akta Suruhanjaya Siasatan Di-Raja 1950 hanya mempunyai bidangkuasa di Wilayah Malaysia sahaja, ianya tidak boleh dipakai di Hong Kong. Oleh itu, kuasa-kuasa yang diberi kepada suruhanjaya kalau pun ditubuhkan yang mana kita percaya tidak akan ditubuhkan tidak akan berkesan sama sekali. Kuasa-kuasa sesuatu suruhanjaya itu mahu pun luas tetap terhad undang-undang keterangan seperti undang-undang mengenai privilege information. Di samping itu juga, Tuan Yang di-Pertua, ada pula persoalan mengenai rahsia dalam urusan bank. Penyimpanan rahsia adalah prinsip yang penting dalam urusan bank bukan sahaja di negara kita malahan di seluruh dunia di mana dikehendaki oleh undang-undang ataupun konvensyen supaya sifat penyimpanan rahsia itu terpelihara.

Kerajaan juga sedar bahawa kuasa bagi sesuatu Suruhanjaya Siasatan Di-Raja memang luas tetapi privilege information ini ataupun yang berhubung dengan pelanggan-pelanggan bank perlu dipelihara dan dijaga. Keyakinan orang ramai terhadap sesebuah bank dan sistem bank dalam sesebuah negara adalah berasaskan kepada pemeliharaan rahsia hal ehwal urusan pelanggan iaitu sama ada dengan kekuatan dan integrity bank-bank dan sistem bank itu sendiri, ini penting. Ini boleh mengurangkan keyakinan pelanggan bank dalam dan luar negeri terhadap sistem bank di negara kita ini. Dalam usaha-usaha Kerajaan untuk menimbulkan keyakinan suasana kewangan yang sihat dan meninggikan integrity institusi kewangan dalam negara kita ini setanding dengan institusi-institusi kewangan di luar negeri maka sifat penyimpanan rahsia ini adalah merupakan salah satu daripada penekanan yang patut diberikan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu saya ingin juga menyatakan bahawa Kerajaan terus mengawasi perjalanan perniagaan bank-bank di negara kita ini. Langkah-langkah mengawasi segala kegiatan bank dari masa ke semasa bukalah diambil disebabkan oleh timbulnya sesuatu masalah semata-mata tetapi ianya merupakan satu proses yang berterusan. Beberapa langkah tambahan telah diambil baharu-baharu ini bagi menentukan pengawasan yang lebih rapi ke atas urusan bank dan cawangan-cawangan mereka di seberang laut. Mengikut peraturan baharu ini semua cawangan-cawangan bank Malaysia di luar negeri misalnya dikehendaki mengemukakan penyata pinjaman yang melebihi \$1 juta serta penyata bulanan harta dan tanggungan mereka kepada Bank Negara. Selain dari itu untuk menghadkan pendedahan sesebuah bank kepada pelanggan perseorangan kumpulan ataupun sektor, Kementerian Kewangan telah menguatkuasakan Seksyen 27 (a) Akta Bank 1973 yang membolehkan Bank Negara menentukan jumlah pinjaman kepada seseorang pelanggan. Ianya dikira mengikut peratusan dari kumpulan wang modal bagi bank saudagar dan bank tempatan dan modal kerja bersih bagi bank asing. Ini bererti bahawa pinjaman kepada mana-mana pelanggan ditetapkan pada kadar 30% dari wang modal bagi bank saudagar dan bagi bank tempatan dan 30% dari modal kerja bersih bagi bank asing. Dan kedua, jumlah pinjaman besar iaitu pinjaman yang melebihi 15% dari wang modal bank atau modal kerja bersih bagi bank asing tadi tidak boleh melebihi 50% dari jumlah kemudahan kredit yang dikeluarkan oleh sesebuah bank.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar walaupun penjelasan-penjelasan yang dibuat tadi dapat menyakinkan bahawa Suruhanjaya Siasatan Di-Raja tidak perlu diwujudkan seperti kita

menjangka tetapi kita percaya perkara ini akan terus juga dibangkitkan oleh pihak Pembangkang dari masa ke semasa. Kita tidak perlu berasa bimbang terhadap perkara ini oleh kerana tumpuan utama yang mesti diberikan oleh Kerajaan di dalam perkara ini ialah untuk memastikan bahawa Bank Bumiputra akan terus menjalankan operasi bank itu dengan jayanya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya hendak bangkitkan di sini yakni berkaitan dengan satu perkara yang telah disebutkan oleh Ahli dari Kota Melaka tadi yang mana mengikut beliau sewaktu Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada waktu itu menjawab satu soalan yakni pada 15hb Mac 1983 berkaitan dengan sama ada Bank Bumiputra mengalami kerugian atau tidak yang mana Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada waktu itu telah tidak memberi jawapan yang memuaskan hati ataupun pada pandangan Ahli Kota Melaka, seolah-olah mengikut beliau Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada waktu itu sengaja tidak mahu memberi jawapan yang betul.

Yang sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, pada 15hb Mac 1983 akaun-akaun Bank Bumiputra pada waktu itu sedang diaudit maka memanglah tidak wajar bagi sesiapa termasuk Menteri Kewangan sekali memberitahu tentang keuntungan atau kerugian bank tersebut sehingga akaun bank tersebut telah diaudit dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, setelah memberi hujah-hujah dan pandangan saya sedikit pun tidak nampak mengapa Suruhanjaya Siasatan Di-Raja ini patut diadakan. Jauh sekali menyetujuinya. Maka dengan itu saya menolak setegas-tegasnya usul yang dibentangkan oleh Ahli dari Kota Melaka ini. (*Tepuk*).

7.20 mlm.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, saya mahu mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Ahli-ahli Yang Berhormat kedua-dua pihak yang ada ambil bahagian dalam usul ini.

Ada satu masa apabila saya dengar hujah-hujah yang diutarakan oleh setengah-setengah Ahli-ahli Yang Berhormat, saya fikir bahawa saya ada menghadiri satu persidangan yang diadakan sempena Hari Kebangsaan di mana diadakan bagi pertama kali Parlimen Kanak-kanak, khasnya apabila Yang Berhormat dari Parit Buntar berucap dan sebab itu oleh kerana tentulah tidak akan ambil bahagian dalam Parlimen Kanak-kanak, saya rasa tidak perlu untuk menjawab hujah-hujah kanak-kanak yang ada diberikan oleh Yang Berhormat dari Parit Buntar.

**Dato' K. Pathmanaban:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun Yang Berhormat dari Kota Melaka. Ya, apa sebab?

**Dato' K. Pathmanaban:** Point of order.

**Tuan Yang di-Pertua:** Point of order berapa?

**Dato' K. Pathmanaban:** 36 (4).

**Tuan Yang di-Pertua:** "Adalah salah pada Peraturan Mesyuarat bagi seseorang ahli menggunakan bahasa biadap." Adakah kita hendak mengatakan seseorang itu mengeluarkan buah fikiran "kanak-kanak" itu sebagai biadap?

**Dato' K. Pathmanaban:** Sensitive and insulting.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat tidak. Kalau sekiranya kita kata iaitu mempunyai fikiran ada perkara yang lain daripada "kanak-kanak", seperti

"yang tidak siuman" bolehlah. Ini "kanak-kanak" tidak mengapa pada fikiran saya. Sila teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya ucap syabas kepada yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan komen atas itu (*Ketawa*). Sila teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu sebahagian dari perbahasan, itu interruption. Apabila . . . . .

**Tuan Tan Kok Hooi:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Padang Serai bangun atas apa?

**Tuan Tan Kok Hooi:** Minta jalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta jalan, adakah Yang Berhormat benarkan?

**Tuan Lim Kit Siang:** Boleh! Dia takut tetapi saya tidak takut dia!

**Tuan Tan Kok Hooi:** You jangan anggap diri sendiri selalu sebagai hero! (*Ketawa*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu bukan penjelasan (*Ketawa*). Saya minta duduk, itu bukan penjelasan. Sila teruskan. Kita sudah memakan masa sehingga 7.22 minit sekarang belum habis lagi. Saya mintalah supaya perbahasan ini dijalankan dengan segala tertib yang sepatutnya daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya berhenti saya mahu ucap tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa apabila ada orang yang menggunakan perkataan-perkataan yang samakan orang India dengan ular, tidak ada reaksi; "kanak-kanak" ada reaksi—tahniah, syabas!

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sudah pun beritahu jangan menggunakan

perkataan itu dalam Dewan ini lagi. Kesemua sudah bersetuju, saya minta janganlah menggunakannya lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, itu satu perkara yang ada berbangkit khasnya oleh kerana apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat dari Pasir Puteh tidak dianggap oleh kita sebagai apology. Perkara itu belum diselesaikan, tetapi saya mahu gulung apa yang saya ada di sini.

Yang Berhormat Timbalan Menteri ada ulangi dua sebab kenapa penubuhan Suruhanjaya Siasatan Di-Raja tidak sesuai untuk perkara skandal BMF yang ada dibentang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 11hb Januari apabila mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Siasatan BMF. Yang pertama ialah bahawa mengikut Akta Suruhanjaya Siasatan, sebuah Suruhanjaya Siasatan Di-Raja tidak akan ada kuasa atau jurisdiction di luar Malaysia, benar. Tetapi sebuah Jawatankuasa Siasatan semacam Jawatankuasa Ahmad Noordin pun tidak ada kuasa atau jurisdiction dalam Hong Kong, pun tidak ada jurisdiction atau kuasa di luar Malaysia.

Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa BMF ialah sebuah anak syarikat Bank Bumiputra dan oleh kerana anak syarikat Bank Bumiputra, sebuah Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Bank Bumiputra boleh siasat apa yang berlaku dalam BMF. Tetapi itu bukan oleh kerana ada kuasa-kuasa luar (extra territorial) dan oleh kerana BMF ialah sebuah anak syarikat Bank Bumiputra, apabila Suruhanjaya Di-Raja ditubuhkan, Suruhanjaya Di-Raja pun boleh memaksa Bank Bumiputra oleh kerana sebuah bank dalam Malaysia untuk mematuhi kehendak-kehendak Suruhanjaya Siasatan Di-Raja mengenai siasatan BMF melalui Bank Bumiputra.

Lagi satu contoh dan untuk memperkuat hujah-hujah ini, di bawah Akta Syarikat, Akta Bank atau Akta Finance Companies semua pun terhad kepada Malaysia, tidak boleh dipakai dalam Hong Kong, tetapi apabila Bank Bumiputra mengadakan akaun tahunan, perlu memasuki Consolidated Accounts yang meliputi syarikat-syarikat associated dan subsidiaries luar daripada Malaysia. Sebab itu Akta Suruhanjaya Siasatan bukan satu sebab kenapa Suruhanjaya Siasatan Di-Raja tidak sesuai untuk ditubuhkan untuk siasat BMF. Itu adalah satu alasan sahaja untuk menolak penubuhan Suruhanjaya Siasatan Di-Raja.

Oleh kerana Suruhanjaya Siasatan Di-Raja akan dapat lebih kuasa daripada Jawatankuasa Siasatan—ada kuasa untuk sapina, saman orang, dengan izin, persons, papers and records, yang Ahmad Noordin's Committee tidak ada kuasa itu dan sungguhpun Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa tidak dengar apa-apa sungutan bahawa Jawatankuasa Ahmad Noordin ada menghadapi apa-apa halangan dan ada diberi kebebasan yang penuh untuk menjalankan tugasnya, saya sendiri ada mendengar bahawa Jawatankuasa BMF Ahmad Noordin ada menghadapi sikap-sikap yang tidak bekerjasama daripada pegawai-pegawai tinggi Bank Bumiputra. Tentulah Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak mahu perkara ini bahawa Jawatankuasa ini complained kepada beliau. Itulah saya ada dengar, sama ada benar atau tidak benar saya rasa itu satu perkara yang kita perlu ambil perhatian oleh kerana tidak payah sampai satu peringkat yang tidak mahu memberi maklumat-maklumat untuk menghalang dokumen-dokumen atau sikap-sikap yang cukup.

Yang kedua, mengenai rahsia bank yang patut dipelihara dan

diperlindungi. Itu kita setuju bahawa rahsia pelanggan-pelanggan di bank-bank adalah satu rahsia yang patut diperlindungi tetapi bukan sampai satu peringkat di mana jenayah-jenayah disembunyi, di mana ada berlaku jenayah-jenayah sudah timbul satu conflict of public interest, dengan izin, rahsia pelanggan-pelanggan di bank-bank atau kepentingan orang ramai untuk mencegah atau untuk bongkar jenayah-jenayah secara corporate atau bank. Dan itulah kita patut ada kepercayaan kepada Suruhanjaya Di-Raja oleh kerana apabila Suruhanjaya Di-Raja ditubuhkan, tentulah akan dianggotai oleh orang-orang yang bertanggungjawab, yang berpengalaman dan cadangan ialah diketuai oleh Hakim dan Suruhanjaya Di-Raja pun tentu ada kuasa, ada budibicara di mana ada timbul perkara mengenai pentingnya memelihara rahsia pelanggan-pelanggan, untuk Suruhanjaya Di-Raja mengadakan siasatan atau hearing secara "in camera", sehingga di mana sangat jelas ada berlaku kegiatan-kegiatan jenayah dan hearing atau session diadakan secara terbuka. Sebab itu saya menolak kedua-dua sebab yang ada diulangi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang sebenarnya pada asalnya dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kenapa tidak sesuai mengadakan Suruhanjaya Di-Raja oleh kerana kedua-dua sebab itu tidak kuat. Sebaliknya sungguhpun Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut mengenai Terms of Reference Jawatankuasa Siasatan Ahmad Noordin, sebenarnya itu tidak cukup luas.

Skandal BMF sampai ke tahap sekarang bukan sahaja oleh kerana kecuaiannya atau pecah amanah atau perbuatan jenayah dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri ada berkata bahawa ini adalah satu heinous crime tanpa penjenayah (criminal). Sebab itu, satu siasatan

menyeluruh perlu dijalankan bukan sahaja dalam Bank Bumiputra Malaysia Finance, bukan sahaja dalam Bank Bumiputra tetapi di peringkat lebih tinggi oleh kerana tiada seorang akan percaya bahawa jumlah yang begitu besar \$2.5 billion boleh terlibat dalam kes BMF skandal tanpa pengetahuan, tanpa persetujuan orang-orang yang sangat tinggi. Adakah apa-apa kelulusan dibuat, apa-apa green light, lampu hijau diberi? Semua perlu disiasat dan apa tindakan agensi-agensi Kerajaan (regulatory) untuk mencegah perkara semacam ini berlaku. Kenapa mereka tidak bertindak, kenapa mereka nampaknya cuai semacam pegawai-pegawai BMF atau Pengarah-pengarah Bank Bumiputra yang tidak boleh mempertahankan, mencegah perkara semacam ini. Kenapa Bank Negara membenarkan skandal BMF sampai ke peringkat ini? Ministry of Finance dan lain-lain dan ini bukan dalam scope terms of reference Jawatankuasa Siasatan Ahmad Noordin. Sebab itu kita mahu satu siasatan yang menyeluruh, yang mendalam yang tidak menghiraukan orang-orang yang akan dipersoalkan, akan ditanya apa jawatan, apa pangkat mereka.

Di sini saya dapati bahawa dalam siasatan Jawatankuasa Ahmad Noordin, Pengerusi Bank Bumiputra, Dr Nawawi, tidak pernah memberi apa-apa keterangan. Adakah ini benar? Adakah oleh kerana jawatan tinggi dan sebab itu kita mahu satu Suruhanjaya Siasatan Di-Raja dalam kuasa yang seluas-luasnya dan di sini kita ada dengar bahawa mengenai masalah immunity, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada memberi jaminan bahawa Jawatankuasa BMF tidak perlu rasa bimbang mengenai masalah immunity atau kalau tidak silap, kekebalan, dan bahawa kalau perlu Bank Bumiputra akan memberi jaminan dalam perkara immunity. Saya rasa ini tidak memuaskan hati

oleh kerana masalah immunity bukan sahaja satu masalah kewangan.

Mungkinlah Yang Berhormat Timbalan Menteri memikirkan kalau laporan dibuat ada orang yang mengambil tindakan undang-undang terhadap Tan Sri Ahmad Noordin, kalau ada bersalah dan apa-apa kos undang-undang, Bank Bumiputra sebagai Bank yang begitu kuat dan kukuh akan memberi jaminan untuk memberi semua sokongan, akan bertanggungjawab, sepenuhnya akan ditanggung oleh Bank Bumiputra. Itu bukan satu masalah sahaja, kalau ada kes yang banyak, selalu hendak pergi ke mahkamah, mungkinlah ahli-ahli daripada Jawatankuasa Siasatan mahu masa yang bukan sahaja hari-hari, minggu-minggu, bulan-bulan mahu ada dalam mahkamah. Sebab itu immunity bukan sahaja sokongan jaminan kewangan, tetapi immunity daripada legal process. Itu tidak ada dan tiada apa ura-ura bahawa ini akan dibetulkan dan tentulah tidak boleh dibetulkan oleh kerana Jawatankuasa Siasatan ini ada ditubuhkan oleh Bank Bumiputra dan bukan oleh Kerajaan di bawah Akta Suruhanjaya di mana ada memberi immunity kepada semua orang yang menjalankan siasatan.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, dengan ringkas dan cepat saya mahu sebut beberapa perkara yang ada ditimbulkan oleh beberapa ahli-ahli. Saya rasa sangat terperanjat dengan hujah-hujah Yang Berhormat dari Ulu Muda khasnya dengan tuduhannya bahawa tujuan saya mengemukakan usul ini ialah dengan tujuan mahu mematikan Bank Bumiputra. Saya rasa ini adalah satu dakwaan yang sangat tidak bertanggungjawab dengan motif yang jahat, dengan tujuan yang jahat dan saya rasa dan berharap di masa depan dalam Dewan ini, kita tidak akan dengar hujah-hujah semacam ini. Nampaknya kalau kita mahu teruskan Dewan ini sebagai satu Dewan yang civilised, bahawa

janganlah kita buat atau kemukakan hujah-hujah semacam ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini Yang Berhormat dari Padang Serai ada membuat beberapa tuduhan, tetapi apabila saya minta penjelasan, minta jalan, beliau takut. Saya tidak tahu mengapa selepas setahun, dia datang ke Dewan ini untuk membangkitkan hal pilihanraya kecil Seremban. Mungkin beliau tidak ada lain-lain perkara atau hujah-hujah yang baik untuk dikemukakan dalam perbincangan ini dan mengemukakan perkara-perkara yang jauh daripada isu-isu di hadapan kita. Beliau ada membuat dakwaan bahawa dalam pilihanraya kecil Seremban, saya ada membuat tuduhan bahawa Lee San Choon adalah menjadi orang tengah dalam perkara skandal BMF ini. Saya tidak pernah berkata begitu. Yang kedua, beliau ada membuat satu lagi dakwaan bahawa tidak berapa hari dahulu bahawa saya ada membuat satu pengumuman bahawa saya akan datang ke Parlimen untuk menceritakan mengenai satu perkara yang melibatkan satu syarikat Finance yang ada masalah pinjaman yang melibatkan \$30 juta. Saya pun tidak pernah berkata bahawa saya akan melahirkan atau membangkitkan hal ini dalam Parlimen. Mungkin saya akan tetapi saya tidak kata saya akan, ini menunjukkan orang-orang yang mahu cakap tidak mahu check, tidak mahu periksa fakta-fakta. Sebenarnya beliau sudah bercakap bahong. Siapa orang pembohong? Beliau sendiri seorang pembohong.

**Dato K. Pathmanaban:** *(Bangun).*

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta Penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak payah penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk!

**Tuan Lim Kit Siang:** Duduk!

**Tuan Tan Kok Hoi:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat dari Padang Serai ada hendak buat apa.

**Tuan Tan Kok Hoi:** Minta penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak mahu beri jalan lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk!

**Tuan Tan Kok Hoi:** Dia takut.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak apa, tidak takut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta jangan menggunakan perkataan takut dan sebagainya.

**Dato K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, on a point of order.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, on a point of order, apa dia.

**Dato K. Pathmanaban:** Saya menyatakan Yang Berhormat bohong tadi mengenai denial beliau mengaitkan dengan Dato Lee San Choon dengan BMF semasa kempen pilihan kecil . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, itu bukan on a point of order.

**Tuan Yang di-Pertua:** On a point of order . . . . .

**Dato K. Pathmanaban:** Saya kata Yang Berhormat bohong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu bukan a point of order (*Ketawa*).

**Tuan Lim Kit Siang:** Tak tahu pun point of order—susah!

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta teruskan. Jangan buat komen, biar saya yang memutuskan, selepas itu Yang Berhormat janganlah buat apa-apa komen.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dan beliau pun ada cabar bahawa Yang Berhormat daripada Seremban letak jawatan dan lain-lainlah. Kalau ketuanya, kalau tidak silap di dalam kem Neo Yee Pan tidak boleh elak daripada perkataan oleh kerana kem Neo Yee Pan, adalah bertentangan dengan kem Tan Koon Swan dalam MCA, kalau tidak silap dia dalam kem Neo Yee Pan dan kalau begitu . . . . .

**Tuan Tan Kok Hooi:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti sekejap, ada apa Yang Berhormat dari Padang Serai?

**Tuan Tan Kok Hooi:** Penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak mahu beri jalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak beri jalan, tidak usah cubalah.

**Tuan Tan Kok Hooi:** Dia takut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan mengguna perkataan “takut”, kalau dia tidak beri maknanya tidak berilah. Sudahlah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dan ketuanya Yang Berhormat Menteri Perumahan, kalau tidak silap, rela untuk pergi ke Seremban untuk ada satu contest dengan Pengerusi kita bila-bila—bila-bila—esok pun boleh (*Tepuk*).

Akhirnya, saya rasa sangat sedih bahawa dalam satu perkara yang melibatkan wang rakyat \$2,500 juta, Ahli-ahli daripada Barisan Nasional mahu pun pihak Kerajaan tidak ambil perhatian yang serius.

Dalam perbahasan ini kita tidak boleh ikut satu perasaan sense of outrage, moral outrage. Kenapa \$2,500 juta wang rakyat hilang dalam Bumiputra Malaysia Finance. Tidak ada. Sense of outrage mengenai perkara yang kecil-kecil pop vs pop sense of outrage. \$2.500 juta adalah

merupakan suatu krisis yang terbesar dalam Malaysia, main-main—ketawa!

Itulah saya rasa tidak akan reflect dengan baik kepada rakyat mengenai peranan, tanggungjawab dan fungsi Parlimen. Sungguhpun Kerajaan sudah jelaskan bahawa tidak akan sokong usul ini, saya harap sekurang-kurangnya perbahasan ini akan memberi Kerajaan suatu kesedaran bahawa rakyat jelata sangat berminat ambil perhatian yang serius mengenai perkara ini. Kita tidak mahu berlaku cover-up selepas cover-up. Kita tidak mahu penubuhan Jawatankuasa Ahmad Noordin dibuat sebagai satu alat untuk cover-up perkara ini. Bahawa Suruhanjaya Siasatan Di-Raja tidak mahu ditubuhkan oleh kerana tidak boleh dikontrol, oleh kerana bidang yang begitu luas dan Ahmad Noordin Committee, House Committee boleh dikontrol.

Saya harap perkara ini sebelum ia dibangkitkan semula di dalam Dewan yang mulia ini, Kerajaan akan bertanggungjawab dengan tidak melambat-lambatkan perkara ini untuk mengumumkan Laporan Jawatankuasa Penyiasat BMF, baik laporan awal kemudian laporan akhir apabila ia siap dan dikemukakan kepada pihak yang berkuasa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah Usul atas nama Yang Berhormat dari Kota Melaka yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini mengambil ingatan akan kenyataan-kenyataan

awam berterusan yang dibuat oleh Perdana Menteri dan lain-lain Menteri Kanan Kabinet mengenai keazaman Kerajaan untuk bertindak terhadap “pesalah-pesalah” yang terlibat dalam skandal pinjaman Bumiputra Malaysia Finance;

Mengambil ingatan akan seruan Pengerusi Jawatankuasa Siasatan BMF, Tan Sri Ahmad Noordin, bahawa sebuah Suruhanjaya Siasatan Di-Raja sahajalah merupakan penyiasatan yang boleh menentukan sama ada mana-mana orang adalah salah dari segi jenayah dalam skandal pinjaman BMF selepas beliau telah menghabiskan masa tujuh bulan untuk menyiapkan laporan sementara mengenai skandal pinjaman BMF; dan

Memutuskan bahawa sebuah Suruhanjaya Siasatan Di-Raja hendaklah ditubuhkan untuk menyiasat ke dalam segala aspek skandal pinjaman BMF serta mendedahkan pesalah-pesalah BMF yang telah menyebabkan Malaysia rugi kira-kira \$2.5 billion.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 4.00 petang esok, 19hb Oktober, 1984.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.46 malam.*